

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

<b>Bil. 10</b>	<b>Selasa</b>	<b>15 Ogos 2017</b>
----------------	---------------	---------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	21 & 66)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 Rang Undang-undang Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2017 Rang Undang-undang Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2017	(Halaman	21)  (Halaman 62) (Halaman 69) (Halaman 92)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Selasa, 15 Ogos 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua (Dato' Sri SA. Vigneswaran)*  
***mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty** minta Menteri Pertahanan menyatakan, adakah penubuhan Pusat Keamanan Raja Salman (KSCIP) yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini boleh menjamin keberkesanan dalam memerangi keganasan (*al-'unfu*) dan ekstremisme agama (*ghuluwwu fi al-din*) global, dan secara khusus dapat menangani ancaman keganasan dan ekstremisme agama di dalam negara.

**Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Yang dikasihi Tuan Yang di-Pertua. Ancaman-ancaman masa kini yang bersifat ekstremisme, radikalisme dan terorisme termasuk aktiviti-aktiviti militan daripada kumpulan yang dikenali sebagai *Islamic State* (IS), ISIS atau Daish jika tidak dibendung boleh menjejaskan keselamatan negara, boleh menggugat keharmonian beragama, boleh menjejaskan ekonomi seterusnya memberikan imej yang negatif terhadap agama Islam itu sendiri.

Ia juga akan melahirkan satu sentimen *Islamofobia* di kalangan masyarakat berbilang bangsa dan agama di Malaysia seperti yang kita lihat di Eropah dan Amerika Syarikat khususnya dan di dunia amnya. Kumpulan-kumpulan seperti ini menyebarkan ideologi dan doktrin mereka melalui pelbagai aplikasi media sosial bagi meraih simpati dan sokongan serta merekrut pengikut-pengikut baru bagi membina sebuah Khilafah Islamiah melalui konsep dan pengertian jihad yang sebenarnya tidak selari serta menyimpang dari maksud jihad Islam yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman dewan yang mulia ini terorisme tidak terjadi dengan sendirinya. Ia bermula dari sentimen-sentimen kebencian dalam diri seseorang individu lalu menjurus individu itu menjadi seorang yang ekstrem atau melampau. Mekanisme yang paling sesuai pada hemat kementerian dan kerajaan ialah untuk membendung ancaman ini melalui pemikiran atau ideologi bagi menentang ideologi dan tidak hanya terhad penguatkuasaan undang-undang serta operasi ketenteraan sahaja.

Satu kajian yang telah dibuat oleh sebuah badan pemikir di Amerika Syarikat iaitu *RAND Corporation* terhadap 648 kumpulan pengganas di dunia telah menunjukkan bahawa 43 peratus daripada kumpulan pengganas telah berjaya dipatahkan melalui *soft approach* ini. Maka inisiatif

penubuhan *King Salman Centre for International Peace* bersama-sama dengan Kerajaan Arab Saudi merupakan satu langkah yang tepat bagi memerangi ancaman ekstremisme dan terorisme.

KSCIP mempunyai visi untuk menjadi peneraju ke arah mencapai keamanan sejagat serta misi untuk membangunkan dan mempromosikan mesej keamanan kepada dunia melalui konsep Wasatiyyah. Pertama, matlamat KSCIP ialah untuk melaksanakan kajian keselamatan secara komprehensif merangkumi aspek-aspek ekstremisme, radikalisme dan terorisme yang menjadi ancaman global ketika ini. Kedua ialah untuk mempromosikan kesefahaman dalam perbezaan amalan, kepercayaan dan pegangan agama serta mengurangkan jurang perbezaan antara budaya di kalangan masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya dan yang ketiga memberi kesedaran dan kefahaman dan ajaran Islam yang sebenarnya.

Maka strategi dan mekanisme KSCIP ialah pertamanya untuk menumpukan kepada usaha melawan ideologi, dengan izin, *countering violent extremism through counter narrative* seperti *counter messaging* diradikalisasi dan program-program kesedaran.

Kedua, KSCIP menjadi sebahagian jaringan institut-institut pemikir di seluruh dunia dengan menjalinkan kerjasama dengan institusi-institusi yang sedia wujud di dalam negara dan di luar negara agar dapat melaksanakan peranannya secara lebih efektif. Melaksanakan wacana intelektual seperti seminar, bengkel, persidangan dan bentuk-bentuk forum yang akan mengumpulkan para ilmuwan bertaraf dunia, pemimpin-pemimpin negara dan juga para akademia dan keempat melaksanakan kajian ilmiah dan projek di lapangan oleh para ilmuwan dan pengamal keamanan sesi perkongsian pengalaman, lawatan kerja, projek bersama, *public outreach programmes*, dan juga publikasi akademik serta penerbitan dalam pelbagai media tempatan dan juga antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua KSCIP telah mula beroperasi 1 Jun 2017. Dalam fasa pertama penubuhannya, usaha-usaha digerakkan untuk pembentukan organisasi dan penyediaan infrastruktur dan KSCIP dijangka dapat beroperasi sepenuhnya dalam tempoh dua tahun yang akan datang. Kerajaan dan kementerian yakin penubuhan KSCIP sudah pasti akan menjadi platform dan pusat tumpuan bagi mempromosikan keamanan sejagat.

#### ■1010

KSCIP akan terus bekerjasama dengan pelbagai agensi dalam dan luar negara bagi memartabatkan imej Islam pada pandangan masyarakat dunia serta menangani isu *islamophobia* dengan lebih berkesan, *insya-Allah*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sudah tentunya segala pendekatan dan langkah-langkah yang diambil ini juga memerlukan sokongan padu dan kerjasama daripada semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini demi menjamin keamanan, keharmonian dan kestabilan di peringkat negara, serantau dan global. Saya bagi pihak kerajaan dan bagi pihak Kementerian Pertahanan mengalu-alukan apa jua pandangan, kerjasama, sokongan dan juga dukungan kepada usaha kita yang mungkin di luar kotak tetapi cukup penting untuk memastikan rantau kita tetap selamat dan aman daripada pengganas-pengganas seperti Daish dan IS ini. Terima kasih.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang saya fikir dapat dialu-alukan tentang kepentingan dan juga keperihalan fungsi yang akan dimainkan oleh KSCIP. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya memang benar bahawa sekarang ini kita sedang berhadapan dengan satu ancaman kebangkitan Neo Khawarij, dengan izin, iaitulah kelompok yang mengambil pendekatan keras dalam sejarah awal Islam lagi yang ingin membunuh semua khalifah Islam yang empat. Fenomena itu sedang berlaku dalam bentuk militan seperti yang dipamerkan oleh Daish, IS, Boko Haram, As-Syabab dari Somalia, JI di kawasan Asia Tenggara dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun ada beberapa pengamatan daripada saya untuk diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri iaitu apakah modus operandi pusat kajian ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia ataupun diterajui sebahagian besarnya oleh Kerajaan Saudi Arabia. Saya pohon maaf, saya bimbang dalam soal kajian dan tindakan terhadap *terorrisme* ini tidak semestinya perspektif daripada Dunia Barat terutama Amerika Syarikat dan apa lagi daripada ejen-ejen Zionis yang beroperasi di Dunia Islam terutama di Dunia Arab pada saat ini dan khususnya barangkali di Saudi Arabia yang semakin rapat dengan Israel akan memberikan satu tekanan kepada masyarakat Islam untuk tidak menerima usaha-usaha yang baik daripada Kerajaan Malaysia bagi membanteras keganasan.

Sebab kita dengan jelas dan tegas menolak keganasan kerana bertentangan dengan ajaran Islam. Saya melihat satu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah dengan soalan itu. Saya ingat Yang Berhormat Menteri dah tahu dah.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Saya ingat apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan daripada Yang Berhormat ini, saya ingat Menteri dah faham.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Ha! Tak apalah, saya ada juga beberapa perkara yang saya hendak kemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan perbincangan Yang Berhormat, pendekkan.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Okey. Saya pendekkan. Jadi untuk menyatakan di sini bahawa apa perbezaannya dengan beberapa institusi Islam yang ada dalam negara kita ini seperti Institut Wasatiyyah, JAKIM, IKIM yang juga saya fikir daripada segi ideologinya menangani isu keganasan. Adakah Kerajaan Malaysia menanggung sepenuhnya kos perbelanjaan pembiayaan KSCIP ini ataupun ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Saudi Arabia. Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Kelebihan ada profesor di dalam Dewan ini. Mungkin Yang Berhormat boleh berbincang dengan saya di luar dengan lebih terperinci berhubung kait dengan perkara-perkara yang dibangkitkan tadi yang saya anggap cukup penting kerana asas penubuhan KSCIP ini pada peringkat awal mesti diletakkan di atas landasan yang betul kerana ianya satu peluang yang tak diberikan kepada mana-mana negara yang lain.

Pertamanya tak mungkin al-Malik Salman akan mengizinkan namanya digunakan di mana-mana institut kalau tak di Malaysia dan kebetulan pada masa ketika lawatan al-Malik Salman ke Malaysia, saya merupakan Menteri pengiring dan menanya sendiri kepada al-Malik Salman apa

sebabnya dia pilih Malaysia. Beliau mengatakan, *The Custodian of the Two Holy Mosque* menyatakan Malaysia merupakan negara contoh kepada imej Islam yang perlu dipertahankan... [Tepuk] Ini merupakan satu pengiktirafan dan penghormatan yang bukan diberikan dengan sewenang-wenangnya oleh kepimpinan Saudi Arabia. Saya faham kebimbangan Yang Berhormat berhubung kait dengan siapa yang akan terajui institut ini.

Untuk pengetahuan Dewan, penaungnya ialah Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita dan juga al-Malik Salman sendiri, King Salman dari Saudi Arabia. Pengerusi Bersama ialah saya dengan Raja Mahkota Saudi Arabia, Prince Mohammed Salman. Oleh kerana saya yang berada di sini, Yang Berhormat jangan bimbanglah daripada segi pengisian dan kepimpinan institut ini yang akan dipelopori dan juga diterajui oleh mereka yang kita pilih sesuai daripada Malaysia sendiri.

Soalan kedua, berhubung kait dengan pembiayaan. Saya tidak ingin melihat Malaysia ini mengemis dan dalam keadaan sebegitu rupa, apa jua sumbangan kepada pembangunan institut ini mesti dikongsi bersama dengan Saudi. Kita tidak meminta-minta dan apa yang telah diputuskan dan telah diusahakan, tanah yang telah kita kenal pasti untuk membina institut ini yang mungkin mengambil masa dua tahun akan disumbangkan oleh kerajaan kita tetapi kos pembinaannya dan operasi akan dibiayai oleh Saudi. Jadi ada pengimbangan sumbangan daripada kedua-dua buah negara ini.

Ketiga, yang penting sekarang ialah kita tengok pusat ini bukan secara ke dalam. Saya ingin melihat bersama-sama dengan Raja Mahkota Mohammed Salman, melihat ini sebagai satu lagi *catalyst* pemangkin di rantau ini, dan kita tengok bahawa sambutan kepada *centre* ini cukup menggalakkan. Bukan sahaja mereka daripada di Barat yang merupakan kebimbangan Yang Berhormat tetapi dari negara-negara kuasa-kuasa besar di China, di Amerika Syarikat kerana mereka juga terkapai-kapai nak mencari jalan yang paling sesuai berhadapan dengan ancaman baru ini.

Yang Berhormat sebut berhubung kait dengan JI tetapi pengalaman kita dengan Jemaah Islamiah, al-Qaeda dan militan-militan *terrorist* terdahulu berbeza dengan keadaan yang sekarang diperjuangkan oleh IS dan Daish. Jadi, ancaman yang kita hadapi dengan IS dan Daish memerlukan pendekatan baru yang dunia sekarang ini terkapai-kapai nak mencari jalan penyelesaiannya tetapi sekurang-kurangnya melalui KSCIP, Malaysia dah diletakkan di barisan yang ke hadapan sekali bersama-sama dengan Saudi Arabia untuk memeranginya. Inilah yang saya banggakan sangat dan inilah merupakan sesuatu kelebihan yang ada kepada negara kita hasil daripada kerjasama keharmonian dan juga masyarakat majmuk yang berbilang kaum yang boleh hidup dalam satu rumah tetapi diketengahkan juga imej Islam yang sebenarnya.

Jadi, apa yang kita jawab di Dewan hari ini, Dato' Dr. Asyraf Wajdi pun angguk, dia pun terlibat secara langsung, *Alhamdulillah*. Jadi jawapan saya nampaknya tepatlah pada pagi ini. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ha! *Alhamdulillah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Terima kasih kepada Dato' Seri Hishammuddin, Menteri Pertahanan sendiri yang juga Menteri Tugas-tugas Khas hadir sendiri pada pagi ini. Saya nampak Dato' Hisham ini semakin berwibawa dan mendapat kepercayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri... [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dulu tak berwibawa kah?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Soalan saya, saya difahamkan Yang Berhormat Menteri Pertahanan sudah melawat Filipina itu hari dan kita juga tahu bahawa IS dan Daish ini sudah bertapak di Marawi di Filipina. Saya hendak tahu apakah perkembangan dan status di Marawi ini boleh mengancam kesan ke atas keselamatan negara kita di Malaysia ini?

#### ■1020

Kedua, kita dah bentuk satu *Trilateral Maritime Patrol* (TMP) ini iaitu bentuk kerjasama Malaysia, Indonesia dan Filipina untuk mengekang kegiatan keganasan di tiga negara ini. Saya hendak tahu apakah bentuk kerjasama yang kita akan adakan antara Malaysia, Filipina dan Indonesia? Terima kasih Dato' Hisham.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Abang Lah. Dulu pun berwibawa juga Tuan Yang di-Pertua tetapi kebetulan tahun ini saya hendak rasmikan Bahagian dia, dia takut tak pergi [*Ketawa*]

Akan tetapi kedua-dua soalan itu merupakan soalan yang cukup tepat dan juga merupakan sesuatu yang menular hari ini dan inisiatif yang masih lagi dalam proses pengukuhan. Pertama, apa yang kita lihat di Marawi yang bermula pada 23 Mei tahun ini, di mana pertempuran di antara tentera Kerajaan Filipina dengan kumpulan Maute dan juga kumpulan-kumpulan lain seperti Abu Sayyaf, *Raja Sulaiman Movement*, *Ansar Al-Khalifa*, *Bangsamoro Islamic Freedom Fighter* (BIFF) merupakan sesuatu yang kita lihat secara serius.

Tidak pernah dalam sejarah kita, Daish dan IS boleh mengibarkan bendera mereka di rantau ini. Risik daripada agensi-agensi yang telah pun terpaksa berhadapan dengan Daish dan IS di Iraq, Syria, di Aleppo, di Mosul dan juga di negara-negara di Timur Tengah telah menyatakan tidak mungkin mereka boleh bertapak di sini. Akan tetapi mereka telah pun mula di Bandar Marawi dan kesannya cukup membimbangkan. Oleh kerana dari segi *displaced persons*, dengan izin, *internally displaced persons* sahaja daripada laporan yang saya terima, jumlahnya dah mencecah 353,358 orang. Serangan terhadap Bandar Marawi yang dikatakan mungkin dapat diselesaikan dalam masa tiga, empat hari, sekarang ini dah masuk tiga, empat bulan.

Ini merupakan sesuatu yang tidak boleh ditangani oleh sebuah negara sahaja dan ada kaitan rapat dengan soalan Yang Berhormat tadi, berhubung kait dengan rangka kerjasama tiga hala di antara Filipina, Malaysia dan Indonesia dan itu akan diperluaskan juga Yang Berhormat, kepada Brunei dan Singapura. Dalam masa terdekat ini, di mesyuarat *ASEAN Defense Ministers Meeting* (ADMM), saya telah cadangkan kepada *Secretary Delfin*, Menteri Pertahanan Filipina supaya mengumpulkan kesemua sepuluh negara ASEAN ini, diberikan taklimat berhubung kait dengan apa yang berlaku di Marawi kerana ia melibatkan kesemua kita di sini.

Yang penting sekarang ialah membezakan dan menyampaikan mesej sejelas-jelasnya kepada Daish bahawa kita di Asia ini tidak sama dengan di Timur Tengah. Kalau mereka sentuh satu negara, bermakna dia akan sentuh sembilan negara yang lain. Ini merupakan sesuatu yang telah pun kita membuat pendirian semasa Malaysia mempengerusikan ADMM dahulu, lima tahun dahulu. Di mana saya telah minta pada masa dan ketika itu tidak ada cerita fasal Daish di rantau kita pun tetapi kesemua sepuluh negara telah bersetuju untuk memerangi IS secara bersama.

Jadi, sebab itulah di *Maritime Joint Patrol*, telah pun dilancarkan baru-baru ini di Indonesia, di mana tiga negara- Filipina, Indonesia dan Malaysia akan buat rondaan bersama di Lautan Sulu. Akan tetapi pada masa yang sama mungkin bulan depan kita akan lancarkan pula *Air Joint Patrol*, di mana melibatkan Tentera-tentera Udara tiga negara ini dan pelancarannya *insya-Allah* akan dilakukan di Subang, Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Abbas. Sekejap, saya hendak beritahu kepada Menteri, bila Ahli-ahli Yang Berhormat tahu soalan pertama Dato' Seri Hishammuddin, saya dapat sembilan soalan tambahan tetapi peraturan mesyuarat hanya tiga. So, silakan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa.

Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas... [*Tepuk*] Harapan saya, doa saya semoga Dato' Seri terus beristiqamah dalam meneruskan perjuangan dalam tugas-tugas harian. Soalan saya, KCIP telah ditubuhkan hasil usaha sama di antara Malaysia dengan Kerajaan Arab Saudi. Mohon Menteri menyatakan apakah ketetapan kerajaan dalam hubungan diplomatik dengan negara Qatar, kesan tindakan beberapa negara Arab, termasuk Arab Saudi yang telah memutuskan hubungan dengan negara tersebut.

Keduanya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh ATM untuk menangani penularan pengaruh IS ataupun Daish di dalam angkatan tentera itu sendiri? Ketiganya, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, peluang yang ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, silakan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Bukan senang kan? Dua tiga hari yang lepas, seminggu yang lepas, saya kira di perairan negara kita di Selat Melaka, ada nelayan daripada kita telah ditembak amaran dan sebagainya oleh Indonesia. Kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Luar, perbincangan diadakan di peringkat pegawai dan Menteri Luar tetapi gagal untuk mencapai kata sepakat. Saya mohon pencerahan, mohon pandangan daripada Yang Berhormat Menteri dalam soal ini. Sekian, terima kasih. Jasamu dikenang Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita tidak boleh tolak Yang Berhormat Datuk Yahaya punya soalan kerana kawan-kawan kata daripada sembilan itu, satu ini wajib kerana dia mewakili pengganas [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Pengganas di Kuala Lumpur [*Ketawa*]

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Isu yang berhubung kait dengan Qatar ini yang saya hormati Tuan Yang di-Pertua, saya dah jawab di Dewan Rakyat tempoh hari. Di mana hubungan kita dengan Negara-negara Teluk ini merupakan hubungan yang tak terjejas daripada krisis yang dihadapi oleh beberapa negara dengan Qatar. Apa yang pentingnya, krisis yang melanda sejak 5 Jun, tidak menggugat hubungan diplomatik yang telah terjalin antara negara-negara tersebut dengan negara kita.

Jadi, sebab itu, *insya-Allah* bulan September ini ada kemungkinan Raja Mahkota Saudi akan membuat lawatan ke negara kita dan bulan Oktober pula Emir Qatar akan sampai ke negara kita. Ini menunjukkan bahawa diplomasi dan hubungan kita walaupun mereka sesama mereka berhadapan dengan keadaan yang begitu tegang, masih lagi berada di tahap yang cukup kukuh. Jadi, sebab itu saya tengok kita pegang kepada pendirian kita bahawa pertamanya, walau apa jua yang terjadi, kepentingan dan kedaulatan negara kita Malaysia ini akan sentiasa menjadi keutamaan. Jangan ada perkara-perkara yang menular sama ada di Marawi atau di Timur Tengah yang boleh menjejaskan kedaulatan dan kedudukan negara. Itu prinsip pertama yang kita pegang di MinDef.

#### ■1030

Keduanya, kita berpendapat bahawa ianya merupakan tanggungjawab semua pihak terutamanya umat Islam dan negara-negara Islam secara keseluruhannya untuk menjaga dan melindungi kedua-dua kota suci Mekah dan Madinah. Dalam lawatan saya ke Timur Tengah baru-baru ini, saya sudah nyatakan bahawa sekiranya ada maklumat dan kemungkinan kedua-dua kota suci Mekah dan Madinah ini akan terjejas dari segi kedudukannya, Malaysia akan berada di barisan hadapan sekali untuk mempertahankannya.

Jadi dua prinsip itu tidak akan kita kompromi dan ini telah pun saya sampaikan kepada kepimpinan negara-negara yang berkenaan dalam konteks kedudukan Qatar tadi.

Dari segi penglibatan Angkatan Tentera kita, ini satu perkara yang serius dan saya bimbang bahawa sekiranya ada anggota kita yang terpengaruh dengan IS ini kerana mereka telah pun dilatih ala ketenteraan. Ini kita telah mengambil tindakan secara proaktif sejak 7 November 2014 lagi, Yang Berhormat, di mana *task force*, Perisai Wira dinamakan, di mana *lead agency* kita adalah untuk melaksanakan operasi membanteras penglibatan anggota ATM dalam Daish dan IS ini, juga melibatkan komponen perisikan perkhidmatan-perkhidmatan tiga perkhidmatan yang sedia ada- Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara- dan juga melibatkan KAGAT atau Kor Agama ATM kita.

Pada masa yang sama, kita sedang pantau di media sosial sama ada pengaruh dan propaganda IS ini dapat menyerap di kalangan anggota ATM kita. Kita telah pun mewujudkan CDCC iaitu *Cyber Defence Operation Center* di bawah kelolaan BSPP atau Bahagian Staf Perisikan Pertahanan, MinDef dan ATM kita. Ia bertujuan untuk mengeluarkan laporan dan analisis *counter narrative*, *counter initiative* kepada ideologi dan perkembangan semasa kumpulan ini khusus untuk anggota-anggota kita di dalam ATM.



Jadi tindakan- soalan tadi memang membimbangkan tetapi setakat mana yang kita telah mampu, kita cuba laksanakan sejak tahun 2014 lagi. Oleh sebab itu, saya lihatnya secara serius dan kerjasama di antara agensi-agensi risik di peringkat dunia juga diperhebat. Akan tetapi, seperti soalan awal tadi, yang paling penting ialah kita mewujudkan hubungan rangkaian yang kukuh di kalangan agensi-agensi risik di rantau ini. Sebab itu yang *trilateral* yang ditanyakan tadi penting melibatkan juga perkongsian maklumat di kalangan negara-negara jiran. Ini merupakan keutamaan saya, Yang Berhormat Datuk Haji Abbas.

Sebelum saya diminta duduk, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan delegasi daripada Persatuan Graduan Muda Malaysia dari *Tsinghua University, China...* [Tepuk] Macam mana delegasi tepuk lebih kuat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat [Ketawa] Kepada delegasi daripada Persatuan Graduan Muda Malaysia di *Tsinghua University* ini, saya harap bahawa mereka juga boleh sampaikan pesanan saya kepada mereka yang ada hubungan dengan mereka kerana itu pun akan ada kaitan rapat dengan mendapatkan rakyat untuk bersama-sama memahami bahawa ancaman yang kita hadapi ini cukup kompleks, tetapi sekurang-kurangnya Kementerian Pertahanan Malaysia berada di barisan yang ke depan sekali dan telah pun melakukan beberapa usaha yang perlu untuk berhadapan dengannya, *insya-Allah*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada berapa orang Ahli Yang Berhormat yang hendak soalan tambahan? Kalau ada soalan tambahan, sila jumpa dengan Yang Berhormat Menteri di luar Dewan... [Dewan ketawa] Yang Berhormat Menteri ini baik, dia akan beri penjelasan.

**2. Datuk Zali bin Mat Yasin** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, jumlah dan statistik individu atau kumpulan yang telah dikenakan tindakan undang-undang bagi kesalahan di media sosial.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam negaraku sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang menanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan tujuh lagi pertanyaan iaitu daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai bertarikh pada 16 Ogos; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Salleh; Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip yang bertarikh pada 17 Ogos; dan Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff yang bertarikh pada 22 Ogos kerana ia menyentuh isu yang sama berkaitan penyalahgunaan media sosial.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setiap tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan

Multimedia Malaysia adalah berteraskan kepada peruntukan undang-undang yang ditetapkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Dalam pada itu, untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada akta yang saya sebut tadi, terdapat beberapa peruntukan undang-undang lain yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi lain seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Fitnah 1957, Akta Hak Cipta 1987, Akta Jenayah Komputer 1997 dan lain-lain yang juga bertindak menguatkuasakan undang-undang berkaitan penyalahgunaan internet.

Sebagai contoh, seksyen 499 Kanun Keseksaan menggariskan elemen jenayah fitnah yang menjatuhkan reputasi individu tertentu menggunakan pelbagai medium termasuk media sosial yang mana ianya akan disiasat oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Walau bagaimanapun, Jabatan Peguam Negara akan menentukan peruntukan yang paling sesuai untuk tindakan pendakwaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Januari 2016 hingga Julai 2017, sebanyak 227 kes yang melibatkan penyalahgunaan media baru termasuklah media sosial, laman sesawang dan juga *blog* telah disiasat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 19 kes telah pun dikenakan kompaun dan sebanyak lapan kes telah didakwa dan disabitkan kesalahan. Dalam tahun ini sahaja, pelbagai tindakan telah diambil ke atas hampir 2,000 akaun palsu yang telah dikenal pasti termasuk sekatan dan juga penutupan akaun.

Untuk tindakan penutupan akaun, akaun-akaun palsu akan dilaporkan kepada pihak penyedia perkhidmatan media sosial yang kebanyakannya berada di luar negara seperti *Facebook* dan *Twitter* berdasarkan pelanggaran terma dan syarat yang ditetapkan oleh mereka sendiri. Daripada 2,000 akaun palsu tersebut, hampir 75 peratus telah pun diambil tindakan dan selebihnya masih dalam siasatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, semenjak tahun 2012, lebih dari dua juta pengguna internet telah pun didedahkan dengan mesej-mesej *advocacy* daripada pihak SKMM. Memandangkan isu keselamatan internet tidak boleh dibanteras oleh pihak SKMM sahaja, maka hubungan strategik bersama beberapa kementerian dan agensi serta NGO dan pihak swasta telah pun dijalinan bagi tujuan memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai etika dan penggunaan internet secara positif.

Pada masa yang sama, pihak kerajaan juga telah membangunkan portal “*sebenarnya.my*” sebagai salah satu usaha menyokong inisiatif untuk menangani masalah penularan berita palsu. Matlamat utama pihak kerajaan dalam mewujudkan portal ini adalah untuk membudayakan amalan menyemak maklumat ataupun, dengan izin, *fact checking* supaya masyarakat lebih celik fakta dan waspada sebelum bertindak menyebarkan berita yang tidak ditentu-sahkan. Portal yang membawa slogan “*Tidak pasti, jangan kongsi*” ini membolehkan orang ramai menyemak berita dalam talian yang diragui kesahihannya sama ada diterima melalui platform media sosial, perkhidmatan mesej segera, *blog*, laman sesawang dan sebagainya.

Aplikasi mudah alih juga sedang dibangunkan untuk portal tersebut bagi memudahkan proses pengaduan. Sementara itu, orang awam boleh membuat aduan dan laporan menggunakan saluran sedia ada melalui *Whatsapp*, SMS, e-mel, telefon ataupun hadir sendiri ke pejabat SKMM. Sekian, terima kasih.

## ■1040

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun menjawab segala soalan yang saya kemukakan. Cuma Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah, apakah kerajaan ataupun kementerian pada masa akan datang bercadang untuk menaikkan hukuman denda dan juga penjara kepada pesalah-pesalah media sosial ini kerana sejak akhir-akhir ini pesalah-pesalah media sosial ini semakin berani dan juga kesalahannya semakin kompleks. Minta pandangan daripada kementerian. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, semakan secara menyeluruh sudah dijalankan terhadap peruntukan-peruntukan terutamanya hukuman kesalahan di bawah akta yang sedia ada. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, perlukah dikenakan sekatan ke atas laman-laman web yang berisiko tinggi iaitu penipuan *online*, mempromosikan keganasan dan kumpulan *extremism* tertentu agar ia dapat dibendung dan masyarakat awam tidak mudah terpengaruh. Sekian, terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, sebenarnya pihak kementerian melalui SKMM, kita memang menjalankan kerjasama berterusan. Sepertimana yang saya maklumkan tadi, kalau khusus kepada pihak SKMM, mungkin kita ada kekangan tetapi walau bagaimanapun, hubungan misalnya berkaitan dengan Daish, kita bekerjasama di antara pihak PDRM di mana kita mengambil langkah-langkah mengumpul maklumat, mengenal pasti butiran dan seterusnya berkongsi maklumat berkaitan tersebut dengan pihak PDRM bagi membanteras kegiatan berkaitan dengan penyebaran ideologi Daish.

Suka saya berkongsi di Dewan yang mulia ini bahawa dalam menguatkuasakan penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan media sosial ini, terdapat beberapa kekangan teknikal yang boleh kadangkala menyukarkan tindakan penguatkuasaan diambil seperti penggunaan akaun palsu, pencurian identiti serta serangan penggodaman terhadap pengguna. Walau bagaimanapun, pihak kementerian melalui SKMM, kita sentiasa menjalankan aktiviti pembangunan keupayaan pegawai-pegawai penyiasat terutamanya dari segi forensik agar kita lebih terlatih dari segi untuk mendapatkan maklumat.

Akhirnya, tindakan yang akan kita lakukan ialah dari segi semakan secara menyeluruh terhadap undang-undang yang sedia ada. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah sedikit? Ini kerana dia jawab soalan saya pada 16 hari bulan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Secara ringkas, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Boleh ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Cuma saya hendak tanya SKMM ini, setiap kali sidang hendak ambil tindakan, hendak ambil tindakan tetapi fitnah dan berita palsu ini berleluasa. Tidak adakah satu bahagian khas di

SKMM itu untuk tapis ataupun mengkaji dan melihat status yang keluar di media maya itu, di *Facebook* itu. Ini semakin ambil tindakan, semakin banyak fitnah berleluasa di *Facebook*. Saya rasa perkara ini perlu tegas. Ambil tindakan tegas. Ini hina pemimpin, hina Perdana Menteri, hina Agong. Semakin berani. Semakin ambil tindakan, semakin berani. Bermakna tindakan itu tidak diambil.

Saya hendak kementerian ini tegas mengambil tindakan supaya mereka tidak berani. Macam Thailand buat. Bila menyanyi lagu kebangsaannya, semua terpacak, semua berhenti. Tidak ada satu pun yang berjalan. Kita ini hendak ambil tindakan, hendak ambil tindakan, ambil tidak. Itu yang saya hendak marah itu. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada abang Lah yang bertanya soalan itu. Sebenarnya kita sudah ambil pelbagai tindakan. Seperti yang saya maklumkan tadi, kita ada tindakan di bawah Akta Komunikasi, kita ada kerjasama dengan pihak PDRM dan sebagainya. Mungkin apa yang saya laporkan pada hari ini ialah berkaitan dengan tindakan di bawah pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Mungkin di bawah agensi berkaitan seperti PDRM dan sebagainya, mereka ada statistik. Saya ingin bagi contoh kepada Dewan yang mulia ini. Misalannya ada beberapa kes yang telah kita ambil tindakan sehingga sebelum sampai kepada pihak pendakwaan tetapi perkara-perkara tersebut telah pun diberi permohonan maaf dan sebagainya.

Sebagai contoh ada kes tahun lalu di mana tindakan Tengku Mahkota Johor (TMJ) yang menitahkan supaya, kita kenal sebagai Mat Tere. Dulu pernah dengar. Walau bagaimanapun, sebelum kita ambil tindakan, beliau telah diberi pengampunan dan ada beberapa kes yang saya boleh kongsi seperti penyebaran berita palsu yang mengatakan terdapat pengeboman IS di lokasi-lokasi tertentu dan sebagainya. Sememangnya memang ada tetapi itulah apabila kita mewujudkan portal sebenarnya.my Tuan Yang di-Pertua, ia lebih menyediakan platform untuk masyarakat salurkan berita tetapi bukan kita ambil tindakan secara bersendirian tetapi kita salurkan kembali kepada agensi-agensy yang bertanggungjawab untuk penafian ataupun penjelasannya.

Akan tetapi *insya-Allah* dengan pandangan dan cadangan oleh Yang Berhormat Senator Abang Lah, kita akan ambil maklum dan kita ambil tindakan susulan selepas pada ini. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Yayasan Pembangunan Belia India Kedah dan Pulau Pinang Malaysia ke Dewan Negara. Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Terima kasih.

**3. Tuan Wilfred Yong Chen Leong** minta Menteri Pendidikan menyatakan, langkah yang diambil kementerian dalam meningkatkan prestasi pelajar bagi mata pelajaran Matematik susulan keputusan Sijil SPM 2016 kurang memuaskan bagi subjek tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Wilfred Yong Chen Leong. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengenal pasti faktor penurunan prestasi murid dalam mata pelajaran Matematik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016. Antara faktor yang dikenal pasti menyebabkan penurunan prestasi adalah kelemahan murid dalam

menjawab soalan yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah dan sedang berusaha bagi meningkatkan kemahiran berfikir murid dengan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) membangunkan kompetensi guru Matematik untuk menerapkan KBAT dalam kalangan murid melalui kursus seperti Kursus i-Think yang dianjurkan secara bersemuka, luar dan atas talian;
- (ii) membangunkan bahan sumber pengajaran dan pembelajaran (PDP), menghayati eksplorasi berfikir aras tinggi, Hebat Matematik yang berteraskan KBAT;
- (iii) melatih jurulatih utama bagi tujuan memperluas penggunaan bahan Hebat Matematik dalam sesi PDP Matematik sekolah menengah;
- (iv) melaksanakan pemantauan penggunaan bahan Hebat Matematik di sekolah dan memastikan PDP Matematik dilaksanakan berteraskan KBAT;
- (v) menggalakkan PDP Matematik berfikir melalui pembelajaran berasaskan *inquiry*, pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran berasaskan projek;
- (vi) membangunkan modul PDP yang berteraskan KBAT seperti modul pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran berasaskan *inquiry*;
- (vii) membiasakan murid dengan pentaksiran peringkat antarabangsa melalui modul kompilasi *released items* TIMSS dan PISA dalam kedua-dua versi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris;
- (viii) mengadakan usaha sama dengan *Southeast Asian Ministers of Education Organization Regional Centre for Education in Science and Mathematics* (SEAMEO RECSAM) dengan izin, dalam melatih guru Matematik tentang KBAT dan pembinaan item yang berteraskan KBAT;
- (ix) menggalakkan *professional learning community* dalam kalangan guru Matematik; dan
- (x) membangunkan bahan sumber STEM Matematik dan Matematik Tambahan bagi membentuk pengetahuan dan kemahiran STEM dalam kalangan murid bermula di peringkat awal iaitu sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wilfred Yong Chen Leong:** Terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya sedar apa yang Yang Berhormat Menteri cakap tentang dasar-dasar yang diperkenalkan. Soalan tambahan saya, sejauh manakah dasar sedia ada kementerian sebagai contoh PPSMI dan MBMMBI dan juga program yang dilaksanakan oleh kementerian di sekolah seperti DLP dan KBAT dapat mempengaruhi pencapaian murid terutamanya dalam subjek Matematik sejak dasar dan program tersebut diperkenalkan. Terima kasih.

## ■1050

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Wilfred Yong Chen Leong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua perkara yang Yang Berhormat Senator bangkitkan ialah tentang aspek PPSMI yang mana tidak dipakai guna lagi telah pun dimansuhkan dan kita masih berpegang teguh kepada dasar MBMMBI. Salah satu program untuk memastikan dasar MBMMBI ini dapat dilaksanakan dengan cara yang cukup baik ialah pengenalan *Dual Language Program* (DLP).

*Dual Language Program* ini pada awal- kita ada nampak sekarang, ada pencapaian walaupun masih awal, akan tetapi kita nampak ada pencapaian yang cukup membanggakan. Guru-guru, yang pertama perkara DLP yang dilakukan, bukan secara paksaan. Ini atas permintaan ibu bapa dan sekiranya ibu bapa minta dan sekolah itu mempunyai guru yang dapat mengajar DLP dan pada masa yang sama mempunyai kemudahan dan pada masa yang sama sekiranya purata pencapaian Bahasa Melayu di sekolah tersebut boleh diterima oleh pengurusan KPM, maka kita akan memberi peluang.

Ini- dalam kita nampak ada peningkatan permohonan pelajar-pelajar di DLP seluruh negara. Maksudnya, penerimaannya okey. Kita pula di Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mencari kaedah-kaedah bagaimana kita dapat meletakkan lebih banyak lagi cara-cara untuk membantu mereka. Kita sedar, seperti mana Yang Berhormat kata sebentar tadi, kita sedar bahawa pencapaian mata pelajaran Matematik sejak dua tiga tahun ini menurun.

Akan tetapi harus kita mengambil maklum, kohort pertama pelajar-pelajar menduduki PT3, menduduki SPM pada tahun 2016, kohort kedua akan menduduki tahun ini. Dan kita rasa pelajar-pelajar kohort kedua ini akan mencapai pencapaian matematik lebih kerana mereka lebih berpeluang untuk menghayati KBAT dalam semua mata pelajaran yang dipelajari oleh mereka.

Oleh yang demikian, kita di Kementerian Pendidikan Malaysia akan melakukan apa jua yang boleh, untuk memastikan pelajar-pelajar ataupun murid-murid di negara kita akan mencapai keputusan cemerlang dalam mata pelajaran Matematik. Bukan sahaja matematik, dalam mata pelajaran STAM, khususnya matematik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4. Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, jumlah keluasan hutan di seluruh Malaysia mengikut negeri, dan berapakah jumlah kerugian setiap tahun kerana aktiviti pembalakan haram mengikut negeri.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah keluasan berhutan di Malaysia pada tahun 2015 adalah berjumlah 18.25 juta hektar. Di Semenanjung Malaysia seluas 5.78 juta hektar, Sabah 4.44 juta hektar dan Sarawak 8.03 juta hektar. Bagi Semenanjung Malaysia, seluas 4.83 juta hektar telah diwartakan sebagai hutan simpanan kekal di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 Akta 313. Bagi tempoh 2006 hingga 2016, sebanyak 256 kes pembalakan haram telah direkodkan di Semenanjung

Malaysia dengan tangkapan seramai 229 orang yang melibatkan kerugian hasil hutan bernilai RM15.2 juta. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat soalan tambahan.

**Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri yang menjawab. Soalan tambahan, sejak tahun 1990 hingga 2010, Malaysia telah kehilangan sebanyak 8.6 peratus atau 1.9 juta hektar hutan di seluruh negara akibat pembalakan haram dan aktiviti-aktiviti pencemaran hutan. Di antara sebab-sebab yang dikenal pasti adalah berpunca daripada cara pengendalian pembalakan berlesen yang sentiasa mencuri atau beroperasi lebih daripada kawasan yang dibenarkan serta aktiviti yang merosakkan alam sekitar.

Soalan saya, apakah kerajaan kini bersedia untuk menggunakan *motion sensing*, GPRS dan radar seperti mana yang dipraktikkan di hutan Amazon dalam membendung dan membanteras sambil memelihara alam sekitar berbanding mekanisme yang diguna pakai sekarang? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapannya mudah sahaja. Memang kementerian atau Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sentiasa bersedia untuk menggunakan apa juga teknologi canggih yang terkini yang diguna pakai oleh satu dunia. Dan sekarang ini pun kita telah pun menggunakan peralatan seperti *drone* dan sebagainya. Kalau dahulu kita menggunakan helikopter, sekarang tidak menggunakan helikopter. Malah kita juga menggunakan cerapan satelit dan sebagainya.

Pada masa yang sama juga, di antara program yang terkini untuk memantau kegiatan pembalakan haram dan sebagainya di kawasan hutan Malaysia adalah 1MBEON iaitu Malaysia *Biodiversity Enforcement Operation Network* (1MBEON) yang melibatkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan PERHILITAN, Angkatan Tentera Malaysia dan juga Pasukan Gerakan Am (PGA).

Ini hampir sama dengan satu yang bersama dengan *Malaysia Blue Ocean Strategy* (NBOS). Untuk makluman Yang Berhormat, aplikasi yang terkini yang dipakai adalah aplikasi FMRS gabungan *remote sensing*, GIS dan juga GPS ini yang selalu kena guna. Maknanya kita guna pakai semua aplikasi terkini. Dan pada masa akan datang, jika ada yang lebih canggih malah sebenarnya sudah adapun kita bekerjasama dengan semua pihak malahan kita terbuka dalam hal ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Tuan Isa bin Ab. Hamid.

**Tuan Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya apakah usaha kementerian bagi meningkatkan keupayaan pegawai dan kakitangan bagi memantau dan menangkap pembalakan haram? Begitu juga, adakah kementerian mewujudkan Jawatankuasa atau entiti sukarelawan atau NGO bagi membantu memberi informasi pembalakan haram ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada Program NBOS yang kita lakukan, 1MBEON ataupun tadi saya ada sebut 1MBEON.

Kedua, iaitu *Centralised Enforcement Team* (CET) ada juga program *JPSM Elite Team*. Itu adalah program ataupun pendekatan yang diamalkan. Kerjasama daripada masyarakat tempatan, masyarakat Orang Asli dan sebagainya dan terbaru Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ahli Parlimen Arau Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim sebagai Menteri yang bertanggungjawab ke atas Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah pun mencadangkan ataupun meminta supaya pihak JPSM menerima sukarelawan APMM yang berjumlah 10,000 orang.

Kementerian sedang merangka satu pendekatan untuk sukarelawan ini diberikan kefahaman khusus dan sebagainya supaya apabila mereka bersama dengan renjer hutan dan sebagainya untuk memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan mereka memahami tentang bidang tugas tersebut sebab mereka perlu mahir mengenal pasti tentang spesies hutan, spesies haiwan dan sebagainya supaya mereka tahu tentang bidang kuasa mereka dengan lebih tepat lagi.

Soal kekurangan pegawai atau kakitangan, sebenarnya kita melihat daripada semasa ke semasa tetapi saya percaya kalau kita menggunakan aplikasi ataupun teknologi canggih seperti zaman sekarang kita menggunakan komputer, sebenarnya isu tentang kekurangan kakitangan itu tidak timbul sangat.

■1100

Ini kerana kita menggunakan aplikasi yang moden yang boleh memantau segala aktiviti tentang atau berkaitan dengan pemuliharaan hutan Malaysia. Sekian, terima kasih.

**5. Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, kesiapsiagaan dan persiapan akhir menjelang penganjuran Temasya Sukan SEA Ke-29, Kuala Lumpur 2017:

- (a) persiapan prasarana, kemudahan dan *venue* pertandingan menjelang temasya tersebut; dan
- (b) apakah langkah-langkah dan pelan kawalan keselamatan yang diambil oleh pihak kementerian demi keselamatan orang ramai sempena temasya sukan berlangsung di mana amat berkait rapat dengan isu-isu serangan pengganas yang melanda negara kita.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk M. Saravanan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin bersekali dengan persoalan berkaitan Kuala Lumpur 2017, yang lain iaitu daripada Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain 16 Ogos 2017; Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas; dan Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain 17 Ogos 2017; dan Yang Berhormat Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal 21 Ogos 2017; dan sekali lagi Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain pada 22 Ogos 2017.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk M. Saravanan:** Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin, merangkap Setiausaha Agung Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (PUSAKA), yang mempunyai tugas penting dalam



memastikan skuad pencak silat memenangi sebanyak mungkin pingat emas di temasya sukan 2017 nanti, supaya kita capai matlamat kita untuk memungut 111 pingat emas.

Tuan Yang di-Pertua, selepas 16 tahun Malaysia sekali lagi terpilih untuk menjadi tuan rumah Sukan SEA yang ke-29 dan Para ASEAN yang ke-9, yang dijenamakan sebagai Kuala Lumpur 2017. Temasya Sukan SEA akan berlangsung pada 19 Ogos 2017 hingga 30 Ogos 2017, sementara temasya sukan Para ASEAN pula akan bermula daripada 17 September 2017 hingga 23 September 2017.

Sukan SEA kali ini akan menerima kunjungan seramai 4,709 orang atlet dan 2,381 pegawai kontinjen dan 3,360 orang pegawai teknikal. Manakala sukan Para ASEAN pula seramai 1,459 orang atlet, 649 orang pegawai kontinjen dan 1,117 orang pegawai teknikal dari 11 buah negara ASEAN termasuk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Pengelola Malaysia, *Malaysian Organizing Committee* ataupun dikenali sebagai MASOC sedang memastikan penganjuran Kuala Lumpur 2017 terus berjalan dengan lancar di fasa akhirnya kini. Sebanyak 18 jawatankuasa kecil sedang giat melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab mereka merangkumi aspek penting seperti keselamatan, penginapan, makanan, pengangkutan, kemudahan peralatan, kawalan trafik, perubatan, kesihatan, anti-doping, protokol dan sabotaj. Kemudahan dan lokasi *venue* pelbagai acara sukan Kuala Lumpur 2017 kini sudah bersedia dan sedang melalui sentuhan terakhir seperti pemasangan peralatan dan perhiasan *look and feel*. Secara keseluruhannya terdapat 44 lokasi pertandingan di sekitar Lembah Klang, Negeri Sembilan, Langkawi dan Terengganu untuk Kuala Lumpur 2017.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi, keselamatan termasuk juga turut melibatkan Polis Diraja Malaysia serta Majlis Keselamatan Negara untuk bersama-sama dalam memastikan keselamatan penganjuran temasya ini. Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Trafik ialah Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Polis Negara serta sendiri dan pelbagai persediaan rapi telah dijalankan untuk menghadapi sebarang kemungkinan termasuk latihan dikenali sebagai "Ex-Rimau" yang bertujuan untuk mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan mereka semasa Kuala Lumpur 2017. "Ex-Rimau" yang terakhir pada 3 Ogos 2017 turut disaksikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya selain itu Kuala Lumpur 2017 juga telah dirancang untuk menjadi satu temasya sukan serantau yang terbaik. Antaranya Kuala Lumpur 2017 telah memperkenalkan inisiatif hijau ataupun *green technology* yang di antaranya melibatkan penanaman 5,000 pokok di kawasan yang memerlukan pemuliharaan. Selain itu, Kuala Lumpur 2017 akan mendapatkan khidmat seramai 13,000 sukarelawan iaitu 9,000 orang untuk temasya Sukan SEA ke-29 dan 4,000 orang untuk temasya Sukan Para ASEAN Ke-9 sebagai *human element* kepada Kuala Lumpur 2017. Semua sukarelawan dikenali sebagai *wow factor* ini telah menjalani dua fasa latihan umum dan khusus, supaya mereka menjadi duta terbaik Malaysia sepanjang temasya sukan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu-isu yang dibangkitkan mengenai tiket untuk Sukan SEA. Penjualan tiket yang bermula secara dalam talian pada 4 Julai 2017 telah mendapat sambutan hangat di kalangan peminat sukan. Suka juga saya melaporkan pada hari pertama tiket dijual,

bilangan pengunjung baru ke laman web Kuala Lumpur 2017 meningkat sehingga melebihi 67 peratus dengan 250 pengunjung dicatatkan pada setiap saat. Ini diterjemahkan kepada 91,052 kunjungan pada hari itu sahaja.

Memandangkan masih terdapat permintaan terhadap tiket bagi acara sukan yang telah habis terjual, pihak Jawatankuasa Pengelola masih menunggu kuota tiket tambahan sekiranya *National Olympic Committee* dari negara bertanding tidak membeli tiket yang telah di peruntukan kepada negara berkenaan. Jika sehingga satu tarikh yang ditetapkan, tiket tersebut masih belum dijual, maka jualan kepada orang awam akan dibuka pada hari pertandingan berkenaan. Sebarang maklumat jualan tiket dari hasil kuota lain akan dimaklumkan kepada orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu-isu yang telah dibangkitkan mengenai kos perbelanjaan. Kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM450 juta, untuk memastikan penganjuran temasya Kuala Lumpur 2017 kali ini mencapai standard yang telah ditetapkan. Pelbagai langkah penjimatan telah diambil bagi memastikan segala aspek perbelanjaan berhemah dapat dicapai. Kementerian tidak membina apa-apa kemudahan baru kecuali pembinaan Velodrom Nasional di Nilai yang telah dirancang lebih awal. Apabila keseluruhan *venue* pertandingan menggunakan kemudahan sedia ada, sama ada milik kerajaan atau swasta, kementerian menyediakan sedikit peruntukan untuk baik pulih dan naik taraf kemudahan-kemudahan berkenaan.

Kita juga turut menjana pendapatan menerusi inisiatif jualan nombor pendaftaran khas "RIMAU", penjualan barang-barang dan cenderahati *merchandise*, wang syiling peringatan serta setem dan sampul surat hari pertama.

Seterusnya Yang Berhormat, ini mengenai impak pembangunan sukan serta ekonomi negara. Bagi menjana pendapatan dan meringankan beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan, MASOC telah berusaha mendapatkan penajaan terutama daripada sektor korporat dan badan swasta. Untuk tujuan ini, 42 buah syarikat tempatan dan antarabangsa telah memberi komitmen untuk menyokong penganjuran Kuala Lumpur 2017 dengan menaja sebanyak RM101,555,355.80 dalam bentuk tunai, barangan dan perkhidmatan. Jumlah penajaan ini lebih 26.88 peratus daripada sasaran awal sebanyak RM80 juta sahaja.

Kerajaan juga berharap bahawa Kuala Lumpur 2017 dapat memberi impak ekonomi positif jangka panjang kepada negara melalui pelbagai *multiplier effect*, dengan izin, di dalam industri pelancongan, pembinaan, peruncitan dan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, upacara penting.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, hendak bagi peluang kepada Yang Berhormat Senator untuk soalan tambahan ke atau?

**Datuk M. Saravanan:** Sedikit lagi, sudah hendak habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk M. Saravanan:** Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjemput semua Ahli Yang Berhormat Dewan Negara dan seluruh rakyat Malaysia ke Majlis Pembukaan Rasmi Temasya Kuala Lumpur 2017 pada 19 Ogos 2017, dan Majlis Penutupan Rasmi pada 30 Ogos 2017 nanti.

Semoga Negaraku Malaysia akan dinobatkan sebagai juara keseluruhan dan sekali gus menjadi hadiah paling bermakna buat Hari Kemerdekaan negara kita yang ke-60. Sekian, terima kasih.

■1110

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada juga soalan tambahan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Ada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Saya hendak ucapkan terima kasih di atas keprihatinan dan kasih sayang Tuan Yang di-Pertua kerana telah memotong jawapan yang begitu panjang. Saya jenuh hendak cari soalan tambahan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Jadi pertama, terima kasih Yang Berhormat Menteri. saya juga hendak ambil kesempatan ini hendak mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan kepimpinan daripada UMNO DUN Gombak Setia yang turut hadir pada sesi pagi ini.

Saya juga hendak mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, Yang Berhormat Khairy Jamaluddin, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga MASOC kerana Sukan SEA kali ini adalah merupakan satu perkara yang menjadi perkara yang paling penting, yang menjadi perhatian di rantau benua Asia Tenggara ini. Saya amat memahami Sukan SEA ini dekat di hati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri sendiri. Cuma meyakini dalam keadaan ekonomi yang agak tidak begitu menarik, namun demikian Malaysia telah menyediakan segala infrastruktur dan prasarana yang bertaraf antarabangsa, *world class standard facilities*, dengan izin, dan pastinya seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita juga berkehendakkan atlet yang juga bertaraf antarabangsa.

Jadi, persoalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah kita telah menyediakan segala prasarana yang terbaik, yang tidak mungkin dapat diikuti oleh negara-negara yang lain sebab kita boleh lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri telah turun padang setiap hari untuk memastikan prasarana ini berada dalam keadaan yang terbaik. Cuma daripada segi kerisauan kita ialah harapan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, seluruh 30 juta rakyat Malaysia berdoa dan berkehendakkan supaya Malaysia akan keluar sebagai juara keseluruhan kerana kita tidak boleh menyanggah bahawa sukan adalah merupakan satu daripada alat penyatuan rakyat dalam negara ini.

Apa yang berlaku di Olimpik baru-baru ini telah menunjukkan melalui sukan, bilamana kita menang pingat emas yang pertama di Sukan Paralimpik, ia telah membawa rakyat Malaysia berada dalam keadaan yang hiruk-pikuk dan keadaan yang gembira. Cuma soalan tambahan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah adakah dengan latihan yang telah diberi kepada atlet-atlet yang lain, sukan yang lain, Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai keyakinan bahawasanya harapan dan cita rasa atau impian kita untuk Malaysia keluar sebagai juara keseluruhan ini, *insya-Allah* akan tercapai kerana Sukan SEA telah pun bermula?

Semalam kita telah sama-sama menyaksikan pertandingan bola jaring dan bola sepak bermula dan bagaimana selepas ini? Ini kerana seluruh 30 juta rakyat Malaysia akan pastinya berkehendakkan seperti itu apatah lagi *our number one fans*, yakni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Jadi, mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Keyakinan kementerian.

**Datuk M. Saravanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau yakin itu cukuplah... [*Dewan ketawa*]

**Datuk M. Saravanan:** Saya ucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat, bukan sahaja untuk negara kita menjadi juara tetapi lebih daripada itu supaya kita dapat melahirkan atlet-atlet yang bertaraf antarabangsa, yang boleh bersaing di persada antarabangsa.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, daripada segi persediaan atlet dan sasaran pingat. Daripada segi persediaan atlet, Program Kita Juara dengan tema 'Kita Juara' di bawah Majlis Sukan Negara telah memasuki fasa terakhir bermula bulan April lalu. Seramai 844 orang atlet negara iaitu seramai 469 lelaki dan 375 atlet wanita akan mengambil bahagian daripada 38 jenis sukan. Mereka seterusnya akan bertanding dalam 398 acara daripada 404 acara yang akan dipertandingkan di Temasya Kuala Lumpur 2017. Kontinjen negara juga akan dibantu oleh 390 jurulatih, pengurus pasukan dan pegawai kontinjen yang menjadikan jumlah keseluruhan kontinjen negara kita seramai 1,234 orang. ini adalah penyertaan terbesar kontinjen negara kita dalam sejarah penyertaan temasya Sukan SEA sejak tahun 1959.

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan juga telah mengumumkan sasaran 111 pingat emas untuk muncul sebagai juara keseluruhan temasya sukan kali ini. Sasaran 111 pingat emas ini tentunya akan meningkatkan kita, akan berjaya kontinjen negara yang berjaya memenangi 111 pingat emas dan 75 perak dan 85 gangsa pada temasya Sukan SEA 2001 di Kuala Lumpur, 16 tahun lalu. Antara sukan-sukan yang kita harapkan sudah tentulah sukan pencak silat yang diketuai oleh Yang Berhormat sendiri, sukan berbasikal, terjun, gimrama, skuasy, pencak silat, wusyu, olahraga, karate, *tenpin bowling*, memanah dan beberapa sukan lain, termasuk sukan tekwando di mana Presiden Persatuan-persatuan Tekwando Malaysia adalah tidak bukan daripada Tuan Yang di-Pertua sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk M. Saravanan:** Tahniah Tuan Yang di-Pertua. Justeru, apa yang diperlukan oleh kontinjen kita buat masa ini adalah sokongan yang padu dan doa daripada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama dalam membantu atlet-atlet negara mencapai kejayaan di temasya kali ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6. Puan Hajah Azizah binti Haji Harun** minta Menteri Kesihatan menyatakan, bilangan jururawat, pembantu perubatan dan personel sokongan perubatan yang berdaftar di seluruh negara serta bagaimana kerajaan memastikan integriti mereka agar kes seperti merakam video pesakit atau prosedur merawat tidak dikongsi dan tular di media sosial.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Soalan ini berkenaan dengan jururawat dan juga kumpulan sokongan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan anggota kesihatan khususnya melibatkan skim perkhidmatan jururawat, penolong pegawai perubatan dan kakitangan sokongan perubatan bagi memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan terbaik dapat diberikan kepada rakyat Malaysia. Sehingga 31 Mac 2017, pengisian bagi jawatan jururawat berdaftar di seluruh negara adalah seramai 121,492 orang dan bilangan jururawat termasuk jururawat masyarakat, penolong jururawat dan bidan terlatih yang bekerja di fasiliti KKM ataupun Kementerian Kesihatan dan juga swasta dan bilangan penolong pegawai perubatan yang berdaftar di seluruh negara di fasiliti KKM dan swasta pula adalah seramai 17,043 orang. Kakitangan sokongan perubatan pula adalah seramai 30,663 orang yang melibatkan 36 bidang.

Dalam memastikan integriti personel kesihatan berada di tahap yang tinggi, kementerian telah pun mengeluarkan tataetika penggunaan media sosial dalam kalangan keluarga KKM pada tahun 2016. Ia adalah sebagai panduan kepada warga KKM bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial sehingga berlakunya kes-kes yang tidak berintegriti seperti merakam video pesakit atau prosedur merawat. Selain daripada itu, setiap profesion mempunyai *code of professional conduct* masing-masing yang perlu dipatuhi. Sebarang ketidakpatuhan terhadap tataetika yang ditetapkan, pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan, Dewan yang mulia ini mengalu-alukan kehadiran Yayasan Pembangunan Belia India Kedah, Melaka dan Pulau Pinang ke Dewan ini... [*Tepuk*]

Soalan tambahan saya, saya mendapat banyak rungutan daripada kaum ibu bahawa mereka tidak selesa apabila mendapat rawatan semasa hamil dan ketika bersalin kerana doktor-doktor pelatih dan pelajar perubatan di hospital-hospital mengajar milik kerajaan atau IPT membawa telefon pintar dan mengambil gambar untuk tujuan pembelajaran. Oleh itu bagaimanakah kementerian menangani isu yang dibangkitkan ini agar privasi ibu-ibu dipelihara dan kejadian merakam imej tidak lagi berlaku di hospital kerajaan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut dalam jawapan tadi iaitu oleh kerana insiden yang berlaku, seorang doktor telah pun mengambil gambar orang bersalin, maka kita sudah keluarkan satu yang saya sebutkan iaitu tataetika penggunaan media sosial mesti dipatuhi. Kalau tidak, kita akan ambil tindakan.

#### ■1120

Setakat ini memang sudah banyak tindakan yang diambil atas dasar disiplin. Contohnya macam doktor yang berkenaan yang di sebut dalam yang telah pun *viral* gambarnya kita sudah pun

mengenakan tindakan iaitu ditahan kenaikan gaji selama enam bulan. Lain-lain Tuan Yang di-Pertua, ada banyak kes yang telah pun di ambil tindakan kerana masalah disiplin.

Pada 2014 contohnya ada 239 kes; 2015, 378 kes; 2016, 385 kes; 2017 sehingga bulan Julai telah terdapat 411 kes; kes-kes semakin meningkat. Memang kita ambil tindakan yang tegas dan bentuk tindakan merupakan— perkara yang paling ringan ialah amaran ataupun denda maksimum tujuh hari emolomen ataupun lucut hak emolomen ataupun tangguh pergerakan gaji ataupun turun gaji, turun pangkat ataupun terus buang kerja. Jadi tindakan-tindakan telah dibuat dan akan terus dibuat terhadap kakitangan yang tidak berdisiplin, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.21 pg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7 petang dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari rabu 16 Ogos 2017.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli yang terhormat sekarang saya kemukakan perkara kepada majlis untuk diputuskan. Masalah ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

### RANG UNDANG-UNDANG

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PINDAAN) 2017**

**Bacaan kali yang kedua dan ketiga**

*Aturan Urusan Mesyuarat* dibaca bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa rang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[14 Ogos 2017]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang dibuka untuk perbahasan, saya menjemput Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Tiada dalam Dewan?... Puan Hajah Azizah binti Haji Harun? Silakan.

**11.23 pg.**

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana membentangkan rang undang-undang bagi meminda Akta Pengangkutan Awam Darat 2017. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas usaha gigih SPAD untuk memantapkan perkhidmatan awam negara.

Secara ringkas mengenai pindaan akta ini, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan bagaimanakah SPAD menguatkuasakan dan menangani isu-isu yang dipertikaikan oleh pemegang-pemegang lesen pengangkutan awam. Jika sekiranya operator terminal pengangkutan yang mengendalikan kaunter tiket pengangkutan awam darat mendiskriminasikan pemberian tiket giliran mendapatkan penumpang dengan memberi keutamaan kepada pihak-pihak yang tertentu. Apabila berlaku diskriminasi ini, berlaku rungutan dan keraguan kepada mereka yang terlibat dalam isu diskriminasi operator kaunter tiket di terminal.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri dan SPAD untuk memberi perhatian serius terhadap rungutan dan komplain diskriminasi kaunter tiket *airport LIMO* di KLIA. Ini kerana dikhabarkan berlaku diskriminasi dalam pemberian kupon *queue* tiket penumpang teksi keluarga yang mengguna van *Toyota Hiace*, *Kia Pregio* atau *Nissan Urvan*. Kejadian ini di laporkan berlaku kerana pengendali kaunter tiket *queue* penumpang mengutamakan penumpang berkeluarga melanggan perkhidmatan MPV mewah yang dikendalikan oleh pihak lain.

Implikasi dan kesan diskriminasi terhadap pemandu teksi keluarga ini, telah menyebabkan masalah kepada mereka mendapat hasil dan seterusnya kehilangan pendapatan harian serta ada di antara mereka gagal membayar sewa van sehingga terhutang sekitar tiga hingga lima bulan. Untuk dapatkan tiket satu hari pun susah hendak dapat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapat maklumat, pada 9 Ogos bahawa pihak berkuasa operator terminal iaitu Malaysia Airport Holdings Berhad merobohkan khemah tempat rehat pemandu teksi keluarga dan tindakan ini menyebabkan mereka tidak ada tempat untuk berehat sementara menunggu giliran *queue* dan kebajikan mereka tidak dipelihara dengan baik.

Justeru melalui pindaan ketetapan baru yang dibuat, melalui pindaan akta ini saya memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri untuk melihat permasalahan ini secara baik dan mencari jalan muktamad isu diskriminasi operator terminal dengan kadar segera.

Saya mohon menyokong pindaan akta ini dan harapan saya agar liberalisasi perundangan pengangkutan awam akan meningkatkan kebolehan kepercayaan awam terhadap perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini. Saya mohon menyokong

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad, silakan.

**11.27 pg.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas kebenaran yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan rang undang-undang Akta Pengangkutan

Awam Darat (Pindaan) 2017. Harapan saya melalui pindaan yang bakal di lulus ini akan memberi manfaat yang lebih baik kepada hampir 32 juta pengguna perkhidmatan pengangkutan awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah hampir lebih tujuh tahun perundangan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 ini di warta dan dikuatkuasakan, liberalisasi dan kecekapan kawal selia operasi pengangkutan awam semakin di tambah baik. Oleh itu melalui pindaan yang dibentangkan ini penggunaan perkhidmatan kenderaan *e-hailing* di *legitimate*, dengan izin, dalam siri perundangan negara.

Secara ringkas saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang persoalan bagaimanakah SPAD akan menetapkan satu peraturan dan kaedah selenggara daftar pemandu yang berdaftar untuk mengendalikan kenderaan yang menawarkan perkhidmatan aplikasi *e-hailing* kaedah dan ketetapan peraturan-peraturan yang setakat yang praktik pelesenan pemandu atau pelesenan kenderaan motor agar rekod pendaftaran yang dipegang oleh syarikat aplikasi *e-hailing* dapat di pantau sepanjang masa oleh pegawai-pegawai SPAD.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Keduanya, bagaimanakah, persediaan dan langkah yang perlu diambil oleh SPART untuk memastikan pegawai-pegawai SPAD mendapat latihan dan kefahaman yang baik dalam urusan pemantauan dan kawal selia aplikasi *e-hailing*.

Apakah, kemudahan dan persediaan teknologi maklumat SPAD mampu untuk membuat kawalan tata kelola ke atas syarikat-syarikat aplikasi *e-hailing* selaras dengan beberapa akta yang berkaitan dengan pengangkutan awam dan pengangkutan jalan.

Saya mohon menyokong pindaan rang undang-undang ini, semoga dengan persoalan yang saya kemukakan integriti perkhidmatan dan keselamatan penumpang akan terjamin Terima kasih.

■1130

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya jemput pula sekarang Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Dipersilakan.

**11.30 pg.**

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah meminda beberapa akta bersesuaian dengan senario ataupun keadaan negara kita. Kita lihat bahawa pindaan yang dibuat ke atas rang undang-undang ini menunjukkan bahawa kerajaan amat serius dalam membantu golongan B40, khususnya bagi menambah pendapatan mereka dengan menjadi pemandu perkhidmatan kenderaan *e-hailing* yang mana rata-ratanya pengguna-penggunanya adalah berada di kalangan kawasan-kawasan bandar.

Berdasarkan kepada fasal 30 pindaan ini, saya ingin menyentuh tentang takrifan baru kenderaan *e-hailing* yang mana ianya telah dimasukkan ke dalam Jadual Pertama, Akta 715. Justeru, dengan penambahan takrifan ini, semua ketetapan statutori yang sedang berkuat kuasa



pada ketika ini akan dikuatkuasakan. Maknanya, kita tahu apabila takrifan *e-hailing* dimasukkan dalam akta, segala ketetapan statutori yang di *implement* kepada kenderaan-kenderaan yang lain, akan di kuat kuasa kan juga sama juga dengan kenderaan-kenderaan *e-hailing*. Apa yang menjadi persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan aplikasi *e-hailing* ini seperti *Uber* dan *Grab* merupakan opsyen bersepadu aplikasi digital dengan penggunaan telefon pintar untuk mendapatkan perkhidmatan teksi atau pengangkutan awam secara cekap dan tepat.

Mungkin kekangan operasi teksi dan bas menjadikan perkhidmatan *e-hailing* ini popular, terutamanya di kalangan golongan belia. Persoalan yang saya ingin kemukakan adalah pertama, bagaimanakah kerajaan menetapkan syarat dan ketetapan statutori agar firma penyedia aplikasi *e-hailing* ini mematuhi setiap peruntukan undang-undang Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Komunikasi dan Multimedia dan peraturan sistem pembayaran oleh Bank Negara?

Soalan saya yang kedua ialah bagaimana pula syarat dan ketetapan teknikal yang dikenakan kepada syarikat tentang kemudahan dan sistem sokongan yang perlu ada untuk menyelenggarakan sistem aplikasi dan pengguna dan syarikat penyedia komunikasi dan pihak berkepentingan lain seperti bank tempatan?

Seterusnya, saya juga ingin bertanyakan tentang bagaimanakah SPAD ingin mengendalikan isu-isu perundangan? Oleh kerana kita tahu bahawa *application developer* ini, dengan izin, adalah berasal bukan dari negara Malaysia. Maknanya, kalau ada *dispute* dan sebagainya, macam manakah hendak dikendalikan? Oleh kerana kita tahu bahawa *software* ini, *in terms of conditions of use* yang kalau kita tengok sekarang pada yang aplikasi *Grab* sekarang ini, ia sentiasa berubah-ubah. Maknanya sekarang ini *application Grab*, kalau kita tengok *in terms of use*, kebanyakannya adalah lebih kepada pengguna.

Akan tetapi bagaimana pula *driver* punya *terms of use* dengan aplikasi? So, apakah- dan *terms of uses* sentiasa berubah-ubah. Terkini yang saya tengok, *the modified version* yang akhir adalah pada 1 Ogos 2017. Maknanya, kalau katalah kita menguatkuasakan akta dan undang-undang ini, apakah langkah-langkah SPAD untuk mengendalikan kalau sekiranya ada isu-isu perundangan dan sebagainya?

Selain daripada itu, soalan saya yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa apabila kebanyakan pemandu-pemandu *Grab* ataupun *Uber* ini adalah di kalangan golongan orang muda yang mana kebanyakan mereka menjadi pemandu *Grab* atau *Uber* adalah untuk menambah pendapatan. Maknanya, *this is their second income*. Ini pendapatan kedua, tambahan dalam keadaan ekonomi, dalam kos sara hidup yang tinggi dan sebagainya.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan. Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan bagi memudah cara kan pemandu-pemandu ini? Oleh sebab kalau katakanlah tadi, kita tahu, dimasukkan takrifan *e-hailing* ini, maknanya segala syarat di bawah SPAD itu perlu dipatuhi seperti lesen dan sebagainya. Adakah perlu pemandu-pemandu kenderaan *e-hailing* ini berregister lesen? Perlukah kenderaan mereka diperiksa di PUSPAKOM dan sebagainya, sebagaimana yang

tertakluk kepada kenderaan-kenderaan awam? Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili. Silakan.

### 11.35 pg.

**Dr. Zaidi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan pindaan dan penambahbaikan yang dilakukan oleh kerajaan dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Pembentangan pindaan Akta Pengangkutan Awam Darat ini dilihat amat signifikan dalam menyokong liberalisasi dan multi modal pengangkutan awam darat di Malaysia. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Oleh kerana pindaan-pindaan baru yang dibuat, terutamanya dalam perkhidmatan kenderaan *e-hailing*, perkhidmatan kenderaan barangan, perkhidmatan terminal yang menyokong integrasi dan pusat tumpuan operasi pengangkutan awam ataupun pengangkutan dagangan serta beberapa penambahbaikan terhadap tata kelola pelesenan dan syarat operasi pengangkutan awam darat, amat dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, liberalisasi aplikasi ICT dan kemajuan terkini teknologi yang dibangunkan untuk menyediakan satu platform niaga perkhidmatan pengangkutan awam merupakan rahmat kepada kita semua. Justeru itu, dalam pindaan ini, usaha kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan kenderaan *e-hailing* di *legitimate* kan ataupun disahkan dengan berpandukan aplikasi ICT memerlukan SPAD membuat pemuliharaan dan beberapa ketetapan seiring dengan peraturan-peraturan yang diperuntukkan di dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Persoalan yang saya ingin kemukakan berhubung dengan perkhidmatan *e-hailing* ini, apakah syarat ataupun ketetapan statutori yang kerajaan kenakan terhadap operator aplikasi *e-hailing* ini seiring dengan ketetapan undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Pengangkutan Darat 2010?

Bagaimana pula SPAD sebagai agensi yang memberikan perakuan dan kelulusan lesen di dalam perkhidmatan aplikasi *e-hailing* ini melakukan beberapa perkara seperti berikut. Pertama, isu-isu perundangan atau tata kelola operasi, agar sebarang kebenaran operasi aplikasi *e-hailing* ini seiring dengan siri perundangan negara dan ketetapan badan kawal selia ICT dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Kedua, bagaimanakah pula SPAD melalui kuasa-kuasa yang diperuntukkan dalam Akta Pengangkutan Awam Darat menentukan kehendak-kehendak statutori dipatuhi oleh operator aplikasi dan tanggungan liabiliti yang memerlukan *accountability* dan *responsibility* terhadap keselamatan penumpang ataupun pengguna?

Ketiga, bagaimana pula pengurusan risiko, terutamanya isu-isu penyelarasan premium insurans tanggungan kenderaan *e-hailing* bersesuaian dengan liberalisasi perkhidmatan skim insurans kenderaan bermula 1 Julai 2017?

## ■1140

Keempat, bagaimana pula SPAD melihat isu-isu perundangan, kehendak-kehendak dan keperluan pematuhan penyelesaian pertikaian seiring dengan terma-terma penggunaan aplikasi e-hailing dengan peraturan-peraturan yang diperuntukkan dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 serta mengkaji risiko pengurusan pertikaian sebagaimana *origin of licensing* aplikasi digital ini dibangunkan?

Tuan Yang di-Pertua, proses pemodenan sistem pengangkutan jalan raya dan rel mewujudkan perkhidmatan terminal bersepadu pengangkutan awam yang dikendalikan oleh pihak persendirian kerana dasar kerajaan membina terminal-terminal ini secara kerjasama awam-swasta. Jadi, pada masa ini, di setiap negeri di Semenanjung Malaysia, kita mempunyai terminal pengangkutan awam bas dan teksi. Kita juga mempunyai terminal pengangkutan bersepadu rel, bas dan teksi di Bandar Tasik Selatan dan terminal pengangkutan awam di Gombak yang sedang dalam pembinaan.

Justeru itu, saya ingin mendapatkan kepastian daripada kerajaan tentang bagaimana kerajaan membuat suatu ketetapan komprehensif bagi mengawal selia dan menetapkan tata kelola standard meliputi fungsi, tanggungjawab, caj, keselamatan perkhidmatan terminal dan kawalan terhadap kemungkinan berlaku diskriminasi terhadap operator pengangkutan awam?

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru SPAD agar melihat pembangunan mampan dan pantas perkhidmatan awam darat di Malaysia ini perlu disepadukan dengan komitmen tinggi pegawai SPAD serta kecekapan responsif pegawai-pegawai yang berada di *front line* bagi menangani semua isu pengguna dan operator.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbahasan saya dan saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Poin-poin yang ditimbulkan baik dan elok dipergunakan oleh Yang Berhormat Menteri kita. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff. Dipersilakan.

**11.43 pg.**

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]

Pertamanya, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian dan mengalu-alukan penambahbaikan akta ini demi kepentingan pengguna dan juga pemandu teksi yang berada terutamanya dalam Bandar raya Kuala Lumpur.

Suka saya hendak maklumkan bahawa saya difahamkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) telah pun mengadakan Makmal Transformasi Industri Teksi pada November 2015. Cuma, saya hendak tanya, apakah hasil makmal tersebut? Sejauh manakah makmal ini mampu memastikan kelangsungan hidup pemandu-pemandu teksi?

Juga, apakah tindakan kerajaan terhadap pemandu-pemandu teksi di samping membawa kereta teksinya dan memberi tohmahan-tohmahan ataupun fitnah kepada penumpang berkaitan dengan kepimpinan negara, apakah tindakan ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) mengenal pasti mereka-mereka ini? Ini kerana kongres pemandu teksi seramai 300 orang. Pemandu teksi telah pun berjumpa dengan pemimpin-pemimpin pembangkang tempoh hari dan apakah tindakan terhadap pemandu yang menghadirkan diri itu?

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan dan juga memberi cadangan supaya apabila kita hendak buat sesuatu perkara, pertamanya, penguatkuasaan hendaklah diutamakan. Kita tahu bahawa *e-hailing* dilihat akan berleluasa sekiranya pengawal seliaan tidak dijalankan secepat mungkin. Isu-isu seperti pemandu menumbuk penumpang dan juga beberapa perkara yang berlaku tempoh hari akan memberikan imej yang tidak baik kepada negara dan juga kerajaan.

Saya mencadangkan supaya mereka yang terlibat dalam perkhidmatan ini benar-benar bersih dari sebarang rekod polis, bukan sahaja jenayah tetapi juga daripada trafik. Identiti pemandu harus dipamerkan. Kad identiti dikeluarkan oleh pihak berkuasa- contohnya, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan bukannya syarikat *Uber* ataupun *GrabCar*. Dicadangkan dalam tempoh enam bulan, rekod pemandu perkhidmatan ini diperiksa oleh pihak-pihak berkuasa agar bebas daripada sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang.

Saya difahamkan bahawa 52 peratus ke atas penumpang yang memiliki *Apps* yang berkaitan dengan *e-hailing*. Daripada itu, 10 peratus sahaja pemandu teksi yang menggunakan *Apps*. Jadi, saya hendak tanya, apakah peranan kerajaan untuk memastikan pemandu teksi juga guna pakai *Apps* untuk bersaing dengan *Uber* dan *GrabCar* dan apakah peranan kerajaan di dalam membantu menyediakan aplikasi tempatan untuk bersaing dengan *Uber* dan juga *GrabCar*?

Jadi, sebelum mengakhiri perbahasan saya, saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana berjaya mengoperasikan MRT dan juga tahniah di atas pelancaran ECRL tempoh hari. Saya juga ingin beritahu kepada pihak-pihak tertentu, cukup-cukuplah memburuk dan mengkritik kerajaan dengan mengkritik ECRL dan MRT dengan berbagai-bagai tohmahan yang mana dilihat akhirnya rakyat sendiri berasa tertawa kerana apa yang diberi oleh kerajaan adalah amat memuaskan. Saya tinggal di Puchong Utama dan saya tengok bila ada MRT, saya rasa datang ke Parlimen ini dapat jimatkan masa yang begitu singkat dan itulah antara kebaikan-kebaikan.

Jadi, saya tidak berhasrat bercakap panjang dan saya menyokong penuh akta yang dibentangkan oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff. Seorang pemimpin akar umbi di bandar raya ini. Dia tahu permasalahan pemandu teksi ini. Terima kasih Yang Berhormat Datuk.

Saya ada lima, enam orang lagi termasuk Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat, Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff, Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail dan juga Yang Berhormat Senator- *insya-Allah*, saya akan memberi peluang Ahli-ahli Yang Berhormat berucap, bercakap.

Saya menjemput sekarang iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat. Dipersilakan.

**11.48 pg.**

**Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana mengizinkan saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat. Seperti rakan-rakan yang lain, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana setelah beberapa tahun akta ini telah dipinda dengan komprehensif. Maksud saya komprehensif kerana ia mencakupi pelbagai aspek dan termasuk ditambah baik selaras dengan perkembangan teknologi terutama sekali dalam dunia digital. Ia hanya tertumpu pada perkara-perkara berkaitan dengan pelesenan, pembaharuan lesen, kawal selia dan juga pelesenan kepada pengendali terminal dan juga kenderaan-kenderaan pelancongan. Ini menandakan bahawa kerajaan telah memberi perhatian yang khusus kepada pengguna atau pengamal pengangkutan awam.

Kita semua maklum bahawa berjuta-juta rakyat sehari menggunakan pengangkutan darat dan ini memerlukan perhatian yang sangat serius terutama sekali tentang keselamatan dan keselesaan.

Saya juga seperti rakan-rakan lain, menaruh kebimbangan saya terhadap pengendali perantara dengan menggunakan aplikasi-aplikasi seperti *GrabCar* dan juga *Uber*. Sebelum pada ini, aplikasi ini tidak dikawal selia. Bebas. Kerajaan melalui akta ini telah memberi peluang kepada mereka masa yang sesuai untuk memohon lesen.

■1150

Saya juga ingin memperingati untuk memperingatkan kita semua terutama sekali pihak berkuasa mengenai dengan pelesenan ini supaya memberi pertimbangan yang adil kepada pemegang-pemegang permit ataupun pemandu teksi konvensional di seluruh negara. Ini kerana mereka ini apabila hendak memperbaharui lesen mereka ataupun permit mereka, mereka perlu melalui proses seperti yang dilalui oleh pengendali kenderaan awam dan juga perniagaan iaitu terpaksa pergi ke PUSPAKOM, membayar fi, membayar caj-caj daripada *workshop-workshop* sebelum mereka bawa kenderaan mereka ke PUSPAKOM dan kosnya tersangat tinggi. Akan tetapi pemandu *Uber* tidak perlu melakukan sedemikian. Jadi saya mohon kerajaan di bawah akta ini meletakkan syarat-syarat yang ketat dengan pemantauan dan kawalan terhadap *roadworthiness* kenderaan-kenderaan yang dibawa oleh pemandu *Uber*.

Selain daripada itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa apabila kita membenarkan aplikasi ini dilesenkan, kita jangan lupa terdapat aplikasi-aplikasi baru yang melalui beberapa syarikat yang bakal digunakan di Malaysia ini. Ada orang ataupun ada syarikat yang sedang berusaha untuk mencipta aplikasi baru iaitu siapa-siapa yang hendak menggunakan khidmat lori kecil boleh menggunakan aplikasi ini. Mereka ini ialah pemain-pemain digital yang bagi saya cukup

bijak dan mereka ini melalui proses pengalaman yang banyak menggunakan aplikasi yang lain. Saya harap kerajaan bersedia untuk membenarkan mereka memohon lesen-lesen ini.

Daripada sudut itu juga, kerajaan juga mesti bersedia di kawasan-kawasan kecil, bandar-bandar kecil pun akan ada aplikasi ini dicipta oleh pemain industri elektronik ataupun pemain industri digital di tempat masing-masing. Kita mungkin terkejut esok di Kota Bharu, Kelantan akan wujud satu aplikasi khas untuk penduduk Kelantan. Mungkin mereka tidak hendak membawa masuk *GrabCar* ataupun *Uber* tetapi mereka akan mencipta kumpulan-kumpulan orang-orang bijak pandai kita yang dilatih di universiti-universiti tempatan akan mencipta aplikasi tersebut untuk kegunaan di tempat masing-masing. Ini kerajaan pun perlu bersedia menerima permohonan mereka untuk mendapatkan lesen.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pembangunan negara kita, pembinaan MRT dan juga ECRL. Seperti saudara kita Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal sebut pelbagai tohmahan kritikan dilemparkan terhadap kerajaan apabila kerajaan membuat projek-projek sebegini. Akan tetapi hasilnya kita dapat lihat di projek MRT dalam mana rakyat telah menerima kemudahan dan juga keselesaan jauh lebih baik daripada dua, tiga tahun yang lepas.

Menyentuh tentang ECRL, walaupun terdapat kritikan daripada pelbagai pihak tetapi saya yakin dan percaya ECRL akan membuka lembaran baru bukan sahaja daripada sudut pengangkutan tetapi perkembangan ekonomi melalui pembinaan ini di negeri-negeri Pantai Timur seperti Pahang, Terengganu dan Kelantan. Manfaatnya mungkin tidak dapat dirasai ataupun tidak dapat dilihat dalam tempoh setahun dua tetapi saya rasa *the spurring up of regional economy*, dengan izin, akan berlaku dalam tempoh lima hingga 10 tahun daripada sekarang. Jadi saya berharap, rakyat dan Ahli Dewan menyokong program, projek ini supaya kita dapat melihat negara kita menjadi maju seperti negara-negara lain.

Saya juga berasa kecewa apabila kita mendapat kritikan yang tidak putus-putus daripada rakyat kita sendiri sedangkan negara-negara lain di dunia ini berlumba-lumba untuk menaikkan taraf ekonomi, kemajuan negara masing-masing dengan membawa pelabur-pelabur asing, meminta pelabur asing datang. Sedangkan kita, apabila pelabur asing datang untuk melabur, untuk kemudahan rakyat kita, kita terus mengkritik. Saya berharap kita semua menghentikan kritikan itu dan memandang jauh ke depan untuk melihat negara kita lebih maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang saya ingin katakan dalam ucapan saya dalam membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat dan saya mohon menyokong, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat terima kasih banyak. Cuba kita tengok Dewan kita, di hadapan saya tetamu kita. Tetamu kita hadir hendak mendengar bagaimanakah Ahli-ahli Dewan Negara kita bersidang. Hujah-hujah apakah yang hendak diperkatakan, kita ucap terima kasih yang hadir itu, memerhati tingkah laku kita serta hujah-hujah yang diberikan. Jadi kita di sini berbakti, membuat budi. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

**11.56 pg.**

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam Negaraku Malaysia. Saya diberi peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat. Saya tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sr. Hanafi tadi soal MRT, ECRL ini adalah yang terbaik. *So far* setakat ini yang dilakukan oleh kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Sebelum saya pergi lebih jauh, cuma saya hendak mencadangkan kepada Menteri JPM yang ada bersama hari ini supaya ECRL yang dibina ke Pantai Timur itu tidak sahaja berakhir di Tumpat, berakhir juga di Rantau Panjang. Oleh sebab saya tengok tidak ada logiknya, ada logiknya kalau di Tumpat itu selepas itu laut sudah, tidak ada apa. Kalau di Rantau Panjang selepas itu ada Golok, ada Hat Yai terus ke Bangkok boleh terus ke Tanah Besar, China sebab kita mewujudkan ECRL untuk komersial. Jadi saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya membawa perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya ECRL ke Pantai Timur biar *endingnya* di Rantau Panjang, Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai pengangkutan darat ini sebab kita di Kelantan ini saya tengok bas ekspres KL-KB ini satu malam bukan 120 buah bas. Cuma dari segi keselamatan penumpang ini saya ingat perlu diambil kira dan kalau tengok fokus yang dibentangkan tadi itu adalah untuk teksi tetapi saya fokus kepada pengangkutan awam darat termasuk bas, teksi kita sewa semua sekali.

Saya hendak mencadangkan kepada kementerian dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kita tengok sering kali kemalangan *heavy accident*, *accident* berat ini berlaku pada waktu malam. Waktu malam ini maknanya antara jam 12 malam hingga 5 pagi itu. Saya hendak mencadangkan kepada kementerian, kepada Menteri di JPM supaya kenderaan-kenderaan yang membawa penumpang ini supaya tidak beroperasi pada waktu tengah malam, 12 malam hingga 5 pagi. Kemalangan berat, *heavy accident* ini biasanya pada waktu ini. Terbabas, berlanggar, jatuh gaung, terjun sungai waktu ini sebab penumpangnya mengantuk. Jadi sesuaiilah dengan pindaan ini juga menyediakan kebajikan kepada pemandu-pemandu.

Jadi kena bagi pra syarat kepada syarikat-syarikat bas yang hendak mengambil pemandu ini kalau boleh, kita juga kena mengambil bahagian. Jangan memberi peluang kepada syarikat-syarikat berkenaan, syarikat teksi kah, kereta sewa, bas kalau bolehlah kita tapis pemandu yang hendak diambil itu.

**■1200**

Jangan sewenang-wenang. Mana tahu pemandu makan butir, pil kuda, dadah atau ubat nyamuk, kita mana tahu. Oleh sebab itu kadang-kadang berlaku terbabas, terjun sungai, terjun parit. Macam yang berlaku dekat Negeri Sembilan itu hari. Kita pun terkejut tengok masuk terus langgar sampai 10 biji kenderaan.

Ini, pemandu pun kita kena tapis supaya penumpang itu tidak menjadi mangsa kepada kerakusan pemandu yang terlibat dengan butir, pil kuda, syabu atau dadah. Kena tapis. Kita apabila

berlaku kemalangan, tidak kena kepada *family* kita okey. Kena kepada keluarga kita, kita rasa “*Oh, ini memang betul-betul, kita perlu tapis pemandu ini supaya keselamatan penumpang ini terjamin*”.

Jadi pemandu pun, saya kena minta kerajaan tapis juga. Terutama pemandu-pemandu bas ini kita kena ambil kira supaya keselamatan penumpang itu terjamin sepanjang masa supaya tidaklah berlaku pada zaman Dato' Najib, “*Ha, kes Dato' Najib lah ini, buat accident ini*”. Bila berlaku kes-kes yang *heavy* macam ini, salahkan kerajaan. Walhalnya penumpang itu yang salah.

Kedua, kita- saya tengok sebab saya duduk di sempadan, kita tengok di Thailand, di Thailand sendiri, pendapatan utama dia adalah pelancongan, pelancong. Kita minta kerajaan supaya pemandu-pemandu teksi ini bagi latihan sedikit supaya bila pelancong mari naik teksi itu bila bertanya, “*How about Malaysia?*” “*Oh, Malaysia is no good.*” Itu tidak bagus. Bagi latihan supaya pemandu teksi yang bawa pelancong ini memberi satu gambaran yang baik kepada kerajaan Malaysia.

Oleh sebab kita tengok di Thailand, dia cukup hormat kepada kerajaan, kepada raja dia. Pemandu, bila kita naik teksi di Thailand, tanya “*How about Thailand?*” “*Oh...*” Tidak adalah *so far* saya pergi tidak jumpa pun pemandu kata memburuk-burukkan kerajaan Thailand. Tidak ada. Jadi kena ada satu skim latihan yang saya rasa yang komprehensif supaya pemandu-pemandu ini berdisiplin, berhemah dan mempunyai jati diri cintakan kepada negara Malaysia.

Ketiga, dalam mengendalikan atau mengendalikan kenderaan darat ini saya minta untuk masa hadapan, negara kita akan menjurus ke arah pelancongan, *but income* Thailand pun pendapatan utama dia, pelancongan. Kalau bolehlah kita tengok, jangan mengharap kepada teksi sahaja untuk membawa pelancong. Kalau bolehlah kita ambil yang baik daripada negara jiran, tengok di Thailand, di Hatyai sendiri, ada tut-tut. Memberi kebenaran kepada JPJ untuk meluluskan kenderaan ringan. Oleh sebab pelancong kalau mereka datang ke Malaysia ini kalau hendak pergi dekat-dekat dia tidak naik teksi. Serba salah naik teksi. Jadi kalau boleh kita beri laluan. Kalau di negara China itu dia bagi motosikal yang ada enjin itu. Jadi kalau pelancong hendak pergi yang dekat-dekat itu, naik kenderaan yang ringan, tidak kenderaan yang berat.

Kalau boleh kita perkenalkan. Kalau ECRL kita boleh perkenalkan, MRT boleh perkenalkan, kita adakan tut-tut untuk mengendalikan pelancongan yang akan pergi ke jarak dekat. Jadi lagi senang. Saya rasa pelancong lagi senang, kita lagi dapat menarik lebih ramai pelancong datang ke Malaysia. Jadi saya rasa itu sahaja.

Cuma terima kasih kepada kerajaan di bawah Barisan Nasional ini Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak kerana memberi *advance* RM5,000 untuk beli kenderaan yang teksi dan kereta sewa ini. Terima kasihlah sebelum ini tidak adapun pemberi subsidi RM5,000 kepada yang hendak beli motor, yang hendak beli kenderaan yang berteksi ini. Saya rasa itulah saya minta sekali lagi supaya ECRL diteruskan sampai ke Rantau Panjang, pemandu diberikan latihan yang cukup supaya cintakan negara, sayangkan Malaysia dan berdisiplin, berhemah apabila membawa pelancong.



Akhirnya saya minta supaya diperkenalkan kenderaan tut-tut untuk memberi kemudahan kepada pelancong untuk berjalan dalam bentuk jarak dekat. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim yang memberi banyak pandangan baik. Antaranya, menggunakan tut-tut. Sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff.

#### 12.06 tgh.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan melalui Menteri yang hadir bersama-sama dengan kita pada pagi ini. Ini memperlihatkan dan menzahirkan keprihatinan dan seriusnya kerajaan dalam meletakkan hak-hak dan tanggungjawab-tanggungjawab pihak-pihak di dalam industri termasuk jugalah kepada pengguna-pengguna.

Saya ingin membawa perhatian kerajaan di dalam pindaan Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 dari segi sektor kereta sewa teksi. Tuan Yang di-Pertua, bagi kawasan-kawasan dan juga pekan-pekan kecil ataupun kawasan-kawasan di luar daripada kepadatan penduduk yang tinggi- sektor kereta sewa dan teksi. Saya pun tidak pasti Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan adakah kereta sewa teksi yang beroperasi di kawasan-kawasan luar bandar pada pekan-pekan kecil ini termasuk juga dalam satu definisi yang meletakkan kehendak *statutory* yang sama kepada industri teksi di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi yang terutama sekali di bandar-bandar besar.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi sektor kereta sewa dan teksi kerana saya telah didatangi oleh ahli-ahli persatuan dan gabungan-gabungan ataupun pemain kepada kereta sewa ini, teksi yang telah menyatakan keadaan keperitan di dalam mereka meneruskan kehidupan ini. Rata-rata daripada pemandu ataupun tuan punya kereta sewa teksi ini terdiri daripada pesara-pesara kerajaan, veteran-veteran tentera, pesara-pesara polis dan juga orang-orang kampung biasa.

Di mana sejak daripada dahulu lagi saya telah dimaklumkan, saya telah diceritakan oleh ahli gabungan kereta sewa teksi ini bahawa dulu generasi bapa mereka, sekarang telah turun kepada generasi kedua iaitu seolah-olah industri kereta sewa teksi di pekan-pekan kecil ini terutama sekali di tempat saya misalnya di Perlis, Kedah, Perak mungkin juga di Kelantan dan Terengganu. Ini merupakan suatu sektor mata pencarian yang utama bagi segelintir rakyat kita ini.

Daripada perbualan dan perbincangan saya dengan mereka ini, mereka merasa seolah-olah mereka ini telah dipinggirkan. Jadi kita haraplah kerajaan dapat meletakkan atau menggariskan sesuatu insentif ataupun sesuatu pelan kepada mereka ini agar mereka tidak merasa mereka dipinggirkan. Seperti mana saya sebut di awal tadi Tuan Yang di-Pertua, sekarang telah turun kepada generasi kedua.

## ■1210

Soalnya sekarang ialah industri ini merupakan suatu perwarisan kepada penduduk-penduduk di pekan-pekan kecil. Bagi pemandu-pemandu kereta sewa teksi ini, inilah sumber pendapatan mereka yang utama di dalam kehidupan ini. Saya telah dimaklumkan bahawa dan juga timbul rasa simpati kepada mereka ini kerana apa yang telah dinyatakan, pendapatan mereka puratanya ialah di bawah daripada miskin tegar. Dinyatakan bahawa pendapatan mereka puratanya sebanyak RM300 sebulan. Saya kesian melihat ini suatu keadaan yang begitu perit bagi mereka. Masalah ini terjadi dan juga mereka mengalami masalah ini kerana katanya ini, minta-minta kerajaan dapat memperincikan ataupun menyasatkan perkara ini, kos operasi yang tinggi. Itu semua kepada sama ada teksi di bandar ataupun teksi di luar bandar sama. Akan tetapi apa yang mereka dapat nyatakan kepada kerajaan ialah agar kerajaan dapat memberi sedikit bantuan, sokongan dan insentif.

Misalnya pada masa dahulu, mereka diberi baucar tayar, subsidi minyak dan tambahan lagi kehendak *statutory* ataupun kehendak undang-undang pemeriksaan terpaksa dijalankan secara berjadual di mana ia melibatkan kos iaitu pembayaran kepada PUSPAKOM. Satu lagi pula ialah mereka minta supaya PUSPAKOM ini bagilah sedikit kelonggaran apabila kereta sewa teksi ini dihantar untuk pemeriksaan berjadual. Misalnya dinyatakan kalaulah kusyen itu koyak sikit pun telah ditolak daripada kelulusan ini.

Jadi mereka minta supaya perkara-perkara yang bukan *road worthiness* ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua ini, diringkankan sedikit bukan mereka minta dikecualikan tetapi diringkankan sikit. Misalnya di dalam itu pintu plastik itu terkopak sikit sudah ditolak. Apabila mereka pergi balik untuk buat pemeriksaan, lagi kos mereka tanggung. Sedangkan kos pendapatan mereka ataupun kutipannya di bandar-bandar kecil kereta sewa dan teksi ini adalah kecil. Ini kerana saya rasalah pemerhatian ataupun pemikiran saya bahawa pendapatan ini bergantung kepada kepadatan penduduk dan juga kepenggunaan rakyat di kawasan itu.

Jadi bagi kami di kawasan-kawasan kecil ini kepadatan tidak ada. Jadi kutipannya rendah. Jadi kita mintalah supaya kerajaan melalui Yang Berhormat Menteri, dapat menimbangkan apa bentuk langkah untuk membantu pesara-pesara kerajaan, veteran tentera, pesara polis dan pesara-pesara kakitangan kerajaan yang dulu yang masih rata-rata mereka sekarang ini ataupun pemandu-pemandu kereta sewa teksi ini berumur lingkungan lewat 50-an ataupun sudah dalam enam *series* Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita haraplah supaya kerajaan dapat membantu mereka dan janganlah mereka ini rasa mereka telah dipinggirkan, satu.

Kemudian perkara yang berikutnya ialah Tuan Yang di-Pertua ialah saingan. Kita sedar kita tidak dapat lari daripada kemajuan teknologi yang mana sekarang ada *e-hailing*, di mana dengan teknologi ini dan golongan ataupun pemandu atau pengendali kereta sewa teksi di kawasan luar bandar ini mereka tidak mampu untuk bersaing dalam teknologi ini. Jadi, apakah kerajaan ada memikirkan selain daripada perkembangan teknologi masa kita ini dapatlah mereka ini terlibat juga dalam meneruskan kehidupan sebagai pemandu kereta sewa teksi? Kita sedar bahawa ia dalam

keadaan saingan ini, perkara yang harus dipertingkatkan ialah dari segi membantu dan menyokong pemain-pemain atau pemandu-pemandu kereta sewa dan teksi ini.

Apa yang saya hendak membangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah di dalam aktiviti sosial ini kerajaan bagilah lebih apa bentuk pun. Kemungkinan kita kecualikanlah daripada pengendali-pengendali teksi di kawasan bandar dan dikategorikanlah pemandu teksi, kereta sewa, teksi di bandar dengan- bukan, di bandar saya tak berapa sedar. Nampaknya ada teksi sahaja tetapi di kawasan luar bandar kereta sewa dan teksi. Jadi saya mohonlah kepada kerajaan buatlah sesuatu untuk memberi harapan kepada mereka ini di dalam meneruskan kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahaja dan untuk saya turut serta dalam perbahasan ini dan saya mohon menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator dan banyak hujah yang baik dan bernas. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim. Dipersilakan.

#### 12.16 tgh.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Negaraku Malaysia. Saya hormati Tuan Yang di-Pertua dengan saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana memberikan peluang untuk saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017.

Pertamanya, ingin saya lafazkan untuk mengucapkan setinggi terima kasih kepada Kerajaan Malaysia dan juga khususnya kepada kementerian yang telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tanggungjawab berkenaan dengan kenderaan darat yang kita maksudkan. Perkara keduanya, saya mengucapkan terima kasih juga kepada kerajaan kerana ianya telah memberikan peluang iaitu peluang pendapatan khususnya kepada rakyat untuk menceburi dalam bidang perniagaan ataupun usahawan kenderaan darat ini.

Saya ingin menumpukan ataupun memberikan perhatian yang benar-benar dekat di hati saya berkenaan dengan perkhidmatan kenderaan darat di KLIA1 dan juga KLIA2 yang dulunya KLIA2 ini disebut LCCT. Jadinya perkara pertama mengikut kefahaman saya dalam bentuk menjalankan perkhidmatan ini ia dikeluarkan lesen kepada yang diberikan peluang. Jadinya apabila pengusaha ini menerima lesen, maka disyaratkan untuk mereka mencari kenderaan juga telah disyaratkan oleh kementerian kenderaan apa yang sewajarnya boleh digunakan sama ada ianya berbentuk ataupun jenis kenderaan untuk tidak ramai ataupun kenderaan keluarga yang disebut *family service*.

Kategori usahawan-usahawan ini pun ada beberapa kategori Tuan Yang di-Pertua yang melaksanakan perniagaan ini. Pertamanya kategori dia usaha sendiri, apabila dapat lesen cari kenderaan dia lesenkan dia usaha sendiri sepenuhnya bermaksud 100 peratus usaha sendiri. Kategori keduanya adalah usaha sama, dapat permit apabila diluluskan permit dan untuk melesenkan kenderaan tersebut maka ia akan berusaha sama dengan syarikat lain kerana kaedah

kurang mampu untuk mengendalikan sendiri. Kategori ketiganya adalah dijual terus apabila mendapat tawaran permit tersebut, jual terus kepada pihak yang lain bermaksud mengambil keuntungan secara atas angin dan tidak melaksanakan perniagaan yang diberikan peluang oleh kerajaan tersebut.

■1220

Ini yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Dalam kaedah untuk melaksanakan perkara ini yang pertamanya sebagaimana yang saya sebut tadi, apabila mendapat tawaran permit ia mesti mencari kenderaan untuk digunakan ataupun untuk dilesenkan dan kenderaan ini mestilah memerlukan modal untuk mengeluarkan kenderaan tersebut. Maka kaedah yang dipergunakan modalnya adalah datangnya daripada pinjaman-pinjaman bank yang telah dibuat atau dipohon oleh usahawan-usahawan yang terlibat. Selepas itu ia mendapat kontrak tersebut, dilesenkan maka barulah perkhidmatan ini dapat dilaksanakan di KLIA ataupun KLIA2 yang saya maksudkan tadi. Di sana telah pun disyaratkan ataupun telah ditetapkan oleh kementerian iaitu telah diadakan kutipan dari segi tiket ataupun perolehan kewangan tersebut melalui kaunter tiket yang telah dilantik sendiri oleh kementerian.

Cuma ada satu sahaja kaunter tiket yang telah dilantik dan semua pengusaha-pengusaha teksi yang berada di KLIA dan KLIA2 ini ada tempat mereka untuk berkumpul iaitu kita namakan 'pool'- berkumpul di sana untuk mendapatkan giliran setelah dipanggil giliran tersebut ataupun *driver* teksi sering menyebut mengambil '*chi*' di situ dan terus pergi untuk mengambil penumpang-penumpang yang telah ditetapkan oleh pengurusan kaunter tiket ini. So, jadinya *driver* yang telah pun dilantik oleh usahawan-usahawan perniagaan teksi ini menerima kupon diserahkan oleh pelanggan yang telah membayarkan bayaran tambang kepada kaunter dan menyerahkan kepada pemandu-pemandu teksi yang telah digajikan. Itu yang telah disyaratkan oleh kementerian ataupun syarat-syarat kementerian yang mesti dipatuhi.

Perkara kedua yang ingin saya sebutkan iaitu bagaimanakah usahawan-usahawan teksi yang berada di sana ini melaksanakan perniagaan mereka? Apa yang saya faham, ia ada beberapa cara dan sering dilaksanakan di sana adalah iaitu caranya membuat sewaan kenderaan tersebut secara sewa beli kepada pemandu-pemandu ini. Bermaksud mereka membayar sewa, sewa permit, sewa pengurusan dan juga sewa kenderaan tersebut tetapi ditolak dari segi semasa ke semasa sehingga sampai tempohnya pinjaman di bank ini selesai maka kenderaan itu, pemiliknya adalah akan diserahkan kepada pemandu.

Cuma kaedah yang menjadi kekhawatiran atau menjadi cabaran kepada usahawan-usahawan di sana adalah bentuk bagaimana untuk mendapatkan hasil kutipan kupon ini yang telah disyaratkan oleh kementerian di mana pada peringkat awal dulu ia diberikan kuasa kepada usahawan ini untuk membuat tuntutan kepada pengurusan kaunter terus daripada usahawan, syarikat itu sendiri. Akan tetapi apabila sampai pada satu ketika ia telah pun diberi kuasa kepada pemandu teksi sendiri untuk mengambil kutipan secara terus dengan kaunter.

Ini yang saya maksudkan ia memberikan kesulitan yang amat besar kepada pengusaha-pengusaha teksi yang mengendalikan perniagaan tersebut kerana tanggungan yang terpaksa

dipikul oleh usahawan-usahawan ini melalui pinjaman bank adalah melalui syarikat ini, syarikat yang membuat pinjaman di bank. Akan tetapi urusan untuk menerima bayaran telah diberikan, diperturunkan kuasa kepada pemandu teksi yang sebenarnya bukan pemilik kepada perniagaan itu sendiri. Mereka adalah merupakan kakitangan ataupun pekerja kepada usahawan-usahawan ini.

Maka sudah pastilah Tuan Yang di-Pertua, iaitu apabila wang tunai ini diterima oleh seseorang dan ia merupakan satu ujian untuk membayar kepada usahawan-usahawan yang mengendalikan perniagaan ini amatlah sukar sekali. Maka timbullah pada hari ini ramai di antara pengusaha-pengusaha yang kita harapkan bantuan kerajaan ini akan menjadi manfaat kepada mereka tetapi akhirnya mereka sampai ke tahap muflis dan telah pun berhutang kepada bank beratus-ratus ribu dan hingga berjuta-juta. Akhirnya inilah kaedah yang berlaku sekarang ya.

Dalam kaedah yang lain pula saya ingin bertanya kepada kementerian iaitu berapa banyakkah permit-permit ini dikeluarkan dari mula iaitu yang KLIA dibuka dan juga KLIA2 dibuka? Adakah dibuat kajian yang tepat iaitu berapakah sebenarnya permintaan perkhidmatan yang diperlukan? Saya agak khuatir kerana lambakan daripada kelulusan ataupun yang dilesenkan oleh kenderaan-kenderaan ini maka perkhidmatannya tidak mencukupi. Ini yang berlaku.

Saya melihat di KLIA2 ataupun LCCT dahulu lambakan perkhidmatan. Jadi, penggunaanya kurang so jadinya ramai pemandu-pemandu kita yang terpaksa memberikan masa untuk membuat perkhidmatan ini sehingga 16 ke 18 jam sehari sedangkan pendapatan mereka agak kurang. Untuk mendapatkan dua trip pun agak sukar iaitu dari *airport* hendak menghantar penumpang ke Kuala Lumpur dan balik semula ke *airport*. Ini amat memberi penyeksaan kepada mereka dan juga kepada pengusaha.

Perkara yang lain juga saya ingin bertanya berkenaan KLIA ini. Apakah hanya- berapa orang, berapa pengusaha yang telah ditawarkan untuk menjalankan perniagaan di sana? Maksud saya yang telah dikeluarkan permit. Apakah dari zaman dahulu lagi hanya seorang sahaja yang diberikan peluang ataupun tidak boleh diberikan peluang kepada yang lain? Sebab rasa saya elok juga kek ekonomi ini diberikan pertimbangan supaya dapat ramai yang boleh merasakan nikmat tersebut.

Kalau sepanjang mengikut pengalaman saya hanya seorang satu usahawan sahaja diberikan peluang dan hanya satu kaunter sahaja yang diberikan hak untuk digunakan di KLIA dan juga di KLIA2. Saya ingin mohon mencadangkan supaya kaunter ini diberi peluang sedikit kepada yang lain kerana pengusaha yang sebenarnya adalah pengusaha-pengusaha teksi ini tetapi yang menerima nikmat yang banyak adalah kaunter ini. Mereka mengenakan caj mengenakan sebanyak sembilan peratus kepada setiap kenderaan yang membeli kupon di situ.

So, jadinya yang berkhidmatnya lain, yang membuat perkhidmatannya lain tetapi yang mengusahakan secara yang mudah untuk mencari keuntungan diberikan peluang yang begitu luas sekali. So, itulah harapan saya Tuan Yang di-Pertua iaitu di dalam untuk mengadakan Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat pada kali ini iaitu saya yakin bahawa ia adalah bermatlamat untuk memberikan kemudahan yang lebih baik kepada rakyat juga memberikan peluang pekerjaan ataupun peluang mencari rezeki kepada rakyat yang lebih baik. Saya harapkan

ia janganlah dengan harapan untuk memberikan peluang yang lebih baik tetapi akhirnya menyusahkan atau memberikan bebanan kepada yang rakyat hendak mengusahakan secara sendiri ini Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin menyarankan supaya yang usahawan-usahawan yang diberikan permit-permit ataupun peluang-peluang perniagaan ini biarlah mereka yang berusaha sendiri.

#### ■1230

Janganlah hanya kaji betul-betul, tengok *bank statement* mereka. Kita boleh tahu kalau melihat *bank statement*, buka *bank statement* kalau masuk berapa, esoknya hilang sudah tidak ada, sekali keluar berapa kita kenal. Kita akan tahu bahawa ini sebenar *genuine businessman* ataupun yang melakukan usahawan secara sendiri. Saya amat-amat kecewa sekali terlalu banyak- terdapat sebegitu banyak yang dapat kemudahan-kemudahan ini hanya menjual kepada pihak-pihak yang lain. Maknanya ini saya rasakan amat mendukacitakan.

Lagi satu, akhirnya saya mohon supaya carilah jalan penyelesaian untuk membanteras kepada pengusaha-pengusaha teksi yang secara haram ini. Takkanlah tidak ada cara yang boleh kita gunakan kerana di situ hanya ada satu jalan keluar. Cuba- saya cadangkan supaya pemeriksaan dijalankan terus menerus. Ini kerana yang bayar permit- yang pengusaha-pengusaha ini yang membayar permit tetapi yang boleh, yang haram ini begitu ramai. Sudahlah permintaannya kurang tetapi diambil oleh yang mengusahakan secara haram ini tanpa membayar permit.

Rasa saya ini pihak penguat kuasa tolonglah buat tindakan kepada perkara ini, janganlah dibiarkan. Ini kerana sudah lama sangat, sudah lama sangat perkara ini berlaku dan ia saya lihat bahawa seolah-olah dibuat sekadar untuk melepaskan teguran-teguran sahaja, selepas itu diam. Perkara ini saya harapkan dapat boleh membantu rakyat yang benar-benar berusaha ke arah untuk mencari pendapatan untuk keluarga-keluarga mereka.

Itulah yang ingin saya sampaikan Tuan Yang di-Pertua dan saya sudahi dengan *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong usul Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*. Terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya nampak ramai yang berminat untuk membahaskan usul rang undang-undang ini dan ini tanda baik. Dengan itu saya mintalah kerjasama supaya ucapan itu padat dan ringkas ya kerana kita masa sedikit.

Sekarang saya jemput pula kita punya Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail. Silakan.

#### 12.32 tgh.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang membawa rang undang-undang yang saya kira tepat pada waktunya. Perkara pertama, tidak banyak Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak sebut yang berulang-ulang tetapi ada beberapa perkara yang saya rasa perlu diberikan penelitian yang lebih tegas oleh kementerian.

Pertamanya kepada pihak kementerian. Bila kita bercakap soal pengangkutan awam darat ini ia meliputi banyak aspek, bas dia, teksi dan sebagainya. Akan tetapi saya hendak buka dengan bertanya, berapa had umur bagi seorang pemandu bas ekspres yang dibenarkan oleh Kerajaan Malaysia. Saya bertanya soalan ini Tuan Yang di-Pertua kerana saya berkongsi dengan teman-teman, habis sidang yang lalu, kenderaan yang saya pandu dilanggar daripada belakang oleh sebuah bas ekspres. Pemandu- mujur dalam keadaan itu anak sulung saya selamat, *alhamdulillah* Allah masih panjangkan umur kami dan pemandu bas ekspres pada ketika itu berumur 70 tahun tiga bulan dan dia sedang membawa sebuah bas ekspres yang dipenuhi dengan penumpang.

Umur 70 tahun tiga bulan. Bukan saya mempersoalkan keupayaan dia memandu tetapi rasional kepada untuk umur itu sebagai seorang pemandu bas ekspres yang membawa penumpang yang ramai. Saya hendak bertanya kepada kementerian, berapa had umur pemandu bas ekspres yang dibenarkan oleh Kerajaan Malaysia untuk memandu. Begitu juga saya hendak bertanya soalnya saya mendapat maklum balas daripada syarikat insurans bas tersebut mengatakan bahawa mana-mana pemandu bas yang umurnya telah melebihi 65 tahun, dia tidak akan di-cover oleh insurans tersebut.

Apa yang lebih penting yang saya hendak nyatakan, saya berkongsi kisah seorang teman saya di Kelantan, tempat kawasan pemanduan 80 kilometer sejam, dipandu sebuah van bersama dengan keluarga, ibu mertua dan sebagainya. Kemudian tiba-tiba lembu melintas. Dalam 80 kilometer sejam dia memandu perlahan, belakang dia pun ada kereta, dia nampak lembu melintas, dia *brake*, sebuah bas ekspres dari belakang menghentam kenderaan dia dan ibu mertua dia meninggal dunia dalam kemalangan itu. Sampai sekarang dia- kemalangan saya kira awal tahun yang lalu, pihak insurans masih lagi tidak melepaskan ataupun memberikan apa-apa pampasan kepada keluarga ini yang melibatkan kematian dan juga anak dia itu retak tulang belakang dan *effect*-nya sampai sekarang.

Ini Tuan Yang di-Pertua saya katakan tadi, saya sokong Yang Berhormat Senator Abdullah tadi mengatakan bahawa isu-isu pemandu bas ini juga harus dipandang serius. Sebab kalau kita lihat sekarang kebanyakannya, ya Tuan Yang di-Pertua saya memandu di lorong kanan, jalan kesesakan kenderaan, berhenti atas *highway* bas laju di lorong kanan. Kalau di lorong kiri kita boleh fikir lagi, ini lorong kanan. Ini melihatkan bahawasanya pemandu-pemandu bas ini dia tidak takut dengan undang-undang di Malaysia. Sebab itu saya nyatakan tadi perlu ada ketegasan di pihak kementerian untuk melihat soal umur dan juga cara pemanduan di kalangan pemandu bas ini yang saya rasa kira sudah menggila sekarang ini. Saya tidak sebut semua tetapi ada segelintirnya.

Kedua yang saya hendak nyatakan ialah- tadi soal umur yang kedua ialah soal adakah-sebab syarikat insurans hantar saya notis dia kata ada satu *black and white* dibuat di antara syarikat insurans dan juga Kementerian Pengangkutan mengatakan bahawa pemandu yang berumur 65 tahun ke atas tidak di-cover insurans dan sekiranya pampasan yang saya tuntutan itu boleh ditolak RM5,000 daripada kos kerana pihak pengangkutan jabatan kementerian bersetuju untuk kos itu ditolak bersama dengan syarikat insurans. Jadi saya minta jawapan daripada kementerian kalau ada jawapan bagi isu itu.

Kedua, soal *Uber* dan teksi ini. Tadi kita banyak berbincang Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak hendak ungkit beberapa poin yang lain tetapi saya hendak bawa perhatian kita semua. Sebelum kita bawa soal *Uber* dan teksi, ramai anak muda di luar sana ucap terima kasih kepada kerajaan kerana ini juga merupakan satu *effort* yang baik kepada mereka, dengan izin, yang mana memberi peluang untuk mereka ini yang terpaksa dua, tiga kali kerja untuk menyara kehidupan mereka dengan ekonomi yang semakin menghimpit di luar sana. Ini merupakan antara alternatif yang baik. Maknanya anak muda sekarang di Malaysia rajin keluar cari kerja, pandai untuk menggunakan aplikasi-aplikasi yang baik ini untuk sara keluarga dia.

Baik, tetapi kita bercakap soal teksi sekarang. Saya sebelum datang ke Parlimen hari Jumaat lepas, jumpa dengan teman-teman teksi, Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah tahulah di Stesen 18, *Tesco*. Dua tiga orang pemandu teksi duduk, umur sudah 60 tahun, 65 tahun, mengeluh soalnya apa. Pertama saya hendak bertanya kepada pihak kementerian. Isu permit teksi individu ini kerap kali kita lihat ada rungutan yang mengatakan mana-mana individu yang hendak mendapatkan permit teksi, harus mempunyai RM10,000 deposit untuk tujuan kenderaan ataupun saya minta penelitian dari isu itu. Ada di antara mereka terpaksa menolak kerana mereka tidak ada deposit sebanyak itu dan mereka terpaksa pergi kepada syarikat yang menawarkan deposit yang lebih rendah dan bayaran ansuran secara bulanan.

Maksudnya apa. Dia hendak bawa teksi secara individu, minta permit secara individu tetapi dia tidak ada RM10,000. Dia pergi bank, dia tidak ada slip gaji, *loan* dia ditolak. Akhirnya dia kena pergi pada syarikat. Jadi saya hendak minta kementerian nyatakan apakah kredibiliti seseorang itu yang hendak memohon permit individu dan adakah ia sesusah maklumat yang kita dapat ini, susah dan sukar untuk mereka peroleh dan akhirnya dimonopoli oleh syarikat-syarikat besar yang mengambil kesempatan atas individu-individu yang tidak mampu memohon permit secara individu.

Kedua, saya hendak bertanya ialah soal boleh atau tidak kementerian membuat satu kajian semula, kadar sewa beli ataupun sewa harian di antara individu dan syarikat permit teksi ini agar ia tidak membebankan pemandu-pemandu teksi ini. Saya hendak tahu berapa kadar minimum dan berapa kadar maksimum yang ditetapkan oleh sesebuah syarikat kepada pemandu-pemandu teksi yang menyewa permit dan kenderaan mereka mengikut bayaran harian. Ini kerana ada di antaranya mengatakan bahawa mereka terpaksa tanggung kos hingga RM600 sebulan untuk bayar kepada syarikat yang mana mereka ini menyewa permit dan juga teksi milik syarikat itu. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua, penjelasan dalam isu itu.

Saya juga hendak bertanya soal kos penyelenggaraan. Ramai orang kata teksi Malaysia ini di kawasan-kawasan bandar ada yang tidak ada *aircond*, ada yang pasang kipas sendiri, ada yang baunya busuk, ada yang tidak diselenggarakan dengan baik. Jadi rungutan ini kita harus terima secara rasionalnya di bawah sana ini yang berlaku. Antara sebab kenapa teksi-teksi Malaysia dilabelkan sebagai tidak terurus adalah kerana kos penyelenggaraan yang terpaksa ditanggung oleh pemandu teksi. Jadi saya minta kementerian untuk nyatakan ataupun kita mendapatkan penjelasan soal kos penyelenggaraan ini.



## ■1240

Maknanya, ada syarikat-syarikat yang dia ambil tanggungjawab, dia sewakan teksi, kalau berlaku kerosakan, dia boleh kembali ke syarikat, syarikat tanggung kos. Akan tetapi ada sesetengah syarikat di Malaysia, syarikat teksi, pinjamkan sewakan teksi, tepi kemudian kalau berlaku kerosakan pemandu teksi ketika itulah yang kena bayar kos untuk penyelenggaraan. Kita tahu kadang-kadang dia dapat RM50 sehari, RM30 sehari, RM60 sehari hendak baiki lagi itu memakan masa dan kos yang tinggi. Jadi saya hendak minta kepada pihak kementerian, boleh atau tidak kita kaji semula dalam isu ini agar ia tidak membebankan pemandu-pemandu teksi ini agar kita dapat mempermudah juga urusan mereka dalam mencari rezeki seharian.

Saya hendak bertanya juga urusan PUSPAKOM, tadi ada dinyatakan bagaimana perlulah ada orang kata sedikit kelonggaran dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, saya hendak cadangkan mengapa tidak kita memberikan satu arahan kepada PUSPAKOM ini untuk menyediakan satu link ataupun satu kawasan dalam PUSPAKOM itu sendiri sebagai tempat yang menyelenggarakan teksi sahaja. Bermakna Tuan Yang di-Pertua, dia datang pagi, pukul 6 pagi, dia beratur dia tidak payah beratur dengan bas, dia tidak payah beratur dengan lori, dia tidak payah beratur dengan kenderaan awam.

Makna dia spesifik kepada teksi, dia boleh datang hari-hari mengikut jadual keupayaan dia, dan ada satu tempat yang disediakan khas untuk teksi ini supaya ia tidak jadi terlalu berpanjangan. Sebab ada rungutan kata, datang pagi beratur kadang pukul empat pukul lima baru selesai. Kadang-kadang hari itu sahaja kami dah tidak boleh hendak cari rezeki, sebab apa? Dah terlalu petang, hendak balik rumah dan sebagainya. Jadi mungkin boleh kalau kita bersikap sedikit rasional, dengan mewujudkan sistem-sistem ini agar pemandu-pemandu teksi ini juga boleh kita sama ratakan hak mereka dengan yang lain.

Saya hendak bawa perhatian kepada isu Teksi 1Malaysia, apa yang saya dengar rungutan di luar sana, ya kereta *Exora*, Teksi 1Malaysia, lima tempat duduk pastilah menjadi pilihan rakyat Malaysia sebab lebih selesa. Berbanding kereta wira, pasang kipas angin tidak ada *aircond* dan sebagainya. Akan tetapi tahu kah kita, di luar sana, Teksi 1Malaysia hanya gah dan namanya, tetapi tidak kepada penggunaan rakyat Malaysia. Sebab apa Yang Berhormat Menteri, sewaktu diwujudkan Teksi 1Malaysia ini boleh diklasifikasikan sebagai teksi bajet, ramai orang suka sebab apa lebih selesa, lima tempat duduk lebih baik.

Akan tetapi, apa berlaku waktu kewujudan mula-mula, duduk sahaja atas teksi RM3 caj dikenakan. Berjalan 115 meter, 10 sen dikenakan. Akan tetapi, 19 Mac 2015 kerajaan menaikkan kadar itu kepada RM4, duduk sahaja RM4 dan apa yang lebih menekan waktu itu ialah 200 meter perjalanan 30 sen dikenakan dan setiap 36 saat 30 sen dikenakan- 200 meter 30 sen orang tidak bising lagi, sebab apa? Munasabah. Sebab apa? 200 meter. Akan tetapi bila 36 saat itu muncul, duduk dalam kota raya bernama Kuala Lumpur, kesesakan lalu lintas berlaku setiap hari, apa relevan 36 saat?

Orang itu duduk dalam teksi, dia tidak boleh jangka pun perjalanan dia akan mengalami kesesakan, 36 saat ini tidak rasional dan kalau kita balik kepada 30 sen, 200 meter mungkin

dianggap relevan. Akan tetapi 36 saat ini sesuatu yang saya kira perlu kita fikirkan semula kerana pemandu-pemandu Teksi 1Malaysia ini merungut, dia kata sekarang ini lalu sahaja di stesen-stesen LRT ke MRT dan sebagainya, orang takut hendak angkat tangan bila nampak Teksi 1Malaysia. Sebab apa? Dia dah fikir 36 saat, 30 sen.

Akan tetapi bila belakang ada teksi bajet, orang angkat tangan tahan teksi bajet, sebab apa teksi bajet lebih rendah kos dia daripada Teksi 1Malaysia. Jadi mungkin kita boleh lihat semula, mungkin kita boleh nilai semula agar- ada juga yang kata contoh di Jepun duduk sahaja RM20 dah kena. Jepun ini kenderaan teksi digunakan oleh kelompok-kelompok yang mewah, ada duit. Akan tetapi di Malaysia ini, teksi ini ialah perkhidmatan awam, dia tidak kira bangsa, tidak kira umur, tidak kira had gaji.

Jadi mungkin boleh kementerian lihat semula dan kita bantu juga mereka ini agar-maknanya kita ada *give and take* yang kita fikir juga dalam keadaan sekarang kalau benda ini berlanjutan, saya bimbang kita hanya gah dengan Teksi 1Malaysia yang merayau seluruh Kuala Lumpur tetapi tidak memberikan apa pulangan kepada pemandunya.

Akhirnya saya hendak sebut soal *Uber* dan juga *GrabCar*. Tadi saya dah sebut, anak muda seronok ada *Uber*, ada *GrabCar*. Aplikasi yang mudah, duduk depan TV boleh minta kereta sampai depan rumah. Akan tetapi saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, status keselamatan atau penumpang dalam *Uber dan GrabCar* ini, insurans kereta *cover driver* sahaja, pemandu yang bertukar-tukar ini apa status dia? Kalau berlaku kemalangan, berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, apa status kepada penumpang ini? Adakah dia boleh tuntutan insurans daripada pemandu *GrabCar*, adakah dia boleh minta daripada syarikat insurans?

Sebab saya memang minta kepada pihak kementerian kalau boleh lihat soal insurans ini yang bagi saya hendak bayar tu, kalau hendak suruh kita bayar tu mudah, banyak kaunter dibukanya, tetapi bila kita hendak minta duit dia, payah, susah. Jadi kena tengok juga teliti dalam isu itu dan saya hendak bertanya juga soal *Uber dan GrabCar* ini, had pemandulah. Mana tadi kalau bas saya dah bangkitkan had pemandunya, *Uber dan GrabCar* ini hendak tahu juga had pemandu umurnya berapa. Makna sebab kita bawa kita melibatkan nyawa orang, penumpang yang berbilang bangsa, peringkat agama, umur dan sebagainya. Saya juga hendak tahu dari segi pemanduan.

Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya ruang dan peluang, saya menyokong sebenarnya rang undang-undang ini dan terima kasih kepada pihak kementerian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail dan saya hendak panggil seorang lagilah sebab masa tidak sempat ya. Mencuba kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul, dipersilakan.

**12.46 tgh.**

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat 2010 (Pindaan) 2017. Saya

mulakan perbahasan saya dengan mengucapkan tahniah kepada kerajaan terutamanya kepada Yang Berhormat Menteri kerana membawa pindaan kepada rang undang-undang kepada hari ini.

Saya melihat rang undang-undang ini ada mengikut perkembangan dan peredaran terutama yang menyentuh mengenai kenderaan *e-hailing*. Saya yakin dan percaya kerajaan tidak memihak kepada syarikat *e-hailing* ini, sebaliknya rang undang-undang ini dibawa demi untuk kebajikan dan kepentingan rakyat secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak menyentuh banyak mengenai rang undang-undang ini, saya percaya rakan-rakan ahli Yang Berhormat lain telah menyentuh banyak perkara. Saya cuma akan menyentuh akan beberapa perkara saya mengenai rang undang-undang ini dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan negeri Sabah.

Kenderaan *e-hailing* juga mendapat tempat di Sabah, saya sendiri telah merasai pengalaman menaiki kenderaan *e-hailing* ini. Saya bukannya tidak menyokong industri teksi di negara, kita bagi saya mereka juga amat penting dalam pembangunan ekonomi negara. Akan tetapi, melihat kepada keadaan trend sekarang ini yang berubah mengikut arus pemodenan ditambah lagi dengan kecanggihan sistem telekomunikasi kita, mak rang undang-undang ini memang tiba tepat pada masanya.

Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian dan ini dapat dilihat dengan dimasukkan fasal 30 bertujuan meminda jadual pertama untuk memasukkan takrif iaitu kenderaan *e-hailing*. Sebelum ini, kenderaan *GrabCar* dan *Uber* tidak perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Kemasukan peruntukkan-peruntukkan baru berkenaan dengan perkhidmatan *e-hailing* adalah perkara pertama yang dicadangkan dalam pindaan rang undang-undang ini agar ia lebih dapat dikawal selia oleh suruhanjaya.

Tuang Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dari aspek perlindungan kepada semua pengangkutan awam darat sama ada bas, teksi dan kereta *e-hailing* ini. Apakah kaedah dan bentuk pemantauan yang dijalankan oleh kementerian agar memastikan semua pihak terbela? Baik pengguna mahupun pemandu pengangkutan awam darat tersebut. Saya juga melihat apabila syarikat *Uber* dan *GrabCar* ini mula beroperasi di Malaysia, seolah-olah ramai orang turut serta untuk meraih pendapatan sampingan.

#### ■1250

Walaupun rang undang-undang ini baru hendak diperkenalkan, adakah kementerian mempunyai angka bilangan rakyat Malaysia yang telah menjadi sebahagian dari kenderaan *e-hailing* dan bilangan mereka di negeri Sabah? Saya juga tidak mahu melihat kehadiran *Uber* dan *Grab* menjadi persaingan kepada pemandu teksi. Biarlah kita wujudkan persaingan yang sihat antara industri kenderaan awam demi kemakmuran negara. Dengan adanya rang undang-undang ini, kenderaan *e-hailing* akan mempunyai platform yang berdaftar, yang sah dan boleh beroperasi sepenuhnya di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ini kerana ada juga beberapa masalah yang timbul dari kenderaan *e-hailing* yang tidak berintegriti. Sebagai contoh, di London ada juga kita baca mengenai kes di mana pemandu *Uber* merogol penumpang dan juga terdapat juga kes jenayah di negara asing. Pastinya

kita tidak semua tidak mahu melihat perkara ini berlaku di Malaysia. Adakah kementerian sebarang kes yang direkodkan mengenai jenayah yang melibatkan sedemikian? Isu yang saya cuba kaitkan di sini ialah dari aspek perlindungan. Adakah dengan adanya rang undang-undang ini, boleh membenarkan sebarang syarikat insurans dan syarikat perlindungan untuk menawarkan perkhidmatan kepada pemandu.

Seksyen baru 12C dan seksyen 12D mengadakan peruntukan bagi memberi kuasa kepada suruhanjaya untuk meluluskan, menolak atau permohonan oleh pemegang lesen perniagaan dan pengantaraan. Saya ingin tahu jenis kesalahan yang dilakukan oleh pemandu kenderaan ini yang membolehkan lesen mereka terbatal dan hukuman atau denda yang boleh dikenakan. Seterusnya, mengenai fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 34, Akta 715 mengenai laluan bas kepada semua kelas kenderaan perkhidmatan awam. Di negeri Sabah, belum ada laluan kenderaan awam yang khas. Maka, adakah dengan ini membenarkan pihak berkuasa tempatan untuk membina laluan khas ini serta...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Sedikit lagi. *Ngam-ngam* jam 1 Tuan Yang di-Pertua. Serta adakah rang undang-undang ini tidak bercanggah dengan sebarang undang-undang negeri? Kita harus menjaga hal ehwal pemandu teksi. Ini kerana mereka ada persatuan dan ada mekanisme pemantauan. Bagi *Uber* dan *Grab*, tiada latihan. Saya difahamkan akan wujud latihan untuk pemandu *Grab* dan *Uber*. Maka, saya ingin tahu bentuk taklimat yang dirancang akan diberi kepada mereka-mereka ini dan adakah akan ada sebarang taklimat keselamatan dan hak kepada pemandu *Uber* dan *Grab*? Saya memang amat berminat apabila perbincangan mengenai rang undang-undang ini, juga khususnya mengenai persoalan berkaitan dengan pemandu teksi kita dalam negara ini, terutamanya di ibu negara kita.

Apakah kebaikan-kebaikan yang bakal dinikmati oleh pemandu teksi? Ini kerana dengan pengenalan kenderaan *e-hailing*, kami mendengar ramai pemandu teksi dan syarikat gulung tikar. Saya rasa kita tidak mahu juga melihat perkara ini berlaku. Soalan saya, apakah peluang dan kebaikan yang bakal dinikmati berbanding dahulu? Saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang ingin saya sentuh dalam perbincangan ini. Saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat 2010. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat dan sekarang, yang lain itu petanglah, hendak habis sudah. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Silakan.

**12.54 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sebelum saya memberikan maklum balas terhadap isu-isu yang dibangkitkan Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Ada.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 di Dewan yang mulia ini. Segala cadangan...

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada bagi nama. Saya ingin berbahas juga. Ada perkara-perkara yang saya ingin utarakan, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Habis sudah.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Saya serah kepada Tuan Yang di-Pertua lah. Sudah habis ya. Saya terpaksa- tidak apa, kalau ada yang hendak ditanya masa saya menggulung nanti, boleh ditanya ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Segala cadangan, teguran dan pandangan telah diambil kira dan sebahagiannya adalah selari dengan hasrat dan tumpuan yang sedia ada ingin dilaksanakan oleh kerajaan dalam meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pengangkutan awam darat di negara ini. Saya akan menggunakan cara secara menyeluruh kerana saya nampak isu-isu yang dibangkitkan adalah semuanya sama, mungkin cara mereka menyampaikan mesej itu adalah berbeza. Jadi, saya akan menjawab secara menyeluruh dan ada juga isu-isu yang tidak disebutkan di dalam jawapan ini akan saya jawab kan secara satu persatu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 yang dibawa ke Dewan yang mulia pada hari ini adalah untuk memastikan, dari semalam ya, memastikan industri teksi tanah air dapat terus berkembang selari dengan arus pemodenan dan trend terkini, menawarkan perkhidmatan yang baik, meningkatkan taraf hidup pemandu teksi dan yang lebih utama, tidak mengabaikan kebajikan pemandu teksi. Saya telah mendengar dengan teliti semua hujah dan pandangan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semasa membahaskan rang undang-undang ini dari tadi ya.

Saya sungguh gembira dan berasa amat terharu kerana kita mendengar bagaimana setiap Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan dengan objektif dan hasrat yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan berhubung hal ini juga diambil kira, di mana mereka melihat kepada sudut bukan sahaja dari segi pemandu teksi konvensional tetapi juga daripada sudut *e-hailing*, syarikat-syarikat *e-hailing* ini. Saya mengambil maklum bahawa kebanyakan perkara-perkara yang dibangkitkan adalah untuk mengetahui lebih lanjut tentang bagaimana rancangan kerajaan dalam Pelan Transformasi Industri Teksi ataupun TITP akan dilaksanakan. Ini yang disuarakan melalui mesej-mesej yang disampaikan semasa berbahas tadi.

Sebenarnya, sejak diumumkan oleh kerajaan pada Ogos tahun lalu Tuan Yang di-Pertua, kita telah menjalankan banyak sesi *engagement*, dengan izin, dengan semua *stakeholders*, dengan izin. Sehingga hari ini pun untuk makluman semua Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat Senator, kita masih lagi mengadakan *engagement*, dengan izin, kerana ramai daripada pemandu teksi, terutama sekali teksi konvensional ini, masih belum memahami apa yang kita maksudkan. Kita mahu mereka memahami supaya mereka dapat secara mudah untuk turut serta dalam Program TITP ini,

terutamanya pemandu-pemandu teksi, bagi menerangkan inisiatif-inisiatif yang telah digariskan dalam TITP.

Malah, saya sendiri dalam setiap sesi Parlimen telah menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan TITP ini. Walau bagaimanapun, saya sekali lagi pada hari ini akan berkongsi tentang bagaimana Program TITP yang dibangunkan akan memacu perubahan dan transformasi yang diperlukan dalam industri teksi tempatan. Saya menyatakan demikian kerana mendengar perbahasan tadi, apa yang dinyatakan adalah kebanyakannya terkandung dalam TITP ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengumumkan untuk melaksanakan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang telah diformulasikan bagi mewujudkan persekitaran industri teksi yang sihat dan adil kepada semua pihak iaitu pemandu, pengguna dan pengendali.

TITP bukan hanya dibangunkan melalui andaian atau rekaan semata-mata. Dakwaan bahawa TITP dan cadangan pindaan rang undang-undang yang dibawa pada hari ini hanya untuk menjaga kepentingan-kepentingan syarikat besar *e-hailing* semata-mata adalah tidak berasas. Saya sentuhkan ini kerana ada di antara Yang Berhormat menyebut hanya *GrabCar* dan juga *Uber*. Sebenarnya, ini bukan hanya untuk *GrabCar* dan *Uber*. Oleh sebab itu dalam tafsirannya, kita menyebut *e-hailing*, bukan menggunakan nama syarikat-syarikat. Ini kerana TITP telah dibangunkan hasil daripada penyelidikan yang teliti, kaji selidik yang luas, perbandingan dan konsultasi berterusan dengan ke semua *stakeholders*, dengan izin, dalam industri ini bagi memastikan kebaikan dan manfaat dapat dinikmati oleh semua. Saya sedar jam itu Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu mungkin Tuan Yang di-Pertua hendak berhenti setakat ini. Saya akan sambung tengah hari sebab jam 1. Terima kasih, saya akan sambung nanti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, seolah-olah Yang Berhormat Menteri pandai baca hati saya ya, terima kasih. Saya hendak terang cakap pagi ini, saya sangat sukacita. Saya tengok keluarga saya berbahas dengan lebih bernas, minat itu, poin itu semua eloklah, jadi untung kita dapat Yang Berhormat Menteri. Poin-poin yang disampaikan oleh keluarga kita di sini dan nampak nyatalah bahawa mereka ini hendak berbudi pada orang-orang dia, bangsa dia, hendak berbudi. Itu dia, berbakti. Bak kata pantun orang Melayu tadi.

*Burung Murai burung Kedidi,  
Hinggap di pokok di tepi sawah,  
Jika hidup tidak berbudi,  
Ibarat pokok tidak berbuah... [Tepuk]*

Itulah, jadi jam pukul 1 lebih. Dengan itu saya tangguhkan Mesyuarat dan sambung pada 2.30 petang ini. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri sambung menjawab.

**3.32 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung jawapan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, satu *lab* selama sebulan setengah telah diadakan bagi menyediakan platform untuk semua *stakeholders*, dengan izin, sama ada berkumpul mahupun individu, daripada pemandu teksi hinggalah kepada pengendali dan pengguna dapat tampil dan mengemukakan pandangan, cadangan dan juga luahan permasalahan yang dihadapi oleh mereka dalam industri teksi itu.

Oleh itu, isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai masalah yang membelenggu industri teksi sememangnya telah pun diambil maklum. Tadi ada yang berbahas mengenai *lab* ini dan bertanya apakah *outcome*, dengan izin, daripada *lab* ini.

Melalui penyelidikan dan konsultasi yang telah dijalankan oleh kerajaan, kita juga telah dapat mengenal pasti isu-isu yang jauh lebih dalam dan luas daripada apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat. Apa yang saya maksudkan di sini ialah saya mahu memberi jaminan bahawa daripada itu lahirnya TITP dan bahawa TITP ini yang dibangunkan sebenarnya merangkumi dan memberi tumpuan untuk mengatasi kesemua masalah yang ada dalam industri teksi pada hari ini. Tadi siapa yang telah mendebat mengenai *lab* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merumuskan juga perkara-perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator di sini menyentuh isu-isu berhubung dengan;

- (i) persaingan yang sihat atau *same level playing field* antara teksi konvensional dengan *e-hailing*;
- (ii) pengeluaran permit individu;
- (iii) pendapatan pemandu teksi yang berkurangan;
- (iv) kebajikan pemandu teksi; dan
- (v) kegusaran mengenai impak *e-hailing* ini terhadap pemandu-pemandu teksi, pengguna dan seterusnya industri teksi itu sendiri di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan ramai daripada Dewan Rakyat juga dan Dewan Negara, sama Ahli-ahli Yang Berhormat telah menggesa agar kerajaan memastikan bahawa kedua-dua pemandu teksi dan pemandu perkhidmatan *e-hailing* diberikan layanan yang sama dan perlu dikenakan syarat-syarat dan prosedur yang sama untuk beroperasi.

Sukacita dimaklumkan bahawa perkara ini sememangnya akan dilaksanakan oleh kerajaan. Syarat-syarat yang dikenakan kepada pemandu teksi pada waktu ini seperti pemeriksaan kesihatan, pemeriksaan kenderaan berkala iaitu yang tadi menyentuh mengenai PUSPAKOM, keperluan dilindungi insurans dan kad pemandu akan turut perlu dipatuhi oleh pemandu-pemandu perkhidmatan *e-hailing*.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Yang Berhormat sekalian, saya telah menyatakan kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat, kita perlu meluluskan ini dahulu baru kita dapat mengambil bahagian dalam melaksanakan apa yang kita ingini untuk *e-hailing* dan juga untuk pemandu-pemandu teksi.

Tadi terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat mencadangkan agar syarat-syarat ke atas pemandu teksi ini dilonggarkan yang didakwa boleh mengurangkan kos dan beban pemandu teksi. Namun, syarat-syarat ini diperlukan demi faktor keselamatan. Oleh itu, ia tidak akan dikecualikan kepada pemandu teksi tetapi akan turut dikenakan kepada pemandu *e-hailing*.

Pertama, saya hendak menyentuh mengenai pemeriksaan kesihatan sebab tadi ada yang menyentuh mengenai tidak *same level playing field*, dengan izin, di mana teksi terpaksa melalui beberapa proses dari segi pemeriksaan kesihatan dan juga kos-kos terlibat. Akan tetapi, ia tidak benar. Apa yang hendak kerajaan lakukan adalah apabila lulus ini, dan kita telah pun berbincang dengan syarikat-syarikat berkenaan dan juga SPAD, pemandu *e-hailing* akan juga melalui apa yang dilalui pemandu teksi. Pertama dari segi pemeriksaan kesihatan diperlukan bagi memastikan pemandu teksi dan perkhidmatan *e-hailing* diakui sihat untuk menawarkan perkhidmatan.

Kedua ialah pemeriksaan kenderaan berkala. Seperti dinyatakan tadi, PUSPAKOM. Ia diperlukan bagi memastikan kenderaan yang digunakan sebagai teksi dan kenderaan *e-hailing* selamat kepada pemandu, penumpang dan pihak ketiga.

Sukacita juga dimaklumkan bahawa selepas ini pemandu teksi hanya perlu membawa kenderaan mereka untuk pemeriksaan berkala ini sekali setahun di mana sebelum kelulusan ini, mereka perlu membawa enam bulan sekali. Jadi, itu adalah di antara syaratnya dan kita perbaiki syarat ini. Maka mereka hanya perlu setahun sekali. Manakala kenderaan yang berusia kurang daripada tiga tahun daripada tarikh ia didaftarkan, ia dikecualikan untuk pemeriksaan berkala ini. Jadi ini adalah satu daripada penambahbaikan juga. Syarat ini akan turut perlu dipatuhi oleh kenderaan *e-hailing*.

Ketiga ialah keperluan dilindungi insurans. Setiap kenderaan teksi perlu mempunyai insurans yang melindungi pemandu, penumpang, kenderaan dan pihak ketiga. Keperluan yang sama juga harus dipenuhi oleh kenderaan *e-hailing*.

Keempat, kad pemandu. Setiap pemandu teksi pada masa ini perlu memiliki kad pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD. Bagi menjaga keselamatan pengguna, pemberian kad pemandu ini akan turut melalui saringan tapisan keselamatan dengan pihak Polis Diraja Malaysia- ini adalah perkara yang baru- serta semakan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Selepas ini, kad pemandu ini juga perlu dimiliki oleh pemandu perkhidmatan *e-hailing*. Maklumat mengenai pemandu ini akan turut dijadikan bank data bagi membolehkan SPAD memantau rekod pemandu.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga yang menyentuh mengenai model kenderaan bagi menangani rungutan kos operasi yang tidak sama. Selain daripada keperluan untuk memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan tadi, pemandu teksi juga sering menyuarakan bahawa mereka tidak dapat bersaing *on the same level playing field*, dengan izin, dengan perkhidmatan *e-hailing*. Ini di antara isu yang sentiasa menjadi isu yang dibincangkan, isu yang dinyatakan oleh pihak teksi.



Ini kerana bagi mereka, perkhidmatan *e-hailing* dengan mereka tidak berada pada *same level playing field*, dengan izin, kerana mereka perlu mematuhi jenis, model dan spesifikasi kenderaan tertentu untuk dijadikan kenderaan teksi. Sementara pemandu perkhidmatan *e-hailing* boleh menikmati kos operasi yang lebih rendah dengan menggunakan kenderaan yang lebih kecil dan lebih murah kos operasinya.

Oleh yang demikian, di antara inisiatif di bawah TITP ini adalah pembukaan jenama dan model kenderaan yang boleh digunakan sebagai teksi dan kenderaan *e-hailing* bagi memberikan pilihan kenderaan yang lebih luas yang dirasakan sesuai dengan kelas penumpang yang disasarkan serta kos operasi mereka.

#### ■1440

Pilihan kenderaan ini adalah tertakluk kepada pematuhan keperluan minimum *3 Star rating* di bawah ASEAN NCAP. Jadi tidaklah perlu hanya bawa *Proton*, bawa *Myvi* kah, mereka boleh membawa kereta lain dengan kelulusan ini dan itu pun sebelum kita meluluskan undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua. Memang itu sudah pun diluluskan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat juga menyuarakan pendapat bahawa pemandu teksi tidak dapat bersaing secara sihat kerana perlu menanggung sewaan permit daripada syarikat kerana tidak memiliki permit sendiri. Sejak penubuhannya pada tahun 2010 sehinggalah tahun 2016, SPAD tidak mengeluarkan permit teksi yang baru kepada individu mahupun syarikat. Bagi membantu pemandu teksi itu untuk keluar daripada sistem pajak sedia ada, SPAD melalui pelaksanaan TITP ini akan mengeluarkan permit teksi individu yang baru. Kita tidak mengganggu permit teksi syarikat, kita akan mengeluarkan permit teksi individu yang baru kepada pemandu teksi yang telah tamat tempoh perjanjian pajakan dengan syarikat.

Selain itu, pemandu yang layak juga akan diberikan geran sebanyak RM5,000 sebagai pembayaran pendahuluan atau *down payment* untuk pembelian teksi baru. Pemberian permit teksi individu yang baru ini bukan hanya terhad kepada tahun ini sahaja. Malah akan terus dilaksanakan secara berperingkat bagi memberi peluang kepada mereka yang masih belum tamat tempoh pajakan dalam masa terdekat ini. Sehingga kini seramai 600 orang pemandu teksi telah menerima permit individu di bawah inisiatif TITP ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita menyentuh mengenai perkara permit untuk individu ini kita bukan hanya cakap ya kita telah melaksanakannya dan 600 permit individu telah pun kita keluarkan. Bermakna mereka ini telah keluar daripada sistem pajak itu, ini menampakkan kejayaan kita dalam melaksanakan TITP ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli Yang Berhormat telah mendakwa bahawa semua masalah yang membelenggu dalam industri teksi boleh diselesaikan melalui penghapusan permit teksi syarikat, ianya tidak begitu. Jadi sebab itu kita nak tegaskan bahawa sekiranya penyelesaian holistik adalah semudah itu ia telah lama dapat diselesaikan dan diatasi.

Walau bagaimanapun saya ingin memaklumkan bahawa syarikat yang memiliki permit teksi telah turut juga menyumbang dan memainkan peranan yang tersendiri dalam industri ini sebab ada yang menyentuh mengenai *Uber* dan *Grab*. Lagi saya nak ulang kan di sini *e-hailing* ini bukan hanya

menyentuh mengenai Uber dan Grab kerana ada juga syarikat *apps* ini daripada Malaysia sendiri, ada lima syarikat *EasyCabs*, *JCab*, *PICKnGO* dan macam-macam, ada lima sudah dalam negara kita sendiri. Jadi bermakna kita bukan hanya mewujudkan ataupun membawa pindaan ini hanya untuk syarikat gergasi seperti *Grab* dan *Uber*. Sebagai contoh terdapat sebilangan pemegang permit individu yang tidak mampu untuk mendapatkan kemudahan pinjaman kenderaan melalui institusi kewangan.

Ini adalah di mana kita menyentuh mengenai sistem pajak di mana syarikat yang ada di dalam negara ini yang wujud mereka ini membantu individu-individu yang menjadi pemandu teksi yang tidak mempunyai kemampuan untuk meminjam daripada syarikat kewangan. Jadi mereka telah masuk dalam sistem pajak ini supaya syarikat pajak ini boleh membantu mereka untuk menjadi pemandu. Maka sebab itu mereka kena membayar sedikit kepada syarikat-syarikat teksi kerana syarikat teksi mahu membayar...

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Boleh mohon mencelah sikit?

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Syarikat teksi inilah yang membayar *financial installment* bulan-bulan dia. Jadi mereka bertindak sebagai sistem *hire purchase* kepada pemandu teksi. Saya bagi sekejap, saya habiskan. Di akhir kontrak perjanjian di dalam sistem pajak, kenderaan tersebut akan menjadi milik pemandu. Ini bermakna perjanjian dalam sistem pajak adalah sama konsepnya seperti perjanjian *hire purchase* kenderaan yang digunakan oleh institusi kewangan. Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya mohon merujuk semula kepada perbincangan saya tadi iaitu berhubung kait dengan tanggungjawab dan juga cara ataupun sistem yang digunakan iaitu untuk kutipan upah perkhidmatan kepada pengusaha.

Jadinya apabila pengusaha ini diberikan permit setelah dilesenkan dengan pinjaman, tanggungjawab pinjaman kepada bank maka tanggungjawab untuk membayar kepada bank adalah tertakluk bertanggung kepada pengusaha. Jadinya sistem yang ada sekarang iaitu sistem kupon ini, kutipan untuk tunaikan kupon ini telah diberi tauliah ataupun diberi kuasa kepada pemandu. Apabila diberi kuasa pemandu bermaksud tanggungan pengusaha untuk mengawal dari segi kewangan ini sudah hilang.

Jadinya ramai pemandu tidak membayar kepada pengusaha sedangkan bank akan menuntut bayaran kepada pengusaha. Jadi bab ini kalau bolehlah saya harapkan supaya dapat diperbetulkan kerana rasa saya adalah tidak berapa kena kita pengusaha yang bertanggungjawab untuk membuat tanggungan pinjaman tetapi kutipan wangnya diserahkan kuasa kepada pemandu. Ini jadi satu masalah yang besar di mana akhirnya rakyat juga yang rugi kerana untuk penyelenggaraan dan sebagainya membuatkan pengusaha ini tidak mampu untuk menyelenggarakan kenderaan-kenderaan tersebut.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tadi belum habis tapi saya akan jawab bahagian Yang Berhormat tanya itu. Namun

dalam perjanjian sistem pajak ini kita dapati bahawa terma-terma yang diguna pakai dalam industri pada masa ini adalah memang kita nampak berat sebelah dan tidak menjaga kebajikan pemandu, itu Yang Berhormat, tetapi Yang Berhormat lebih menyentuh kepada syarikat.

Oleh sebab itulah antara cadangan pindaan dalam rang undang-undang yang dibawakan pada hari ini adalah untuk membolehkan SPAD memastikan terma kontrak ini memenuhi standard piawaian minimum yang ditetapkan bagi memberi keadilan kepada kedua-dua pihak iaitu pemandu dan syarikat selaras dengan salah satu inisiatif yang digariskan dalam TITP. Yang Berhormat sentuh tadi ialah mengenai ketidakadilannya terhadap syarikat yang telah membantu untuk bayar bulan-bulan, tetapi yang memungut itu dapat dia punya kewangan sebab dia bawa penumpang jadi dia dapat *cash*. Akan tetapi dia tidak bayar kepada syarikat ini.

Pertama kita tidak boleh *intervene*, dengan izin, dia punya kontrak. Akan tetapi apa yang pihak syarikat lakukan yang kita nampak ialah selagi mereka tidak bayar itu, selagi itulah mereka tidak dapat sebab kalau penghujungnya bila dia katalah kontrak dia ada beberapa tahun, sepatutnya hujung itu lepas itu teksi itu sepatutnya diserahkan kepada yang menjadi pemuat teksi itu. Akan tetapi bukan perमितnya, tetapi teksi itu selagi dia tidak bayar selagi itulah teksi itu adalah kepunyaan pihak syarikat pemajak tadi. Jadi ini adalah kata kita syarat-syarat di...

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Mohon mencelah sikit, boleh Yang Berhormat?

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Sekejap saya belum habis. Jadi inilah di antara kelemahan dari segi sistem itu yang dijadikan maklum balas kepada kita semasa *lab* itu. Jadi kita melihat kepada kelemahan kedua-dua ini dan mereka nak kita *intervene* kontrak ataupun terma kontrak dalam sistem pajak ini. Akan tetapi kita tidak dapat masuk campur sebab itu adalah di antara pemandu yang *willing seller*, *willing buyer* punya *terminology* lah, dengan izin. Mereka sudah bersetuju untuk masuk kontrak itu maka kita tidak ada hak untuk masuk tetapi dengan ada kelulusan ini, *insya-Allah* kita akan cuba untuk memastikan ianya adil. Yang Berhormat.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam kaedah sebegini saya melihat iaitu dalam untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan atau kepada rakyat ini banyak menyentuh di KLIA dan KLIA2. Di mana kiranya diserahkan ataupun permit ini diberi kuasa kepada semua pemandu teksi terus tanpa syarikat ianya agak sukar juga untuk dikendalikan.

Akan tetapi dengan syarikat juga apabila diberikan peluang ini dan syarikat mengambil tanggungjawab tersebut sewajarnya diberikan keadilan dalam kaedah-kaedah yang sedemikian.

#### ■1450

Adalah mustahil, sebagai contoh, kita buka kedai makan. Ini untuk mudah difahami ya. Buka kedai makan, keluarkan modal tetapi yang mengutip daripada segi kewangan itu adalah pekerja. Jadi, itu tidak berapa berkesan. Akhirnya pekerja ini ialah yang berkenaan dengan kewangan dan ini merupakan ujian kebiasaan kepada manusia, wang. Bila dengan wang ini dia banyaklah perkara-perkara lain yang akan berlaku dan akhirnya tak bayar. So, apabila pengusaha ini jadi masalah, kenderaan tak diselenggarakan dengan baik, akhirnya rakyat dan kerajaan juga akan menerima padahnya.

So, itu harapan saya supaya sistem itu diperbetulkan kerana kalau diberi kepada pengusaha Tuan Yang di-Pertua, makna pengusaha akan tolak terus dengan hutang bank, bayaran bank bulanan juga akan diberikan upah pekerja ini tadi mengikut perjanjian yang dibuat dan sekiranya pergi ke pekerja, maka majikan sudah tidak ada kuasa apa-apa. So, akhirnya ini yang berlaku, ramai daripada pengusaha yang di KLIA dan LCCT ataupun KLIA2 itu yang mufis dan gulung tikar dan mana yang terselamat pun terpaksa mengeluarkan hampir RM2 juta atau RM3 juta untuk menyelesaikan masalah yang berlaku. So, itu pandangan saya. Terima kasih. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kita sedar apa Yang Berhormat nyatakan ini adalah satu perkara yang memang telah kita bincangkan dan malah dengan syarikat-syarikat yang terbabit. Sebab itu kita nyatakan, kita tidak mempunyai hak untuk *intervene* apa yang telah dilakukan pada zaman dahulu sebab itu bukan kontrak di antara mereka dengan kerajaan.

Jadi sebab itu apabila dengan adanya pindaan ini melalui TITP punyai inisiatif itu Yang Berhormat, kita berhasrat untuk melakukan beberapa pindaan tetapi dengan persetujuan juga syarikat tersebut. Syarikat-syarikat yang terbabit dan kita pun ada sekali saya telah duduk bersama dengan salah satu daripada syarikat yang datang berjumpa dengan saya bersama pegawai SPAD dan ini belum kita muktamadkan. Namun, memang kita memahami bahawa inilah di antara masalahnya.

Cuma kebanyakannya ialah isu yang melibatkan kebajikan pemandu teksi. Apabila ia melibatkan kebajikan pemandu teksi, kita juga perlu menanganinya. Sebab itu kita cuba nak membantu kesemua pihak sebab ramai yang mengatakan pemandu teksi sudah kurang pendapatannya, mereka datang kepada kita dan melalui *lab* yang diadakan, kita telah mendengar dan itulah yang terbaik yang kerajaan cuba lakukan. Malah kita tidak mahu berhenti di situ sahaja. Kita masih lagi melakukan *engagement* dan masih lagi mendengar. Kalau ada syarikat merasakan mereka rasa terhimpit, kita masih boleh berbincang sebab ini pun belum dimuktamadkan kerana selepas ia digazet baru kita dapat laksanakan.

Namun begitu, kita tidak menunggu rang undang-undang ini diluluskan. Kita mahu bersedia dengan segala yang terbaik melalui perbincangan kita dengan syarikat-syarikat dan juga malah *association*, dengan izin, persatuan-persatuan pemandu teksi yang ada dalam negara kita ini lebih 200 syarikat yang ada.

Jadi apa Yang Berhormat risau tadi memang juga menjadi kerisauan kita tetapi transformasi perlu dilakukan dan kita *insya-Allah* akan mengambil kira apa juga yang menjadi masalah yang timbul. Diharap mereka datang lagi. Saya percaya pegawai-pegawai di belakang setuju dengan saya. Mereka juga telah berbincang dengan pegawai-pegawai SPAD. Jadi *insya-Allah* Yang Berhormat, kita cuba sedaya upaya untuk membantu kesemua pihak yang terbabit. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan kebimbangan terhadap impak perkhidmatan *e-hailing* ini ke atas industri teksi yang seterusnya boleh memberi kesukaran kepada pengguna dan pemandu sendiri sama ada pemandu teksi atau pemandu

perkhidmatan *e-hailing*. Di antara isu yang dibangkitkan mengenai kadar tambang *e-hailing* yang biasanya kalau dilihat secara menyeluruh lebih murah daripada tambang teksi sedia ada dan kita tidak kawal selia tambang *e-hailing*.

Kedua, ialah bimbang layanan yang tidak adil terhadap pemandu di masa hadapan. Sebagai contoh, kadar komisen yang dikenakan dan yang ketiga, kemungkinan kewujudan hanya satu atau dua syarikat gergasi yang akan monopoli atau duopoli dalam industri ini. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, kita optimis bahawa kekhawatiran terhadap isu-isu tersebut boleh dibendung melalui konsep pasaran terbuka di mana persaingan akan membolehkan pengguna dan pemandu menggunakan kuasa mereka.

Tadi saya dengar Yang Berhormat Senator yang menyentuh mengenai teksi ini, dia punya *flat fold* dalam RM4 dan kalau *e-hailing* lebih murah. Lagi pun orang sudah tahu, pelanggan yang hendak menggunakan *e-hailing*, mereka tahu dari poin 'A' ke poin 'B' dia tahu berapa. Kalau dia hendak guna, dia tahu berapa dia kena tetapi teksi kita biasa dia ada *flat fold* dan ingin saya nyatakan di sini Yang Berhormat, *flat fold* ini memang sudah menjadi satu keperluan di antara perkara yang telah disentuh di mana kita mengambil kira berapa lama macam 36 saat tadi kan, berapa lama dia di situ dan perlu ada kenaikannya. Ini juga adalah menjawab keperluan pemandu teksi. Mereka sendiri mahu tetapi ini juga menjadi isu sekarang ini di mana mereka mengatakan, "*Oh! e-hailing tak perlu ada flat fold, jadi dia murah*". Jadi orang lebih suka menggunakan *e-hailing*.

Sebab itu sekarang ini kita lihat pemandu-pemandu teksi yang konvensional ini juga menggunakan *e-hailing* sekarang. Saya sendiri telah merasmikan beberapa program yang melibatkan pemandu teksi yang telah pergi ke platform *e-hailing* ini yang sekarang ini dalam rekod kita yang terkini, yang saya jawab di Parlimen dulu ialah 14,000- jumlah 14,000 teksi biasa telah menyertai platform *e-hailing* ini. Bermakna mereka sebelum lulus undang-undang ini, mereka juga turut sama menggunakan *e-hailing* ini.

Jadi tidak ada yang dikatakan mereka merasakan mereka tersisih cuma ada yang masih belum memahami bagaimana TITP ini boleh memanfaatkan mereka. Sebab itu kita sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita tidak mahu mereka ketinggalan. Sebab itu walaupun pahit bagi kami untuk melaksanakan ini, kami perlu secara macam paksa rela supaya mereka memahami bahawa ini bukan sesuatu yang tak baik untuk mereka.

Kita lihat pada masa saya melancarkan satu program PICKnGO hari itu, ramai pemandu teksi biasa apabila mereka menyertai syarikat seperti ini, cara mereka pun berubah. Mereka akur kepada latihan yang diberi, mereka mempunyai sikap yang berbeza. Ada cara bercakap dengan penumpang. Ini adalah satu pembaharuan bagi kita. Malah saya nampak makin ramai lagi di kalangan pemandu teksi ini akan menyertai *Apps provider* ini, dengan izin, dan ini bukan hanya *Uber* ataupun *Grab* tetapi ia melibatkan syarikat *local* kita. Jadi, yang saya sebutkan tadi ada lima yang kita tahu sekarang ini syarikat *local* yang membekalkan atau memberi perkhidmatan seperti mana *Uber* dan *Grab*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dari segi kadar tambang teksi dikawal selia melalui penggunaan meter yang saya sentuh tadi. Kadar tambang berkenaan adalah kadar tambang siling.

Kalaulah dikatakan pemandu nak mengenakan harga dia, katalah siling dia RM15, kalau dia hendak mengenakan kurang daripada RM15, itu terpulung kepada mereka. Kalau mereka rasa itu boleh dijadikan persaingan dengan *e-hailing*, mereka boleh.

Kita hanya meletakkan harga siling bukan menyatakan okey, kita kena letakkan harga itu juga tetapi kalau dia menggunakan meter, begitulah keadaannya tetapi terpulung kepada dialah. Kalau dia kata okey, kita hendak bersaing, kita hendak promosi konvensional teksi ini walaupun kita gunakan meter, kita boleh bagi diskaun. Itu terpulung kepada dia. Jadi ini bermakna dakwaan bahawa pemandu teksi tidak boleh bersaing untuk menawarkan kadar tambang yang rendah seperti perkhidmatan *e-hailing* kerana terikat kepada harga yang dikawal selia adalah tidak benar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sementara itu tambang perkhidmatan *e-hailing* akan menggunakan konsep tambang dinamik iaitu tambang yang berubah mengikut permintaan dan penawaran ke atas perkhidmatan tersebut dalam sesuatu masa.

#### ■1500

Mungkin ada di kalangan Yang Berhormat yang hendak menyatakan- okey, kalau begitu. Sebab, kalau mengikut dalam Dewan Rakyat, ramai yang mengatakan nanti kalau ada *e-hailing* ini, mereka akan *control*, monopoli harga. Sebenarnya tidak. Kalau mereka meletakkan harga yang tinggi, mereka bersaing di *open market*, dengan izin. Kalau dia bersaing di *open market* orang boleh melihat, okey ini adalah harga poin 'A' ke poin 'B'. Apabila harga poin 'A' ke poin 'B' mahal, dia boleh tanya dengan teksi yang konvensional yang sekarang ini kebanyakannya juga menggunakan *apps*, boleh melihat berapa harga mereka. Jadi ini adalah peluang untuk memperkasakan pengguna, memperkasakan penumpang. Jadi penumpang mempunyai pilihan untuk memilih sama ada menggunakan *Uber*, *Grab* ataupun *EzCab* ataupun *JCab*, mana-manalah dia boleh pilih.

Satu lagi saya hendak nyatakan di sini mungkin ini tidak difikirkan bersama. Kalau kita lihat dari segi kebajikan pemandu teksi konvensional, pemandu teksi konvensional ini boleh mengambil penumpang di tepi jalan, *street hailing* dengan izin. Akan tetapi kalau yang menggunakan *apps*, dia tidak boleh mengambil penumpang di tepi jalan. Jadi itu juga mengambil kira kebajikan *e-hailing* punya *driver* ataupun pemandu teksi konvensional. Itu perbezaannya. Pengguna perkhidmatan *e-hailing* akan tertarik untuk menggunakan aplikasi *e-hailing* yang menawarkan perkhidmatan yang efisien.

Kalau ada yang menyatakan mengenai kebajikan pemandu teksi biasa, saya hendak nyatakan di sini, kita telah menjalankan *survey* di mana melalui *survey* tersebut, ramai daripada pengguna-pengguna *apps* ini adalah menggunakan teksi orang yang baru, tidak mencuri pelanggan teksi yang lama. Oleh sebab mereka ini ialah orang yang *apps savvy*, dengan izin. Mereka lebih suka menggunakan *apps* ini adalah perkara baru, satu trend yang baru yang diwujudkan dalam dunia era teksi *apps e-hailing* ini. Jadi mereka yang tidak menggunakan *e-hailing* itu, yang tidak biasa, orang lama masih kekal. Mereka menggunakan telefon sebab mereka ada *bonding* dengan pemandu-pemandu mereka.

Jadi dengan itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan tahap ketersediaan yang tinggi dan masa menunggu yang singkat untuk bersaing secara kompetitif, penyedia

perkhidmatan *e-hailing* perlu menjalinkan kerjasama dengan ramai pemandu. Kita mahu mereka bekerjasama dengan pemandu teksi konvensional ini. Oleh yang demikian, penyedia perkhidmatan *e-hailing* perlu menawarkan pakej yang terbaik bagi menarik lebih ramai pemandu untuk menyertai mereka.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita mahu supaya syarikat-syarikat *apps* ini mengambil atau rekrutlah ataupun bekerjasama dengan pihak-pihak pemandu teksi konvensional supaya mereka menjadi *partners* dalam industri teksi ini.

Kita tidak mahu syarikat *e-hailing* ini mengetepikan mereka kerana kita mahu mendidik mereka untuk membawa bersama dengan cara yang baru. Seperti yang saya nyatakan, saya sendiri menyaksikan bagaimana *pick and go* ini apabila saya- bukan saya hendak mempromosikan syarikat tetapi saya menggunakan contoh ini kerana saya nampak sendiri bagaimana perubahan di kalangan pemandu teksi konvensional ini. Malah kami ada juga pegawai ikut teksi dan bila mereka menggunakan teksi sebagai *apps*, menggunakan syarikat *apps* ini, sikap mereka berbeza. Kenapa boleh berlaku perbezaan sikap ini? Jadi ini adalah satu pembaharuan untuk negara kita. *Insyallah*, kita mengharapkan bahawa semakin ramai mereka menyertai, semakin berlaku perubahan. Maka itu adalah satu perkara yang baik, yang kita ingini dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai ada juga yang bertanya tadi yang saya tidak jawab secara yang dirangkumi tadi. Tadi Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi ada bertanya mengenai adakah SPAD akan memantau kenderaan *e-hailing*, saya dah jawab. Mengenai bagaimana SPAD akan mengawal selia pemandu teksi *e-hailing* melalui peruntukan kaedah dan bagaimana rekod pemandu kepada syarikat dapat dipantau oleh SPAD. Ini oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah, juga kita telah jawab secara merangkumi keseluruhannya.

Juga Yang Berhormat Senator Datin Rahimah, bagaimana cara SPAD untuk *maintain*, dengan izin, rekod pemandu-pemandu *e-hailing*. Ini ingin saya nyatakan di sini Yang Berhormat Senator, dengan adanya, apabila kita mendengar banyak kes-kes yang berlaku di kalangan penumpang *e-hailing* ini, jadi tidak menunggu kelulusan rang undang-undang ini, SPAD telah bekerjasama dengan syarikat-syarikat yang memberi perkhidmatan *apps* ini, *e-hailing* ini. SPAD meminta supaya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sekejap.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Selamat datang Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya sentuh di sini di mana SPAD telah meminta supaya syarikat-syarikat ini memberi data-data mereka yang hendak memohon *driver-driver* potensi ini, dengan izin, yang ingin menjadi pemandu *partner e-hailing* ini supaya mereka dapat *screen*, dengan izin, saringan dan dibawa kepada PDRM supaya dapat *screen*, dengan izin, rekod sama ada, ada *criminal record* ataupun apa juga maklumat yang ada di dalam rekod pihak PDRM. Jadi ini boleh membantu bukan sahaja syarikat tetapi juga pemandu sendiri dan juga kepada penumpang. Jadi ini adalah penambahbaikan yang belum kita

menunggu kelulusan ini, tidak perlu ditunggu kelulusan ini. Jadi dari segi keselamatan pemandu ataupun keselamatan pengguna juga ataupun penumpang, semuanya diambil kira.

Pada masa ini dari segi datanya, walaupun belum muktamad datanya sebab kita masih dalam proses menerima data-data ini. SPAD telah meminta supaya semenjak bulan Jun yang lalu, supaya setiap syarikat ini mengemukakan data ini kepada SPAD. Syukur *alhamdulillah*, kebanyakannya mereka memang mematuhi arahan kita kerana ini adalah untuk kebaikan mereka sendiri.

Jadi seterusnya, tadi ada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah mengatakan bagaimana SPAD akan mengendalikan isu perundangan yang boleh dihadapi dengan syarikat *e-hailing* yang berasal dari luar negara. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, syarikat *e-hailing* yang saya tahu ini, saya rasa ini adalah menyentuh mengenai *Uber* dan *Grab* di mana mereka *especially Uber*-lah, dengan izin, yang berdaftar di luar negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun asal mereka adalah daripada luar negara tetapi kalau mereka hendak beroperasi di dalam negara, mereka perlu mendaftar. Syarat-syarat kelayakan ialah syarikat *e-hailing* yang ingin mendapatkan *intermediary business* di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 ini untuk berdaftar dengan SSM dan mempunyai sekurang-kurangnya satu Pengarah yang merupakan warganegara Malaysia dan menetap di Malaysia.

Seterusnya ada soalan tadi, apakah langkah-langkah yang ditetapkan bagi membolehkan pegawai SPAD mendapat latihan yang secukupnya dalam mengawal selia *e-hailing*. Ini daripada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah. Untuk makluman Yang Berhormat, suruhanjaya sentiasa bersedia bagi menghadapi inovasi teknologi di dalam industri pengangkutan awam darat. SPAD memastikan pegawai-pegawai SPAD mendapatkan pendedahan mengenai *e-hailing* melalui latihan-latihan dan sesi libat urus ataupun, dengan izin *engagement*, bersama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Selain daripada itu, SPAD turut terlibat di dalam sesi libat urus bersama-sama agensi penguat kuasa daripada rakan-rakan ASEAN mereka.

Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi juga telah bertanya, apakah langkah-langkah kerajaan dalam risiko pengurusan pertikaian bagi perkhidmatan *e-hailing*.

■1510

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini sekiranya terdapat apa-apa pertikaian antara syarikat pengendali teksi ataupun pengendali perniagaan perantaraan iaitu syarikat *e-hailing* dengan pemandu teksi atau pemandu *e-hailing* pertikaian tersebut boleh dirujuk kepada Jabatan Aduan Suruhanjaya. Bila saya menyebut Suruhanjaya kalau ingat tadi saya kata itu adalah SPAD. SPAD akan menangani pertikaian ini dengan menjadi pengantara ataupun *mediator*, dengan izin, kepada kedua-dua belah pihak untuk mencapai penyelesaian yang baik ataupun *amicable solution*, dengan izin. Untuk makluman dan sebagai contoh, sejak dari tahun 2015 terdapat dua aduan yang telah dibuat oleh pemandu ke atas syarikat pengusaha teksi berkenaan sistem pajak yang telah pun diselesaikan oleh Suruhanjaya dengan baik. Justeru, Suruhanjaya telah berusaha untuk membuat siasatan dan membantu menyelesaikan pertikaian-pertikaian tersebut selaku pengantara.



Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal, apakah hasil daripada Makmal Teksi yang telah diadakan, tadi saya telah sentuh juga di mana melalui makmal teksi yang telah diadakan lahirnya TITP. TITP ini untuk makluman Yang Berhormat, di antara inisiatifnya adalah seperti berikut:

- (i) mengawal selia bentuk dan kandungan perjanjian pajak- itu yang diminta oleh mereka semasa *lab* itu;
- (ii) membuka jenama dan model kereta untuk digunakan sebagai teksi dan kenderaan *e-hailing* dan telah pun dilaksanakan;
- (iii) mengenakan KPI kepada syarikat teksi untuk memastikan tahap perkhidmatan yang terbaik;
- (iv) menambah baik program latihan peningkatan pemandu teksi;
- (v) mengenakan proses saringan yang lebih ketat untuk memastikan pemandu yang berkualiti tinggi;
- (vi) memperkenalkan sistem merit dan demerit bagi kad pemandu;
- (vii) menyelaraskan kadar tambang teksi bermeter;
- (viii) menyelaraskan tambang berzon; dan
- (ix) membenarkan tambang dinamik bagi teksi apabila menggunakan aplikasi *e-hailing*.

Ini di antaranya, ada dua lagi daripada inisiatif itu dan memang dalam *lab* itu apa yang tidak dipersetujui adalah untuk meluluskan syarikat *e-hailing*. Itu yang menjadi rungutan di kalangan konvensional *taxi drivers*, dengan izin.

Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal juga bertanya apakah tindakan kepada kongres pemandu teksi yang bertemu dengan pembangkang. Yang Berhormat, untuk makluman semua kita sentiasa melaksanakan sesi konsultasi dengan pemandu teksi baik individu mahupun berkumpulan ataupun persatuan. Berhubung dengan kongres Yang Berhormat Senator sebutkan, saya sendiri sebenarnya secara peribadi, ketua kumpulan berkenaan sebanyak dua kali sudah berjumpa dengan saya di Parlimen. Berjumpa di Parlimen itu pun dikatakan Kerajaan BN tidak prihatin kepada mereka, ini tidak betul.

Saya hendak nyatakan di sini kerana saya sendiri berjumpa dengan mereka dan apa yang mereka komplain sebelum itu, dengan izin Yang Berhormat, semua sudah dibincangkan dalam TITP. Akan tetapi apabila selepas itu pemikiran mereka sudah berlainan, sudah berbeza. Mereka memilih untuk berjumpa dengan orang yang lain, yang selain daripada kerajaan, terpujanglah sama ada pihak sebelah itu membawa isu ini ke Parlimen kah tidak tetapi selama itu tidak ada juga yang bawa hanya akhir-akhir inilah sebab *election* sudah dekat kan.

Jadi banyaklah isu keluar tetapi sebelum itu semuanya tidak menyentuh pun perkara-perkara mengenai masalah teksi. Akan tetapi ingin saya nyatakan di sini saya dengan bangga menyatakan di sini saya berterima kasih kepada rakan-rakan pembangkang dalam Dewan Rakyat, mereka semuanya menyokong rang undang-undang pindaan ini. Jadi ini di antara penambahbaikan ataupun satu keharmonian di mana kita mempunyai pandangan yang sama walaupun adalah

kritikan-kritikan yang perlu kita ambil kira tetapi kita berterima kasih, bermakna mereka bersetuju dengan ini.

Oleh sebab mereka perlu ingat bahawa ramai pemandu UBER ini ramai rakan muda, orang berumur bawah itu kebanyakannya memerlukan pemandu-pemandu teksi orang muda jadi takkan pembangkang tidak mahu sokong sebab mereka juga memerlukan *voters*, dengan izin, daripada golongan muda. Saya percaya rakan pembangkang pun bersetuju dengan saya. Jadi sebab itu ahli-ahli pembangkang dalam Parlimen kita di Dewan Rakyat semuanya bersetuju, menyokong walaupun dengan syarat-syarat mengikut kritikan mereka. Jadi saya berterima kasih juga kepada mereka dan kepada mereka yang menyokong di sini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada juga Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim menanya adakah pemandu-pemandu bas melalui proses penapisan. Saya hendak nyatakan di sini kita hanya berurusan mengenai *e-hailing* dan juga fasal kontena namun begitu kita boleh juga jawab di sini di mana mengenai pemandu-pemandu bas.

Di dalam buku panduan SPAD, ICOP atau *Industrial Code of Practice*, dengan izin, keselamatan dan kod amalan industri SPAD. Keselamatan untuk pengendali bas telah dinyatakan prosedur pengambilan pemandu iaitu pengendali perlu menyediakan dan melaksanakan prosedur pengambilan pemandu dan harus memastikan perkara-perkara berikut:

- (i) semakan rekod penglibatan dalam aktiviti jenayah berdasarkan rekod PDRM;
- (ii) semakan rekod saman trafik;
- (iii) semakan mata demerit di bawah sistem KEJARA oleh JPJ;
- (iv) pelaksanaan ujian tahap kemahiran memandu ke atas pemandu; dan
- (v) memiliki lesen vokasional yang sah.

Ada sedikit lagi Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah tadi bertanya apakah had umur bagi pemandu bas ekspres.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit tidak? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bila bercakap fasal pemandu bas ini sebab bas ini berulang alik setiap malam lebih kurang 100 biji bas daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur. Saya hendak yang ini pihak kementerian dan Yang Berhormat di JPN mengambil berat sedikitlah sebab ini soal keselamatan penumpang. *If anything happens*, bila berlaku ini dia orang salahkan Dato' Sri Mohd. Najib, tidak salahkan orang lain. Pemandu bas tidak salah padahal yang silap pemandu bas tetapi benda ini pergi ke Dato' Sri Mohd. Najib.

Jadi kalau bolehlah saya hendak biar pihak kerajaan terlibat sama dan kalau tidak terlibat pun kita tapis sedikit pemandu bas itu. Oleh sebab yang berlaku ini kerana kes kesilapan pemandu bas bukan bas itu yang silap, pemandu bas itu yang silap kerana pemandu itu letih ataupun pemandu itu sudah macam-macam kes. Walaupun tadi didakwa pemandu bas- Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah kata pemandu bas umur 70 tahun memandu bas lagi.

Jadi kalau boleh pihak kementerian biar tapis dahulu supaya keselamatan penumpang bas yang berulang-alik itu tidak menjadi mangsa kecuaiannya pemandu. Kemudian yang kedua saya

hendak cadangkan minta kementerian tengok, saya hendak cadangkan pukul 12 malam hingga 5 pagi ini jangan ada bas *on the road*. Kebanyakan kemalangan berlaku pada waktu itu. Saya hendak ini cuma ambil iktibar dan kaji sedikit benda ini ada logik atau tidak. Oleh sebab Allah SWT menjadikan malam ini untuk berehat, siang untuk bekerja, sebaliknya kita malam kerja siang pun kerja. Jadi tidak ada masa rehat, kita sudah langgar hukum alam. Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Sebenarnya apa Yang Berhormat sarankan itu bukan sahaja kerajaan mengambil berat sedikit tetapi memang mengambil berat pun sebab apa yang kita hadapi dalam negara kita ini adalah kebanyakan daripada pemandu bas- ini berkaitan dengan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah tadi bertanya had umur.

Kebanyakan daripada mereka adalah mereka yang sudah ada berumur sedikit, lebih daripada beberapa tahun, jarang kita mendapat yang muda. Adapun tidak ramai. Jadi sebab itu saya hendak *commit* di sini sukar tetapi ini adalah satu tindakan pentadbiran yang saya sendiri telah sarankan kepada beberapa pihak yang tertentu supaya memberi latihan kepada orang-orang muda ini. Cuma apabila hendak jadi pemandu bas ini ataupun pemandu lori memang memerlukan permit mahal...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, adakah maksud Yang Berhormat Menteri tadi orang berumur ini kurang tenaga?

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** [*Ketawa*] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan jawab Yang Berhormat Senator tadi cuma saya hendak ceritakan di sini mengenai apa yang disarankan di sini di mana saya sendiri telah berbincang dengan beberapa pihak tetapi ini memerlukan perancangan dan juga memerlukan perancangan kewangan juga. Jadi sebab itu saya tidak sebut agensi mana tempat saya berbincang kerana saya pun risau. Saya mahu melihat, sebagai kerajaan kita mahu melihat supaya ada orang lebih muda juga, lebih bertenaga terlibat menjadi pemandu bas juga pemandu lori.

■1520

Jadi kita mengharapkan agar ada di antara orang muda ini diberi latihan secara percuma. Selain daripada itu juga, untuk mengambil kira lesen mereka itu, agak mahal sedikit. Jadi mereka tidak mampu. Namun, seperti yang saya nyatakan, ini adalah secara pentadbiran. Saya telah membuat perbincangan secara pentadbiran, belum lagi secara rasmi tetapi ada juga yang telah merancang untuk membantu orang-orang muda menjadi pemandu.

Balik kepada soalan Yang Berhormat Senator tadi di mana had umur pemandu, adakah ia di bawah bidang kuasa JPJ, di bawah MOT. Menurut maklumat daripada JPJ, pada masa ini, seseorang individu itu layak untuk menjadi pemandu bas sekiranya mencukupi syarat. Antaranya lulus pemeriksaan kesihatan. Apabila kita menyentuh mengenai lulus pemeriksaan kesihatan, kelayakan tidak akan berdasarkan kepada umur tetapi berdasarkan kepada, dengan izin, *fit to drive*. Ini kerana umur bukanlah satu-satunya *indicator* seseorang itu adalah sihat.

Jadi kalau kita lihat ada juga orang tua kita di rumah mungkin ada yang masih merasakan beliau mampu untuk membawa kenderaan, kalau kita kata *you are not fit to drive, who are you to*

*tell me*, dengan izin. Mereka kadang-kadang, orang tua tidak mahu menerima ini. Akan tetapi kalau dikatakan dalam pemeriksaan kesihatan yang menyatakan kesakitan ini, apa yang anda alami ini adalah tidak sesuai untuk anda membawa kereta, itu mungkin akan diambil kira sebab mereka perlu menjalani pemeriksaan.

Tiap-tiap tahun mereka menjalani pemeriksaan. Jadi tidak ada yang boleh lari daripada prosedur tersebut. Dari segi umur, tidak disentuh...

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Mencelah sedikit, Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Ya.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Cuma yang saya tekankan tadi dalam soal insurans tadi Yang Berhormat Menteri. Insurans sudah tetapkan syarat 65 tahun dia tidak *discovered by insurance*. So kalau berlaku kemalangan contohnya yang terjadi kepada diri saya sendiri, tidak perlu orang lain. Bila kita hendak minta insurans itu, insurans tolak hanya kerana dia pemandu yang berumur 70 tahun. Jadi saya hendak *diclearkan* juga sebab ia melibatkan- contoh saya bawa juga satu kes yang melibatkan bas langgar CRV di Negeri Sembilan, atas *highway* yang mati anaknya itu. Pemandunya juga berumur dan ini menjejaskan. Jadi saya hendak tanya dari segi insurans itu sebab insurans dia tidak *cover*. So, apa kementerian boleh buat tentang perkara itu?

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat boleh bagi *detail* sebab ini adalah urusan dengan syarikat. Jadi kita tidak tahu dan kita tidak dapat masuk campur begitu sahaja. Akan tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat boleh memberi *detail* mengenai syarikat yang terlibat dan orang yang terlibat itu, mungkin kita cuba untuk membantu- *just assisting*, dengan izin, sebab itu adalah di antara mereka sebagai *employee* dan juga dengan syarikatnya. Jadi sebab itu kita hendak tahu kalau boleh diberikan kepada kita maklumat secara terperinci. Cuma kita akan cuba membantu dalam hal ini. Terima kasih.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang telah saya sentuh. Saya mengucapkan terima kasih...

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tambah sedikit? Berkenaan dengan kemudahan bagi OKU. Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak menyentuh sedikit tentang peranan SPAD dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan pengangkutan awam darat kepada golongan OKU. Di sini, berkenaan dengan terminal pengangkutan awam darat khususnya stesen rel.

Didapati di kebanyakan tempat, stesen, ada kemudahan yang disediakan tetapi tidak menepati piawai yang ditetapkan ataupun tidak diselenggarakan dengan baik sehingga menimbulkan masalah kepada golongan OKU. Lif yang terdapat di stesen rel juga tidak berfungsi. Ini khususnya di Stesen Kepong Sentral di mana tandas OKU terkunci dan kaunter membeli tiket dan juga *kiosk* membeli tiket itu terlalu tinggi. Ini juga terdapat di tempat-tempat, stesen di *Ampang Line* juga.

Stesen Kepong Sentral juga, *tactile* yang membimbing OKU penglihatan untuk bergerak menuju ke sesuatu tempat itu tidak diletak dengan betul dan ada sesuatu tempat di mana orang buta terpaksa berhadapan dengan suatu *grill* yang tertutup dan selepas itu tidak tahu ke mana hendak tuju.

Selain dari stesen itu, saya juga ingin mengutarakan tentang *feeder bus*. Mengikut visi SPAD ini, antaranya ialah untuk menyediakan pengangkutan awam untuk dijadikan mod pilihan rakyat dan selamat serta boleh diharap dan mudah diakses bagi semua. Jadi *feeder bus* jadi tempat kediaman ke stesen untuk mengambil pengangkutan itu selalunya kekerapannya tidak menentu. Ada kawasan yang tidak disediakan perkhidmatan *feeder bus*. Bagi golongan OKU yang tidak dapat keluar dari rumah, pada mulanya disediakan *Rapid Mobility* iaitu van kecil untuk pergi mengambil mereka ke stesen bas tetapi *Rapid Mobility* itu sekarang ini didapati sudah tidak berfungsi langsung. Saya sudah pun membawa perkara ini di Dewan ini beberapa kali tetapi masih belum diselesaikan.

Berkenaan teksi mesra OKU. Semasa rancangan induk pengangkutan awam darat negara digubal beberapa tahun dahulu, NGO dijemput memberi input untuk memudahkan pengangkutan teksi untuk digunakan oleh OKU. Akan tetapi saranan sehingga kini masih tidak dilaksanakan. Antara saranan yang diberi ialah untuk menyediakan teksi yang lebih besar digunakan supaya boleh memuatkan kerusi roda manual dan juga kerusi roda bermotor. Ini tidak bermakna teksi itu harus dilengkapi dengan hidraulik. Akan tetapi dengan hanya menggunakan panel ataupun ram mudah alih, kita boleh masuk ke dalam teksi. Contoh yang diberi dahulu ialah *black taxi* yang digunakan di London tetapi masih tidak disediakan.

Berkenaan dengan perkhidmatan Uber dan *e-hailing*, saya dapat tahu bahawa Menteri telah mengadakan satu perbincangan dengan syarikat Uber dan Grab pada hujung bulan Mei. Saya tidak tahu sama ada perkhidmatan bagi pelanggan OKU dibincangkan dalam pertemuan itu dan juga dalam *lab* dengan teksi- perkhidmatan bagi OKU dibincangkan. Bagi Grab dan Uber, ada satu garis panduan yang telah disediakan oleh *company Uber* bagi golongan-golongan OKU seperti OKU penglihatan, OKU pekak dan juga OKU yang berkerusi roda. Bagi golongan OKU penglihatan, *voice over*, *IOS*, *android*, *talk back* dan *wireless braille display compatibility* adalah antara *apps* yang disediakan. Jadi diharapkan pihak SPAD dalam perbincangan lanjut dengan Uber boleh mengambil kira persediaan *apps* seperti ini. Bagi pekak pula, *visible display* ataupun *vibrating alert* (penggera) boleh digunakan untuk berkomunikasi dengan OKU pekak.

Suatu projek perintis telah diperkenalkan di New York, Houston dan Chicago di mana Uber WAV diperkenalkan di mana suatu *pilot project* digunakan untuk menyediakan kenderaan yang sesuai. Kenderaan Uber dan Grab yang sesuai bagi OKU dan ini disertai dengan suatu manual yang dipanggil *uberASSIST* yang memberi maklumat mengenai bagaimana hendak lipat kerusi roda, bagaimana hendak muat skuter dan juga kerusi roda yang bermotor dan peralatan-peralatan lain yang digunakan oleh OKU dalam menggunakan *e-hailing* ini.

Jadi ini antara saranan saya. Saya harap boleh diambil kira dalam perbincangan selanjutnya oleh SPAD. Terima kasih.

## ■1530

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak Yang Berhormat. Sebenarnya, apa yang kita bincangkan hari ini adalah berkaitan dengan rang undang-undang. Namun begitu, saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana membawa perkara ini walaupun ia dianggap sebagai aduan yang perlu kita ambil kira. Jadi saya mengharapkan pegawai-pegawai di belakang mengambil kira perkara ini supaya dapat melaksanakan keperluan untuk rakan-rakan OKU kita. Yang Berhormat, terima kasih di atas saranan Yang Berhormat itu, supaya mudah-mudahan banyak pahala Yang Berhormat kerana membawa perkara itu untuk membantu rakan-rakan yang lain. *insya-Allah*, kita cuba bantu.

Selain daripada itu juga Yang Berhormat, setiap pemandu *e-hailing* akan perlu menjalani latihan atau kursus asas yang disediakan modulnya oleh SPAD. Jadi, cara-cara mengendalikan penumpang OKU adalah salah satu daripada modulnya, sudah dimasukkan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada lagi perkara yang perlu saya sentuh kerana kebanyakan telah saya jawab secara menyeluruh tadi. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi saranan dan juga memberi panduan dan juga memberi kritikan, komen-komen dalam pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya lihat dan saya dengar bahawa kita telah bincang dengan paling baik RUU ini sebagai panduan untuk kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 dan 32** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri) dan diluluskan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN (PINDAAN) 2017****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.35 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang diperuntukkan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) melalui Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 iaitu Akta 714 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 iaitu Akta 715 adalah terhad kepada Semenanjung Malaysia. Manakala kuasa dan fungsi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ataupun LPKP negeri Sabah dan Sarawak di kedua-dua negeri tersebut masih lagi berkuat kuasa dan terpakai melalui Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 iaitu Akta 334.

Dewan yang mulia ini sebentar tadi telah meluluskan Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 yang antara lain meluluskan pindaan untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* dengan memasukkan tafsiran dan bahagian baharu perniagaan pengantaraan serta pindaan-pindaan berbangkit berhubung perkara yang sama.

Bagi menyelaraskan dasar dan pelaksanaan kawal selia ke atas perkhidmatan *e-hailing* di seluruh negara, pindaan kepada Akta 334 adalah diperlukan bagi pelaksanaan yang sama di negeri Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2017 ini mempunyai 20 fasal bagi maksud tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di antara fasal-fasal pindaan utama dalam rang undang-undang ini ialah:

Fasal 2 yang bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 334 untuk memasukkan takrif bahawa dalam "*kenderaan e-hailing*" dan "*perniagaan pengantaraan*" dan "*lesen perniagaan pengantaraan*" dan untuk meminda beberapa takrif tertentu yang sedia ada.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan bahagian baharu IVA ke dalam Akta 334 untuk mengawal selia pelesenan perniagaan pengantaraan.

Fasal-fasal 3 dan 5, fasal-fasal 7 hingga 13, fasal-fasal 15 hingga 19 yang dicadangkan adalah pindaan berbangkit berikutan kemasukan bahagian baharu IVA untuk mengawal selia pelesenan perniagaan pengantaraan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (1B), dengan izin, ke dalam seksyen 14, Akta 334 untuk mengadakan peruntukan bahawa kenderaan *e-hailing* hendaklah menjadi suatu kenderaan perkhidmatan awam, tertakluk kepada suatu pelesenan perniagaan pengantaraan yang dikeluarkan di bawah bahagian IVA.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 43A, dengan izin, untuk menetapkan liabiliti terhadap pegawai syarikat apabila suatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 334.

Fasal 20 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Silakan Yang Berhormat Dr. Zaidi Haji Suhaili.

### 3.39 ptg.

**Dr. Zaidi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan kepada Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2017.

#### ■1540

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita ketahui bahawa pindaan ini perlu kita lakukan supaya kita boleh menyelaraskan rang undang-undang yang telah kita luluskan sebentar tadi. Supaya ianya boleh di guna pakai di negeri Sarawak dan juga di Sabah. Saya percaya bahawa sebelum rang undang-undang ini di bentangkan di Dewan yang mulia ini, *consultation* dengan *stakeholders* di Sabah dan Sarawak pun saya yakin telah pun di jalankan juga. Satu perkara sahaja yang perlu hendak saya sentuh kan di sini ialah apabila kita membentangkan rang undang-undang ini, adakah kemasukan satu takrifan baru iaitu kenderaan *e-hailing*. Di sini saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Menteri, adakah bila pindaan ini berkuat kuasa, undang-undang ini diperluaskan ke Sarawak dan Sabah, ianya akan boleh menjejaskan operasi van sewa ataupun kereta sewa, khususnya di negeri Sarawak?

Ini kerana takrifan ini ada menyebut bahawa, muatan kenderaan itu mestilah tidak melebihi daripada 11 orang penumpang, termasuk pemandunya. *Description* kereta seperti ini adalah serupa dengan kereta sewa yang memang beroperasi secara aktifnya di Sarawak, khususnya di kampung-kampung di persisiran negeri Sarawak dan juga di kawasan-kawasan pedalaman. Ini kerana kita



tahu kampung kita di Sarawak, kampungnya berselerak, penduduknya ada kala tidak begitu ramai dan juga jalan-jalan untuk akses ke kampung-kampung tidak begitu besar, maka operasi van sewa seperti ini adalah penting. Sekiranya, takrifan ini juga meliputi kereta-kereta yang didaftar di bawah *e-hailing*, jadi sudah tentulah bilangannya akan menjadi banyak dan akan menjadi persaingan kepada kereta sewa di Sarawak.

Jadi, seperti mana ada kalanya kita mendapat maklum balas bahawa mereka khuatir, bahawa ini akan memberi satu implikasi kepada mereka dan akan membebaskan mereka dengan persaingan yang aktif di antara kereta yang beroperasi di bawah *e-hailing* dan juga kereta sewa yang mana permit mereka diluluskan oleh LPKP pada masa ini. Jadi, inilah perkara yang menjadi kekhawatiran dan saya rasa memang kita menyokong dan menerima pindaan ini. Akan tetapi *interest* ataupun kebajikan mereka yang mengendalikan van sewa ini, harus juga kita *protect* kerana ini merupakan rezeki mereka.

Oleh yang demikian, inilah *concern* kita bila rang undang-undang ini diperluaskan ke negeri Sarawak. Saya harap Yang Berhormat Menteri mungkin lebih tahu lagi perkara ini kerana sebahagian besar operasi van sewa ini adalah di dalam kawasan-kawasan pilihan raya beliau. Kita harap perkara ini boleh diperbetulkan dan juga supaya semua *stakeholders* ini akan mendapat faedah dan akan menyokong *extension* rang undang-undang ini ke negeri Sarawak. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Silakan.

### 3.45 ptg.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bahas. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak bahas. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, tidak ada. Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Silakan. Saya ingat saya yang silap, minta maaf. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.

Yang Berhormat Datin Rahimah ada? Sebentar Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Datuk Lihan Jok. Silakan.

### 3.46 ptg.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk berbahas berhubung dengan Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2017. Dalam waktu kita membincangkan pindaan ini, saya terpanggil untuk membawa realiti yang sebenarnya di Sarawak. Ini kerana pindaan ini Tuan Yang di-Pertua, ialah banyak penekanannya di negeri Sarawak dan Sabah. Saya bawa kita di keadaan yang sebenarnya di Sarawak. Di Sarawak ada lebih 5,000 buah kampung. Kampung ini di dalam bentuk rumah panjang dan ada dalam bentuk seperti kampung Melayu. Dari 5,000 buah kampung ini, rumah panjang ini, 60 peratus adalah terletak di luar bandar. Jadi, kampung-kampung ini dahulunya menggunakan sungai. Dalam tahun

80-an, awal 80-an, datanglah aktiviti pembalakan, di mana aktiviti itu berlakunya di luar bandar, mengambil hasil kayu hutan dan waktu itu, itulah masa jaringan jalan tanah menghubungkan sebagai obligasi tanggungjawab kompeni kayu balak, kayu balak membina jalan menghubungkan kampung-kampung ini.

Jadi, mulalah orang membeli kenderaan dan penggunaan perahu mulai berkurangan. Jadi, sejak itu jalan-jalan ini, jalan tanah ini yang menghubungkan kampung ini mulai juga menghubungkan bandar-bandar seperti Miri, Marudi, Bintulu dan seterusnya Sibul. Oleh sebab yang demikian, muncullah orang-orang di luar bandar di kampung di rumah panjang membeli kereta sejak tahun 80-an. Oleh sebab aktiviti ekonomi meningkat, selain daripada sosioekonomi yang telah ada seperti sekolah, seperti hospital, muncul lah seperti aktiviti pembalakan tadi Tuan Yang di-Pertua dan penanaman kelapa sawit, penanaman sayur-sayur dan seterusnya. Ini telah menggalakkan orang di luar bandar membeli kenderaan. Ini kerana kenderaan seperti kereta sewa yang kita katakan tadi, seperti rakan saya Yang Berhormat Dr. Zaiedi kata tadi, banyak di Sarawak.

#### ■1550

Ada juga teksi dan ada juga bas, dan baru-baru ini kita sebut kenderaan *e-hailing*. Semua kenderaan ini tidak mampu pergi ke kawasan yang saya sebutkan tadi di mana jalannya tanah dan berlumpur. Hanya satu jenis kenderaan sahaja yang boleh ke sana, dua sebenarnya. Satu motosikal dan yang kedua adalah *double cab four wheel drive*, dengan izin.

Jadi, pemilik-pemilik kenderaan *four wheel* ini tadi mulai rasa membuat aktiviti perniagaan. Oleh sebab yang demikian, kenderaan ini makin jadi popular untuk mengangkut bukan sahaja manusia, bukan sahaja binatang tetapi barang-barang. Sejak tahun 80-an, mereka telah beroperasi tanpa lesen.

Jadi sekarang ini, untuk menghubungi kawasan luar bandar dengan bandar dengan begitu hebat sehingga jabatan-jabatan kerajaan yang mempunyai kereta yang baik, kadang-kadang atau acap kalinya pun meminta bantuan peniaga-peniaga perseorangan ini untuk menjadi ejen pengangkutan untuk memberi servis kepada luar bandar. Contohnya, kalau ada pegawai dari Jabatan Pendidikan yang hendak pergi ke rumah panjang, mereka menyewa kenderaan, pemilik kenderaan ini tadi. Yang tidak berlesen ini tadi. Demikian juga jabatan-jabatan yang lain.

Oleh sebab yang demikian, dalam waktu kita membincangkan untuk menyempurnakan hal-hal lesen kenderaan yang kita sebutkan seperti kereta sewa, teksi, bas dan yang terbaru ini ialah kenderaan *e-hailing*, kita jangan lupa 60 peratus kampung kita di Sarawak ini memerlukan- memang mereka begitu suka kalau kenderaan yang saya sebutkan ini tadi, kalau bas ini boleh pergi, kalau teksi ini boleh pergi, malah kalau *Uber* dan *e-hailing* kenderaan ini boleh pergi tetapi mereka tidak mampu. Hanya yang dapat pergi adalah *the specific four wheel drive*. Bolehkah kita kerajaan menutup mata membiarkan mereka ini berurusan tanpa lesen, tanpa dipandu, tanpa dikawal dan memberi risiko yang besar kepada penumpang-penumpangannya? Tentu tidak.

Saya rasa kepada Yang Berhormat Menteri, saya cadangkan kerajaan yang bertanggungjawab dalam waktu kita membincangkan pindaan ini, kiralah kerajaan memikirkan supaya membangkitkan isu ini tadi supaya kenderaan *four wheel drive* ini, dengan izin, boleh

pemiliknya kita berikan lesen untuk menjadi pengangkutan awam darat di luar bandar Sarawak. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, ada usul.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**3.54 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), tanpa menghiraukan usul yang terdahulu, Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6 petang dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 16 Ogos 2017.”

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

**3.55 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili dan Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok di atas saranan mereka.

Mengikut apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili tadi, adakah *e-hailing* akan menjejaskan perkhidmatan kereta sewa sedia ada di Sarawak? Secara dasarnya, perkhidmatan *e-hailing* ini tidak akan menjejaskan operasi kereta sewa sedia ada di Sarawak. Kalau kita lihat dari segi *environment* Sarawak dan juga Sabah, terutama sekali kalau ada kenderaan-kenderaan daripada kawasan pedalaman yang jauh, banyak yang menggunakan van sapu di mana mereka yang menjalani van biasa ini ataupun teksi konvensional ini tidak menyedari ini dan tidak menganggap itu sebagai satu saingan.

Ini kerana kalau kita lihat perkhidmatan kereta sewa, daripada soalan tadi, sama ada ia menjejaskan perkhidmatan kereta sewa sedia ada. Perkhidmatan kereta sewa ini adalah dari luar bandar raya atau majlis perbandaran tanpa had jauh perjalanannya. Maka tidak adalah yang

dikhuatirkan. Lagipun, kereta sewa juga dibenarkan meluaskan kawasan operasi ke seluruh Sarawak. Ini bermakna cara beroperasi atau segmen *market* ataupun pasaran mereka adalah berbeza. Saya suka mendengar cerita daripada Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok tadi apabila cerita mengenai keadaan di pedalaman.

Namun begitu, mengenai konsultasi di mana Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bertanya sama ada konsultasi dengan kerajaan negeri sama ada sudah dilakukan atau tidak, memang kita telah mengadakan konsultasi. Selain daripada itu juga, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menyedari perkara ini dan *board members*, dengan izin, juga telah membincangkan perkara ini dengan *stakeholders* di negeri. Walaupun ia masih belum dimuktamadkan tetapi seperti yang saya nyatakan, kita akan terus berurusan dengan *stakeholders* iaitu persatuan-persatuan teksi. Ia tidak akan berakhir di sini kerana mereka berhasrat untuk berjumpa dengan saya selepas ini. Mereka hendak mengetahui apa lagi yang mereka peroleh yang boleh mereka manfaat daripada ini. Namun begitu, ini bermakna kita tidak meninggal ataupun meminggirkan mereka ya, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi.

Selain daripada itu juga, tadi ada Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok menyentuh mengenai kenderaan *e-hailing* ini. Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi tadi menyentuh kekhawatirannya ialah kerana van- dalam rang undang-undang ini, fasal 2 menyentuh di mana tempat duduk ialah empat hingga 11 *seaters*. Jadi, ia mungkin boleh menjejaskan. Ini yang dimaksudkan. Namun begitu, seperti yang saya nyatakan tadi, kereta sewa ataupun van yang ada di tempat kita itu adalah luas pergerakan mereka, jadi ia dianggap tidak akan menjejaskan.

Saya suka mendengar saranan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok tadi. Saya ingat beliau tidak menyokonglah ini tetapi dengan jalanan cerita beliau itu, itu adalah satu perkara baru bagi rakan-rakan Ahli Parlimen di sini, di mana di kawasan-kawasan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok, memang pun banyak yang menggunakan kenderaan orang yang sedia ada di situ tanpa menggunakan lesen perniagaan sebab mereka hanya ingin membantu walaupun mengenakan caj juga. Ada di antara mereka adalah van sapu juga kan? Jadi, sebab itu cadangan untuk memberikan permit teksi ataupun kenderaan perdagangan kepada tuan punya kenderaan *four wheel drive* disarankan.

Jadi sememangnya pada masa ini, kereta sewa di Sarawak ada yang menggunakan van dan *four-wheel drive*. Akan tetapi, cadangan Yang Berhormat Senator tadi untuk semua pemilik kenderaan *four-wheel drive* diberi permit harus juga diteliti kerana ia juga akan membabitkan faktor-faktor keselamatan. Namun, kita akan teliti cadangan ini kerana saya percaya ini adalah salah satu cara untuk melesenkan mereka. Jadi kalau berlaku kemalangan kah, kalau berlaku apa-apa di tengah jalan, mereka boleh mendapatkan insurans ini supaya ia lebih rasmi, lebih formal kan? Ini yang dimaksudkan Yang Berhormat.

#### ■1600

Saya amat mengalu-alukannya. Saya sebenarnya agak terkejut juga apabila Yang Berhormat menyarankan itu, tetapi inilah realiti yang beliau nyatakan realiti di kawasan luar bandar terutama sekali. Jadi saya rasa oleh sebab itu sahaja debat yang telah pun dibahaskan saya

mengucapkan terima kasih mungkin kerana ini adalah melibatkan Sabah dan Sarawak sahaja dan yang tadi sudah banyak berbincang mengenai keseluruhan *e-hailing* punya *facillity* ini Yang Berhormat. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada rakan-rakan yang telah memberi saranan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli yang terhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 20** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga, dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG AKSES KEPADA SUMBER BIOLOGI DAN PERKONGSIAN FAEDAH 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.05 ptg.**

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam bahagia dan selamat petang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 dibaca kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Rang Undang-undang Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 ataupun dipanggil rang undang-undang- *access to biological resources and benefit sharing* atau ABS 2017 ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 31 Mac 2017. Seiring dengan komitmen

negara untuk terus memelihara sumber biologi Malaysia telah meratifikasikan Konvensyen Kepelbagaian Biodiversiti ataupun *Convention on Biological Diversity* (CBD) pada 24 Jun 1994.

Konvensyen Kepelbagaian Biologi mempunyai tiga objektif utama iaitu pemuliharaan biodiversiti, penggunaan mampan biodiversiti dengan perkongsian faedah yang terhasil daripada penggunaan sumber biologi ataupun *access to biological resources and benefit sharing* (ABS). Satu protokol antarabangsa mengenai ABS iaitu *Nagoya Protocol on Access to Genetic Resources and the Fair and Equitable Sharing of Benefits Arising From Their Utilization*.

*Nagoya Protocol* telah diterima pakai di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi pada tahun 2010 setelah dirunding selama enam tahun. Malaysia masih belum meratifikasi *Nagoya Protocol* kerana undang-undang ABS perlu diwujudkan di peringkat domestik terdahulu dan perkara-perkara yang digariskan dalam protokol tersebut perlu dipatuhi sebelum pertimbangan untuk menandatangani dibuat.

Sebagai negara yang kaya dengan sumber biologi, adalah penting supaya undang-undang ABS diterima pakai untuk memastikan negara mendapat pulangan atau faedah yang terhasil daripada penggunaan sumber biologi negara. Perkara itu juga adalah selaras dengan hasrat negara untuk menjana kekayaan baru daripada sumber biologi seperti yang digariskan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016 hingga 2025. Model Baru Ekonomi dan Dasar Bioteknologi Negara.

Rang undang-undang ABS 2017 ini adalah penting untuk memastikan sumber biologi negara diakses dengan jaminan perkongsian faedah dan menggalakkan berlakunya aktiviti *biopiracy* di mana sumber biologi negara atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi dibangunkan tanpa perkongsian faedah kepada negara.

Selain itu, undang-undang ini dapat menyediakan tatacara yang jelas kepada pengguna dan memberi sumber biologi tentang prosedur untuk mengakses sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi serta perkongsian faedah. Faedah yang diperoleh boleh digunakan untuk membiayai serta menyokong usaha konservasi biodiversiti negara selaras dengan keutamaan negara untuk memastikan biodiversiti terus dipelihara dalam usaha negara mencapai matlamat pembangunan.

Perkara ini juga adalah selaras dengan matlamat utama Konvensyen Kepelbagaian Biologi untuk kerangka kerja ABS yang menyumbang kepada pemuliharaan biodiversiti. Pada masa ini dua buah negeri iaitu Sabah dan Sarawak telah mempunyai undang-undang negeri mengenai biodiversiti yang turut mempunyai peruntukan bagi mengawal selia aktiviti ABS. Ia dikenali sebagai Ordinan Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak (Pindaan) 2014, dan Enakmen Biodiversiti Sabah 2000.

Walau bagaimanapun, bagi membolehkan Malaysia melaksanakan obligasi dibawa Konvensyen Kepelbagaian Biologi, rang undang-undang ABS 2017 perlu dibentuk di peringkat kebangsaan berdasarkan kuasa Parlimen selaras dengan Perkara 76(1)(a) Perlembagaan Persekutuan di mana pekerjaan Persekutuan mempunyai kuasa untuk membangunkan undang-undang berkaitan dengan bidang kuasa kerajaan negeri bagi maksud melaksanakan apa-apa *treaty* perjanjian ataupun konvensyen antarabangsa Persekutuan dengan mana-mana negara lain atau apa-apa keputusan sesuatu organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh Persekutuan.

Konsep yang diguna pakai dalam rang undang-undang ABS 2017 adalah secara *decentralization*, di mana setiap negeri masih mengekalkan hak mutlak mereka ke atas sumber biologi dan Kerajaan Persekutuan hanya bertindak sebagai penyelaras dalam melaksanakan undang-undang ini.

■1610

Selain itu, undang-undang ABS Kebangsaan juga penting untuk memastikan keseragaman tatacara akses dan perkongsian faedah di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menerangkan rang undang-undang ini dengan lebih terperinci. Rang Undang-undang ABS 2017 dibahagikan kepada 10 bahagian yang mengandungi 63 peruntukan yang boleh diringkaskan seperti berikut:

Bahagian I – Permulaan.

Bahagian II – Pihak Berkuasa.

Bahagian III – Kehendak bagi Permit untuk Mengakses Sumber Biologi.

Bahagian IV – Permit Daftar Rekod dan Pelupusan.

Bahagian V – Pembatalan Permit dan Rayuan.

Bahagian VI – Pemantauan dan Pengesanan.

Bahagian VII – Mekanisme Pusat Penjelasan.

Bahagian VIII – Langkah Pengguna.

Bahagian IX – Kuasa yang Berhubungan dengan Penguatkuasaan, Penyitaan, Penangkapan, dan sebagainya.

Bahagian X – Am.

Selain itu, rang undang-undang ini mengandungi dua Jadual. Jadual Pertama adalah senarai pihak berkuasa kompeten mengikut negeri. Manakala Jadual Kedua pula ialah borang perakuan berkanun permohonan bagi sesuatu permit bagi maksud bukan komersial.

Di Bahagian I, jelas bahawa akta ini dinamakan Akta Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah (ABS) yang bertujuan untuk melaksanakan konvensyen kepelbagaian biodiversiti di mana protokol kepada konvensyen berkenaan dengan akses kepada sumber biologi dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi dan perkongsian faedah yang terhasil daripada penggunaannya.

Akta ini akan mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam warta dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa, peruntukan yang berlainan akta ini. Bagi negeri Sarawak dan Sabah, akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri setelah berunding dengan pihak berkuasa negeri melalui pemberitahuan dalam warta. Selain itu, tafsiran terminologi yang terpakai turut dihuraikan di bahagian ini.

Bahagian II, menjelaskan mengenai Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan, *National Competent Authority* (NCA) di peringkat Persekutuan dan Pihak Berkuasa Kompeten ataupun *Competent Authority* (CA) di peringkat negeri yang akan diwujudkan bagi mengawal selia pelaksanaan undang-undang ABS serta fungsi-fungsi Pihak Berkuasa Pihak Kompeten

Kebangsaan dan Pihak Berkuasa Kompeten. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan bertindak sebagai Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan. Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan berperanan untuk memantau pelaksanaan undang-undang ABS oleh Pihak Berkuasa Kompeten.

Di antara fungsi yang dilaksanakan ialah pertama, menentukan fi yang terpakai di bawah undang-undang ini melalui rundingan dengan Pihak Berkuasa Kompeten.

Kedua, komunikasi dengan negara lain dan sekretariat yang ditubuhkan di bawah mana-mana triti, perjanjian, konvensyen atau protokol yang berhubung dengan isu ABS.

Ketiga, mewujudkan kesedaran dan menyediakan latihan, pendidikan dan maklumat yang berhubung dengan ABS.

Keempat, menyokong pembangunan protokol dan tatacara komuniti untuk memberi keizinan maklumat awal, *Prior Informed Consent (PIC)* oleh masyarakat peribumi dan masyarakat tempatan, *indigenous and local communities*.

Kelima, menyelenggarakan portal mekanisme pusat penjelasan ABS, *Clearing House Mechanism (CHM)* kebangsaan untuk memenuhi obligasi di peringkat antarabangsa.

Pihak berkuasa kompeten merupakan entiti di peringkat negeri yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri bagi menguatkuasakan undang-undang ABS. Senarai pihak berkuasa kompeten adalah seperti di Jadual Satu Rang Undang-undang ABS. Antara fungsi Pihak Berkuasa Kompeten adalah seperti berikut.

Pertama, menguruskan permohonan akses kepada sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi. Kedua, menyelenggarakan rekod semua permohonan dan keputusan berkenaan dengan akses. Ketiga, menyediakan laporan tahunan kepada Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan berkenaan permohonan dan keputusan akses termasuk sebarang kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang ini.

Selain dari itu, bahagian ini juga menjelaskan mengenai keperluan menubuhkan satu Jawatankuasa Penasihat dan Badan Penasihat bagi menyokong Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dan Pihak Berkuasa Kompeten dalam melaksanakan fungsi dengan efektif. Jawatankuasa Penasihat berfungsi memberikan pandangan dan nasihat dari aspek saintifik, teknikal, *ethics* serta perkara-perkara yang berkaitan dengan ABS kepada Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan dan Pihak Berkuasa Kompeten.

Badan Penasihat pula akan terdiri daripada wakil ILC, akan di tubuh oleh Pihak Berkuasa Kompeten apabila terdapat keperluan untuk menangani perkara yang berhubung dengan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi.

Bahagian III (3) menjelaskan keperluan bagi permit untuk mengakses sumber biologi atau ke pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi untuk maksud komersial. Komersial berpotensi dan bukan komersial serta syarat-syarat bagi kelulusan permit.

Bahagian ini juga merenangkan mengenai keizinan termaklum awal dan perjanjian perkongsian faedah. Keizinan termaklum awal merupakan proses mendapatkan kebenaran awal secara bertulis daripada masyarakat peribumi dan masyarakat tempatan untuk mengakses sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang dimiliki oleh mereka



mengikut undang-undang dan amalan adat protokol dan tatacara masyarakat peribumi dan masyarakat tempatan berkaitan.

Keizinan termaklum awal daripada masyarakat peribumi dan masyarakat tempatan diperlukan dalam dua keadaan apabila pengguna, pertama, ingin mengakses sumber biologi atas tanah yang mana masyarakat peribumi dan masyarakat tempatan mempunyai hak sebagaimana yang diiktiraf dalam undang-undang.

Kedua, memerlukan akses kepada pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang dimiliki oleh masyarakat peribumi dan masyarakat tempatan. Dengan sumber biologi, bagi mengawal selia aktiviti *bioprospecting* dan pembangunan penyelidikan *research and development* (R&D) ke atas sumber biologi negara. Perkara ini adalah selaras dengan keperluan Perjanjian- Nagoya Protokol yang menggariskan supaya tempat pemeriksaan *the check point* dikenal pasti sebagai langkah untuk memantau atau mengesan penggunaan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi.

Agensi yang akan dilantik sebagai *check point* merupakan agensi yang menguruskan permohonan untuk hak-hak harta intelek, pendaftaran produk, kelulusan produk untuk dipasarkan serta geran penyelidikan awam. Di antara agensi yang telah dikenal pasti ialah institusi pengajian tinggi awam terpilih, Perbadanan Harta Intelek Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Agensi Regulatori Farmasi Negara dan Institusi Kesihatan Negara di bawah Kementerian Kesihatan dan bahagian dana di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VII di bawah Rang Undang-undang ABS ini memperuntukkan bahawa NCA perlu diwujudkan sebuah portal ABS. *National Competent Authority* perlu mewujudkan sebuah portal ABS kebangsaan, *Clearing House Mechanism*.

#### ■1620

Portal ini adalah untuk memuat naikkan maklumat-maklumat berkaitan undang-undang ABS negara, keperluan ABS, permit akses yang keluar dan sebagainya. Bahagian ini juga menjelaskan maklumat permit yang boleh dipaparkan di portal ini.

Bahagian VIII pula, menyatakan bahawa pengguna sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi di Malaysia dari Malaysia juga dikehendaki untuk mematuhi undang-undang berkaitan akses kepada sumber biologi dalam negara-negara ahli kepada konvensyen biodiversiti yang mempunyai undang-undang berkaitan ABS. Adalah menjadi tanggungjawab pengguna untuk mendapatkan permit akses daripada negara-negara lain yang terlibat dan membolehkan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi tersebut digunakan di Malaysia. Perkara ini dikenali sebagai langkah pengguna atau *user measure* bagi menyokong pelaksanaan undang-undang ABS negara-negara lain.

Perihal kuasa berhubung dengan penguatkuasaan, penyitaan, penangkapan dan sebagainya di bawah rang undang-undang ini diperjelaskan dalam Bahagian IX.

Manakala, Bahagian X memperuntukkan berkaitan perkara am di bawah rang undang-undang iaitu antara lainnya menyatakan bahawa skala fi yang meliputi kos pentadbiran seperti

bayaran bagi permit akses dan bayaran mengenai denda kesalahan kecuali faedah kewangan yang terbabit daripada perjanjian perkongsian faedah perlu disalurkan ke dalam Kumpulan Wang yang Disatukan ataupun Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

Bahagian ini juga menerangkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan di bawah akta ini serta kuasa Menteri untuk mengisytiharkan pengecualian terhadap sumber biologi tertentu atau koleksi sumber biologi tertentu daripada dikawal selia di bawah akta ini. Di antaranya bagi tujuan menyokong usaha konservasi diversiti negara dan menjaga kepentingan *indigenous and local communities*. Bahagian ini juga memperuntukkan kuasa Menteri untuk meminda jadual dan membentuk peraturan di bawah akta ini. Selain itu, bahagian ini menyatakan perihal akses sebelum berkuat kuasanya akta ini.

Tuan Yang di-Pertua kesimpulannya, saya yakin rang undang-undang yang dikemukakan ini dapat memastikan negara mendapat pulangan yang setimpal dengan sewajarnya daripada penggunaan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi negara. Undang-undang ini kelak dapat memastikan supaya aktiviti *biopiracy* dapat dibendung. Selain itu, inisiatif ini juga dapat memenuhi obligasi negara di peringkat antarabangsa terutamanya di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi untuk menggalakkan perkongsian faedah yang adil, saksama hasil daripada penggunaan sumber biologi ini. Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Tuan Yang di-Pertua saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat. Masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk melaksanakan Konvensyen Kepelbagaian Biologi dan mana-mana protokol kepada konvensyen berkenaan dengan akses kepada sumber biologi dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi dan perkongsian faedah yang terhasil daripada penggunaannya dan bagi perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang, dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili.

#### 4.24 ptg.

**Dr. Zaidi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk membahaskan rang undang-undang ini sebagai pembahas pertama di dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah membentangkan rang undang-undang ini dengan begitu jelas sekali di Dewan yang mulia ini. Satu akta yang kita anggap perlu untuk kita luluskan memandangkan ia mendatangkan kebaikan kepada negara kita khususnya di dalam bidang biodiversiti dan juga untuk kita mematuhi beberapa protokol antarabangsa yang mana Malaysia adalah *one of the parties to this Protocol*.

Jadi, Yang Berhormat Menteri, pertama sekali saya hendak merujuk kepada satu *provision* di dalam akta ini yang menyatakan bahawa akta ini akan mula berkuat kuasa di negeri Sabah dan Sarawak pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri setelah berunding dengan pihak

berkuasa negeri melalui pemberitahuan dalam warta. Saya mengalu-alukan *provision* ini kerana sentimen di Sarawak dan juga di Sabah, Yang Berhormat Menteri lebih faham lagi tentang sentimen perkara-perkara seperti ini. Bilamana ia melibatkan sumber biologi yang dianggap merupakan satu hak untuk sesebuah negeri. Lebih-lebih lagi bagi kita di Sarawak dan di Sabah. Ini satu perkara yang sensitif.

Jadi dengan adanya peruntukkan ini seperti mana yang disediakan di dalam rang undang-undang ini, saya berharap bahawa sebelum ia diperluaskan di Sabah dan juga di Sarawak, ia akan di bincang dengan begitu teliti, dengan begitu mendalam supaya sensitiviti rakyat Sarawak dan juga rakyat Sabah tidak tersentuh begitu sangat. Ini kerana ada kalanya difikirkan bahawa bila kita menyentuh tentang biodiversiti dengan kelulusan rang undang-undang ini akan kita menyentuh hak yang termaktub di dalam Perlembagaan iaitu tentang hak negeri Sarawak dan Sabah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, hanya saya hendak menyatakan di sini ialah bolehkah bila rang undang-undang ini berkuat kuasa bahawa biodiversiti ini masih dikekalkan sebagai *Concurrent List* ataupun Senarai Bersama di antara negeri Sarawak dan juga Kerajaan Persekutuan? Supaya negeri Sarawak memikirkan bahawa mereka tidak kehilangan hak dan juga begitu juga Kerajaan Persekutuan boleh mengguna pakai undang-undang ini untuk menguatkuasakan biodiversiti dan sebagainya. Ini kerana kita di negeri Sarawak telah mengadakan satu undang-undang mengenai biodiversiti sejak dari tahun 1997. Bermakna, kita sudah 20 tahun ke hadapan mempunyai rang undang-undang ini dan akhirnya dalam tahun 1999 kita menubuhkan *Biodiversity Center* kita sendiri.

Kita lihat bahawa kita telah banyak memungut spesies yang ada di hutan belantara negeri Sarawak. Kalau- kita lebih terangsang lagi dalam kita menubuhkan *Biodiversity Center*, kita mendapati bahawa dalam tahun 2000, *Biodiversity Center* ini merampas 500 spesies *biological specimen* yang dipungut oleh sekumpulan saintis Amerika, dipungut daripada Gua Buddha di dalam Bahagian Limbang. Jadi, inilah satu perkara yang kita fikir bahawa perlu kita membuat satu perundangan tentang biodiversiti ini supaya kita dapat *preserve* sesuatu yang ada pada kita.

Jadi, rayuan saya ialah apa kiranya biodiversiti ini masih dikekalkan di bawah Senarai Bersama iaitu di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Walaupun undang-undang ini boleh di terima pakai ataupun dilanjutkan ke negeri Sarawak dan Sabah.

#### ■1630

Jadi ini satu perkara Tuan Yang di-Pertua ialah berkenaan dengan seksyen 6 iaitu mengenai hak petani kecil ataupun hak petani masyarakat peribumi terutamanya mereka yang mengusahakan ladang-ladang sumber biologi secara berskala sederhana, adakah penguatkuasaan undang-undang ABS ini akan menjejaskan usaha tani daripada warisan pertanian tradisi masyarakat peribumi. Jadi kekhuatiran saya ialah apabila undang-undang ini dikuatkuasakan, warisan tradisi budaya masyarakat di Sabah dan Sarawak akan mungkin menghadapi risiko kerana mereka boleh dikenakan undang-undang di bawah rang undang-undang ini kalau ia dibuat, mereka mengusahakan ladang-ladang ini tanpa pengetahuan mereka bahawa apa yang mereka usahakan itu adalah tertakluk kepada rang undang-undang ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

#### 4.31 ptg.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah membentangkan satu Rang Undang-undang Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah atau RUU ABS 2017 yang saya kira satu undang-undang yang sebenarnya patut sudah lama kita adakan kerana negara kita, kita tahu salah sebuah negara di kalangan 12 buah negara di dunia yang mempunyai, kaya dengan biodiversiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak mengemukakan beberapa persoalan yang mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri secara ringkas berkenaan dengan fasal 22(A) yang telah menyatakan bahawa di mana dalam apa-apa faedah kewangan itu hendaklah didepositkan ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri yang mana kalau katalah, satu perjanjian perkongsian faedah hendaklah diwujudkan apabila permit akses ataupun pemohon bagi permit itu diadakan kalau katalah kita mengambil sumber biologi daripada sesuatu tempat itu.

Ingin saya bertanya bagaimanakah kerajaan ataupun kementerian ingin memastikan bahawa sesuatu inisiatif kajian ataupun *commercialization*, dengan izin, terbitan biologi yang diwarisi oleh masyarakat peribumi ini dapat diberikan ganjaran atau royalti supaya sumbangan dan warisan kemahiran atau kaedah dan resipi dapat dikongsi dan dimanfaatkan oleh semua negara. Sebab kita tahu bahawa kalau katalah dalam perjanjian yang dibuat itu katalah mempunyai insentif atau royalti dimasukkan di dalam deposit ke dalam wang yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri. Maka saya hendak bertanya adakah, bolehkah kaum *indigenous* ini mendapat royalti ataupun insentif daripada apa yang mungkin terutama daripada segi resipi ataupun daripada contohnya macam resipi ataupun apa-apa sahajalah, kemahiran ataupun kaedah yang dapat daripada biologi ataupun sumber biodiversiti daripada kawasan tersebut.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana fasal 50 mengenai kumpulan wang yang diterima oleh pihak kompeten, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan adakah sumber kewangan ini apabila dalam wang yang terkumpul ini- dalam kumpulan wang yang diterima ini, adakah sumber kewangan ini dapat digunakan oleh sama ada pihak yang tertentu ataupun pihak berkepentingan sebagai geran peruntukan kajian.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Maknanya wang terkumpul ini adakah boleh digunakan untuk kajian bagi menambahbaikkan akses biologi dan juga faedah kajian ini dapat dikongsikan bersama rakyat jelata. Maknanya faedah daripada akta ini, faedah daripada wang kumpulan ataupun wang terkumpul ini dapat digunakan lebih berfaedah, maknanya kita bukanlah sahaja mengharapkan kajian ataupun teknologi yang

dibuat daripada luar negara tetapi kita sendiri boleh membangunkan ataupun boleh memperbanyakkan penyelidikan dalam hal ehwal akses kepada sumber biodiversiti. Sekian Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan, silakan.

#### 4.35 ptg.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang ini. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kerana akhirnya dapat membentangkan rang undang-undang ini. Saya menggunakan perkataan akhirnya kerana kalau kita tengok Malaysia telah meratifikasi CBD 23 tahun dahulu iaitu pada Jun 1994 dan *Nagoya Protocol* hampir tujuh tahun dahulu yang baru sekarang kita dapat menggubal undang-undang ini. *But better late than never* tetapi pada waktu yang sama, saya berharap kementerian boleh menjelaskan kenapa berlakunya kelewatan ini dari segi penggubalan undang-undang.

Akan tetapi secara prinsipnya, selepas undang-undang ini saya faham kita selepas undang-undang ini dan juga selepas kita mematuhi keperluan-keperluan yang lain, kita boleh *ratify Nagoya Protocol* dan ini akan membawa banyak manfaat seperti akan mengelakkan *biopiracy* dan memastikan bahawa negara, negeri-negeri, masyarakat peribumi, masyarakat tempatan dan sebagainya mendapat pulangan yang adil daripada sumber biologi sebab sekarang kalau kita tahu dari segi eksploitasi banyak sangat syarikat-syarikat terutamanya syarikat farmaseutikal yang sedang eksploit sumber-sumber biologi.

Kalau kita tengok satu *report* daripada *World Health Organization* hampir *three quarter* daripada *drugs* yang digunakan sekarang ini datang daripada *natural resources* ini. Macam saya cakap tadi, saya secara prinsip saya terima dengan baik rang undang-undang tetapi saya ada sedikit perkara yang saya perlu keterangan daripada kementerian atau Yang Berhormat Menteri.

Pertama sekali berkenaan dengan *Nagoya Protocol*. Semalam saya mendapat satu kertas maklumat daripada kementerian. Dalam situ dia cakap hanya sebanyak 97 buah negara telah *ratify Nagoya Protocol* setakat ini. Akan tetapi pada pengetahuan saya ingat setakat bulan Jun sudah sampai 100 buah negara, *the last country being Kuwait, I think in June this year* tetapi *there is not the issue*. Cuma yang I hendak tahu daripada pendapat kementerian kenapa berlakunya *the slow take up break* pasal kalau kita bandingkan dengan negara-negara yang telah *ratify* CBD sebanyak 150 buah negara telah *ratify* CBD. Akan tetapi apabila pergi ke *Nagoya which is actually the instrument of implementation* ini, kita hanya dapat 100 sahaja so hampir 50 buah negara tidak *take up*. Ini saya tidak faham.

Biasanya kalau *somebody ratifies the main things*, dia akan *follow through*, kenapa *why is there very slow take up*, adakah kalau dia orang- dia buat undang-undang di negara mereka lepas itu *ratify Nagoya Protocol* adakah itu akan membawa *negative effect* kepada *country* dia. Pada saya

kalau kita tengok dari segi mata kasar *this act is beneficial to the country* so kalau dia buat pun mungkin *beneficial* kepada dia tetapi kenapa sampai sekarang banyak negara belum buat atau buat undang-undang dan seterusnya *ratify Nagoya Protocol* ini. Itu *first issue*, ini secara am.

Akan tetapi secara spesifik kepada rang undang-undang yang dicadangkan, saya ada beberapa soalan. Pertama adalah berkaitan dengan keanggotaan badan penasihat. Kalau kita tengok fasal 9(2) dan fasal 11. Fasal 9 kalau kita tengok adalah badan penasihat kepada pihak berkuasa kompeten- dengan senang saya panggil peringkat negeri, 9(2) dan 11 untuk badan Jawatankuasa Penasihat kepada badan berkuasa kompeten peringkat kebangsaan. / tengok ada sedikit perbezaan antara 9(2) dengan 11. Kalau kita tengok 9(2), secara spesifiknya mewajibkan bahawa badan penasihat perlu atau badan penasihat yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa kompeten peringkat negeri itu perlu ada atau perlu mesti mengandungi wakil daripada masyarakat peribumi dan masyarakat tempatan, *compulsory*. Mesti mahu ada *representation*.

#### ■1640

Akan tetapi syarat ini tidak dikenakan pada peringkat kebangsaan. Kalau kita tengok fasal 11, dia cuma sebutkan tentang keperluan untuk badan penasihat tetapi dari segi *specific representation* macam 9(2) itu tidak ada di fasal 11. Jadi saya hendak faham kenapa kerana dua-dua ini badan penasihat. Satu peringkat negeri, satu peringkat kebangsaan. Kenapa peringkat negeri ada syarat-syarat tertentu tetapi di peringkat kebangsaan itu tidak ada. Pasal dari segi tanggungjawab sama, dua-dua badan ini lebih kurang sama walaupun skop yang dia boleh *approve* itu berbeza sedikit. Itu satu.

Pada saya ini penting, salah satu objektif rang undang-undang ini adalah untuk melindungi kepentingan masyarakat peribumi. So, perlu ada *representation*, pada saya. Itu yang pertama dari segi rang undang-undang.

Kedua ialah berkaitan dengan perkongsian faedah. Ini saya perlu keterangan sedikit kerana kalau kita tengok seksyen 22(3) di mana seksyen 22(3) ini merujuk kepada satu keadaan di mana pemberi sumber itu bukan Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri.

Seksyen 22(1) dan seksyen 22(2) *is different*. I am referring specifically to seksyen 22(3) di mana pemberi sumber itu adalah masyarakat peribumi atau masyarakat tempatan, *one of the ILC*.

Now, kalau kita baca seksyen 22(3) ini secara jelas ia memperuntukkan dalam keadaan macam ini di mana pemberi sumber itu adalah masyarakat peribumi, Kerajaan Persekutuan ataupun pihak berkuasa negeri akan menentukan atau akan menghendaki *the person who has access to the biological resource* itu untuk membayar suatu peratusan daripada faedah kewangan kepada masyarakat ini. *On paper, it's sounds okay* pasal *state* atau *Federal Government* akan *ensure* kepentingan masyarakat peribumi itu *is taken care of*.

Akan tetapi isu saya adalah kalau *we come to a situation* di mana Kerajaan Persekutuan atau *state* mencadangkan satu *ratio* dan masyarakat peribumi tidak terima *ratio* yang dicadangkan. So, *my question is* adakah seksyen 22(3) itu *ratio* yang *disuggest* atau yang *di propose* oleh Kerajaan Persekutuan atau pihak berkuasa negeri adalah satu *ratio* yang muktamad atau masyarakat peribumi dan masyarakat tempatan ada lain *resource*. Maksud saya, *can they go to court or can*

*they go to an arbitration body* dan sebagainya, kalau dia tidak puas hati dengan *ratio* yang di *propose*.

Ini penting fasal kalau sekarang kita tengok banyak tuduhan. *I* bagi contoh *illegal logging* dan sebagainya. Setiap kali kita mendengar tuduhan di mana kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri dia berat sebelah kepada *illegal loggers* sampai mereka terpaksa buat *barricading* dan sebagainya untuk menghalang- ini yang penting kerana kalau *state fixed the rate* atau *Federal Government fixed the rate*, mungkin akan ada tuduhan berat sebelah kepada *pharmaceutical company* atau mana-mana syarikat tertentu. So, saya cuma merujuk kepada kalau dia satu keadaan di mana dia sudah terima *ratio* yang di *propose*, *non-issue*. Saya merujuk kepada satu *situation* di mana dia tidak terima *ratio* yang di *propose* itu.

Mengenai *ratio* ini pada saya rasa lebih elok kalau kita tentukan *ratio* itu dalam akta. Kalau sekarang kita tengok *ratio* itu 22(3) *there is no provision* dalam 22(3). Mungkin *ratio* itu akan ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri melalui peraturan- mungkin. *That could be a later provision* kerana saya faham *ratio* ini bukan satu benda yang *static*, mungkin dia perlu berubah dari semasa ke semasa *and all that*. Akan tetapi pada saya, *we may have to start with a minimum ratio* dalam akta *as the first step* supaya rang undang-undang ini dapat diterima oleh semua pihak.

Akan tetapi saya ada satu, dua soalan sahaja yang *I* hendak tahu. Ini saya baca dari kertas maklumat yang diberi oleh kementerian semalam. *I* tengok dari sesi-sesi *consultancy* dari banyak *session*. *I* tengok dalam rekod itu sejak tahun 2012 sehingga tahun 2016 sebanyak 24 sesi *consultancy* telah diadakan dengan pelbagai *stakeholders*. *I* cuma hendak fokus kepada ILC, kepada *stakeholder* ILC. Kalau *I* rujuk kepada *report* itu atau kertas maklumat itu, dua *session* telah diadakan dengan wakil-wakil ILC. Sekali pada tahun 2012 dan sekali lagi pada tahun 2014 *which I welcome all these kind of consultation session*. Selain daripada itu, saya tahu juga ada *sessions consultancy* dari NGO.

Jadi soalan saya, *consultancy sessions* yang dibuat wakil ILC itu, adakah ia dibuat oleh wakil ILC sebenar atau dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Ini kita kena *clear because* yang satu itu *administrative body*. Ia bukan sebenarnya *representative*. Kalau kita ambil walaupun Jabatan Hal Ehwal Orang Asli *is doing a lot for the* Orang Asli tetapi dari segi wakil, dia bukan wakil sebenar Orang Asli. Ini kerana *indigenous people* ini dia ada dia punya *own cultural way of choosing* dia punya ketua dan sebagainya. So, saya hendak tahu dua-dua sesi *consultancy* ini adakah diadakan dengan wakil ILC.

Kalau betul, ini adalah dua isu saya hendak tahu. Kalau betul sudah ada, kalau tidak ada dengan wakil ILC, dia ada dengan semua Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, kenapa tidak dengan wakil ILC. Kalau diadakan dengan wakil ILC, saya cuma hendak tahu sambutan mereka terutama sekali kepada fasal 22 tadi, fasal 23, terutama sekali fasal 23(4)(b)(ii). Apa sambutan wakil ILC terhadap beberapa cadangan ini? Ini sahaja untuk petang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ada sesiapa yang hendak bahas boleh beri nama pada saya ya. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab. Hamid. Silakan.

**4.48 ptg.**

**Tuan Isa bin Ab. Hamid:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat sejahtera dan salam negaraku. Yang dihormati Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk perbahasan Rang Undang-undang Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017. Keperluan untuk memperkenalkan rang undang-undang ini adalah selaras dengan keperluan masa kini bagi memelihara khazanah sumber semula jadi bagi memastikan hak milikan negara dilindungi.

Walau bagaimanapun bagi memastikan hak milikan negara dilindungi, setiap negeri mestilah mempunyai hak mutlak ke atas sumber biologi dan juga Kerajaan Persekutuan boleh bertindak sebagai badan penyelaras kepada pelaksanaan Undang-undang ABS ini. Perkongsian faedah dan keseragaman tatacara dan akses sumber biologi dapat diwujudkan di seluruh negara. Oleh yang demikian, pengetahuan sumber biologi secara mampan di samping aktiviti pemuliharaan dapat dilaksanakan hasil daripada faedah dapat diperoleh.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai sumber biologi yang kaya dan berpotensi untuk penghasilan produk baru dalam industri farmaseutikal, nutraseutikal seperti ubat-ubatan, makanan tambahan dan produk kosmetik. Contohnya yang kita sedia maklum, tongkat ali sering yang disebut sebagai *long jack* secara spontannya kita terbayang tongkat ali biasanya digunakan sebagai produk kesihatan dan ubatan.

**■1650**

Namun kita tidak maklum terdapat tiga jenis tongkat ali iaitu tongkat ali kuning, tongkat ali hitam dan tongkat ali merah. Semua ini dipanggil akar pahit dalam masyarakat Orang Asli. Terdapat juga tongkat asli yang paling *power* atau paling mujarab iaitu dipanggil tongkat ali jantan. Tongkat ali di kenali dalam masyarakat kita sebagai satu ubat yang merangsang kekuatan tenaga batin namun terdapat juga herba-herba lain seperti dipanggil misai ali, payung ali dan ada juga tongkat baginda ali. Malaysia salah satu daripada 12 negara yang mempunyai kekayaan kepelbagaian biologi di dunia sekurang-kurang 60 peratus dari spesies organisma telah diketahui flora dan fauna negara ini merupakan antara yang terbaik dan terkaya di dunia tropika.

Penggubalan akta ini adalah sangat penting bagi mengelak daripada berlaku kecurian sumber biologi oleh penyelidik luar contohnya satu kes yang pernah berlaku di UKM seorang Profesor Gary Strober iaitu seorang penyelidik daripada barat dalam bidang mikrobiologi yang merupakan pensyarah di *Montana State University*, Amerika Syarikat pernah datang ke UKM pada 20 hingga 28 Januari 2008 sebagai *visitor professor* untuk menghadiri bengkel yang diadakan di UKM. Sebanyak dua paten yang dipatenkan oleh beliau di Amerika Syarikat mengenai kulat yang dijumpai di Malaysia. Kulat yang dipatenkan itu sangat berpotensi untuk merawat penyakit *ganoderma* yang menyerang pokok kelapa sawit.

Merujuk kepada kes di atas pihak kerajaan sukar menangani isu kecurian biologi akibat daripada ketiadaan undang-undang yang khusus bagi melindungi khazanah biologi yang merupakan hak milik negara. Tindakan sewajarnya tidak dapat diambil kerana negara ini tidak mempunyai suatu undang-undang yang sah berkaitan perkara tersebut. Kita juga terdapat banyak kes kecurian hasil-



hasil hutan seperti gaharu, cendana, minyak keruing oleh penggiat-penggiat industri daripada Thailand, Myanmar yang memasuki hutan negara kita secara haram. Oleh itu sudah tiba masanya negara kita mempunyai satu undang-undang kebangsaan bagi mengawal selia aktiviti kajian penyelidikan serta perkongsian maklumat bagi memperkasakan sumber biologi negara.

Rang Undang-undang ABS ini telah melalui proses konsultasi daripada tahun 2012 hingga tahun 2015, rang undang-undang ini dilihat sebagai satu keperluan yang penting bagi memastikan khazanah negara di gunakan secara mapan dan di komersialkan secara yang berfaedah.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kuasa Parlimen selaras dengan Perkara 76(i)(a) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa untuk membangunkan undang-undang berkaitan kuasa kerajaan negeri bagi maksud apa-apa triti perjanjian atau konvensyen antara persekutuan dan mana-mana negeri lain atau apa-apa keputusan terhadap sesuatu organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh persekutuan.

Undang-undang ABS ini mengguna pakai konsep *decentralization* di mana setiap negeri masih mengekalkan hak mutlak ke atas sumber biologi entiti di peringkat negeri yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri bagi menguatkuasakan undang-undang ABS ini di kenali sebagai pihak berkuasa kompeten pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa kompeten pihak berkuasa Persekutuan. Manakala Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan bertindak sebagai penyelaras bagi program ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu undang-undang ABS ini secara umumnya merupakan satu peraturan dan prinsip awal bagi mengawal penggunaan sumber biologi dalam erti kata lain adalah satu sumber biologi yang boleh di akses dan bagaimana pemohon dan pemberi mencapai persetujuan bagi perkongsian faedah secara adil dan saksama.

Masyarakat Orang Asli terutamanya, masyarakat peribumi dan masyarakat tempatan. Pengetahuan yang dimiliki mampu membekalkan maklumat yang berharga kepada pemohon tentang ciri-ciri tertentu nilai sesuatu potensi penggunaan sumber biologi untuk dibangunkan sebagai ubat-ubatan kosmetik dan dikomersialkan bagi manfaat manusia. Saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimanakah masyarakat Orang Asli ataupun peribumi dan masyarakat tempatan dapat di lindungi daripada eksploitasi pihak tertentu semasa proses perundingan perjanjian perkongsian faedah.

Kedua, saya juga ingin bertanya juga kepada kementerian, sejauh manakah masyarakat peribumi dan masyarakat tempatan akan dapat faedah komersial ataupun royalti daripada aktiviti perkongsian ini dan memberi nilai tambah kepada sosioekonomi masyarakat peribumi ataupun masyarakat Orang Asli serta masyarakat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan keizinan berasaskan termaklum awal atau PIC dalam terma yang dipersetujui bersama perlu diperolehi terlebih dahulu oleh pemohon sebelum dibenarkan mengakses sumber biologi sebab kepentingan dalam suatu pengetahuan tadi di isi yang berkaitan dengan sumber biologi selari dengan kerja undang-undang institusi kebangsaan dan terma perjanjian-perjanjian dengan masyarakat peribumi dan juga masyarakat setempat. Jawatankuasa penasihat akan memberi pandangan kepada Kerajaan Persekutuan berkaitan dengan perkara

saintifik perundangan teknikal, etika, disiplin dan yang berkaitan dengan ABS, peranan ILC ataupun masyarakat setempat juga peribumi di dalam undang-undang ABS dapat di kenal pasti.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Chandra supaya melihat jawatankuasa penasihat atau badan penasihat ini melibatkan komuniti peribumi masyarakat Orang Asli dan juga masyarakat setempat. Saya ingin bertanya dengan kementerian, apakah kerajaan akan menubuhkan suatu entiti atau institusi untuk mengkaji secara *scientific evidence base*, dengan izin, untuk mengenal pasti penggunaan herba atau apakah usaha NRE dalam mendokumentasikan pengetahuan tradisi masyarakat peribumi dan juga masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Nagoya Protokol sebuah agensi yang dikenali sebagai *check point*, dengan izin, perlu diwujudkan bagi memantau dan mengesan penggunaan sumber biologi dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi yang akan menguruskan permohonan untuk harta intelek dan pendaftaran produk, pendaftaran paten dan kelulusan produk untuk di pasaran serta geran penyelidikan awam.

Antara agensi yang dikenal pasti institusi pengajian tinggi awam yang terpilih, Perbadanan Harta Intelek Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Agensi Regulatori Farmasi Malaysia, Institut Kesihatan Negara di bawah Kementerian Kesihatan, dan bahagian dana di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Tambahan itu undang-undang ABS ini hendaklah dibacakan bersama undang-undang yang lain bersesuaian dengan kehendak dan keperluan sumber biologi yang diakses. Antara undang-undang yang dimaksudkan fasal (6), Perkara 161A, Perlembagaan Persekutuan; Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 ataupun Perikanan 1985; Akta Orang Asli 1954- yang banyak berkaitan keperluan dan kepentingan masyarakat Orang Asli; Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008; Akta Bio Keselamatan 2007; Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004; Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]; dan Kanun Keseksaan [Akta 574].

Oleh yang demikian langkah tersebut diharap mampu mewujudkan kepastian dari segi undang-undang dan hubungan yang adil di antara pemohon dan pembekal. Faedah yang diperoleh adalah dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan dapat di kongsi secara adil dan saksama di antara pemberi sumber dengan pemohon sumber.

Penggubalan undang-undang adalah selaras dengan usaha dan obligasi negara untuk memastikan objektif ketiga konvensyen kepelbagaian biologi di peringkat antarabangsa sejak Malaysia meratifikasikan Konvensyen Kepelbagaian Biologi pada 22 September 1994. Perjanjian perkongsian faedah di bawah seksyen 22 perlu memaklumkan jenis mekanisme yang diguna pakai bagi memastikan pembahagian faedah yang diperoleh dibagi secara adil di antara pemohon dan juga kumpulan pemberi sumber.

Kesimpulannya, dengan adanya pelaksanaan undang-undang ABS ini diharap pihak-pihak yang bertanggungjawab mampu mengatasi masalah kecurian sumber biologi dalam usaha menjana ekonomi negara di masa hadapan. Rang undang-undang ini juga dilihat mampu merealisasikan agenda negara dalam menggunakan biodiversiti untuk menjana kekayaan baru seperti yang

dinyatakan dalam Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025; Model Baru Ekonomi 2010; Dasar Biologi Negara; Dasar Bioteknologi Negara 2005; dan Rancangan Malaysia Kesebelas.

■1700

Penyertaan terbuka dan telus dari semua pihak berkepentingan, termasuk IRC adalah penting untuk memupuk pengiktirafan sumber asli sebagai warisan negara yang mesti dihargai, dilindungi dan dipulihara. Ia membolehkan penglibatan yang meluas dalam pemuliharaan dan penggunaan sumber alam secara mampan. Perubahan minda dan tingkah laku terhadap perlindungan dan penggunaan sumber biodiversiti yang mampan akan diteruskan melalui inisiatif penggunaan dan pengeluaran mampan.

Akhir sekali, saya menyokong Rang Undang-undang Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017. Semoga diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab. Hamid. Ada sesiapa lagi yang hendak bercakap? Sila. Ada?... Sila.

**5.01 ptg.**

**Tuan Aknan Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk menyumbang sedikit pandangan dalam perbahasan Rang Undang-undang Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017.

Jadi, saya tidak hendak bermukadimah panjang tapi hendak terus kepada- *straight to the point*, dengan izin. Kita lihat dalam akta ini adalah tujuannya ialah untuk mengawal selia akses kepada biologi dan juga isu utama kita ialah *biopiracy*. Oleh kerana kita dapati bahawa rata-rata kita ada ramai pensyarah dari luar negara datang ke sini dengan tujuan untuk membuat penyelidikan dan juga buat penyeliaan ke atas pelajar-pelajar. Ada yang pelajar kita ke luar negara dan balik buat kajian di sini. Jadi, pelajar-pelajar inilah menjadi satu ejen atau saya ingat ejenlah untuk mendapatkan maklumat tentang flora dan fauna dalam negara ini, sumber biologi kita dan di bawa ke luar negara, diserahkan kepada pensyarah. Pensyarah tersebut menggunakan maklumat tersebut untuk mendapat maklumat dan kemudian dipatenkan apa yang didapatkan daripada pelajar tersebut.

Jadi, saya hendak tanya kementerian, apakah langkah yang diambil untuk memastikan bahawa *biopiracy* sebegini tidak akan berlaku pada masa-masa hadapan? Satu lagi ialah kita lihat bahawa negara kita dengan Indonesia, Filipina, Thailand dan sebagainya, iklimnya serupa. Jadi, produk-produk biologikal dalam hutan itu lebih kurang sama. Jadi, macam mana kita hendak pastikan bahawa sekiranya mana-mana syarikat mempatenkan produk mereka menggunakan bahan yang sama tetapi didapati dari negara lain dan dipatenkan, macam mana kita hendak pastikan bahawa kita bukan hanya menjadi pemberi bahan mentah dan tidak ada hak paten tersebut? Oleh kerana mereka telah mematenkannya, menggunakan produk yang sama daripada negara asing. Negara jiran kita. Itu hendak kena jaga. Kalau tidak nanti pemberi sumber kita ini hanya menjadi pengeluar bahan mentah sahaja.

Satu perkara lagi yang kita hendak pastikan ialah- tadi kita- kawan-kawan kita sebut tentang bagaimana hendak pastikan bahawa pembahagian kepentingan itu dijaga. Jadi, saya hendak tanya di sini, apakah ruang yang ada di dalam akta ini ataupun di pihak kementerian untuk pastikan bahawa pemberi sumber ini ada ruang untuk menuntut hak mereka sekiranya mereka rasa tertipu atau tidak adil? Perkongsian itu sudah ada tapi sekiranya mereka rasa tertipu, adakah mereka ada ruang tertentu ataupun mereka perlu pergi mahkamah ataupun ada arbitrase yang disediakan khas.

Oleh kerana ini melibatkan banyak perkara, dari segi pengetahuan-pengetahuan khas penduduk setempat dan juga produk itu sendiri. Produk itu satu hal tapi pengetahuan untuk menggunakan produk tersebut adalah sangat-sangat berharga. Contohnya, kalau kita ada bomoh ataupun dukun yang menggunakan bahan-bahan tertentu dan diadunkan dengan bahan yang lain, itu ialah paten dia, hak pengetahuan dia. Macam mana dia hendak jaga dia punya tu dan kita hendak pastikan kepentingan mereka terjamin.

Satu lagi ialah kita perlu juga lihat tentang sekiranya berlaku pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri. Contoh, katakanlah arahan dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan berdasarkan akta ini bertentangan dengan kepentingan negeri, negeri tidak bersetuju. Jadi, ada pertikaian di situ. Di manakah masing-masing pihak boleh menyelesaikan masalah ini? Oleh kerana kalau tidak nanti yang akan rugi ialah pemberi sumber di kalangan orang-orang tempatan dan juga Orang-orang Asli dan juga masyarakat peribumi di serata negara kita. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi sesiapa yang hendak bercakap di sini? Saya minta sekarang Yang Berhormat Tuan Akmah Ehtook. Sila Yang Berhormat...  
[Setiausaha Dewan memaklumkan Tuan Yang di-Pertua] Dah?

Okay, dah habis semua ya. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**5.06 ptg.**

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin memberi penjelasan sebelum saya menjawab secara detil ya, berhubung dengan undang-undang ini sendiri. Apa sebenarnya kita hendak buat dengan undang-undang ini? Persoalan yang pertama saya ingin hendak sebutkan ialah berhubung dengan kenapa kita terlambat membawa undang-undang ini ke Dewan ini untuk dibincangkan, dibahaskan. Macam yang telah berlaku di Dewan Rakyat, diluluskan, begitu juga di Dewan Negara. Kenapa ia begitu lewat datang ke Parlimen?

Pertama, sebagai penjelasan ialah begini. Apabila *Convention of Biological Diversity* atau CBD itu diwujudkan dahulu, selepas itu ada enam tahun untuk *convention* itu mengatakan kita kena jaga kita punya biodiversiti. Apabila kita kena jaga kita punya biodiversiti, apa mekanisme untuk menjaganya? Apakah kegunaan biodiversiti ini kalau dijaga begitu sahaja? Adakah memberi hasil kepada manusia sejagat? Kalau ia memberi hasil, macam mana untuk *regulate* ataupun mengawal selia kepenggunaan biodiversiti itu sendiri oleh manusia kerana konvensyen ini melibatkan ratusan buah negara. Apabila negara ini terlibat, ada negara yang maju, ada negara yang tidak maju. Ada

negara yang mempunyai banyak pakar, saintis, *researchers*, *technician*, *engineers* dan sebagainya. Akan tetapi ada negara-negara yang tidak maju.

Ada negara yang tidak maju mungkin mempunyai biodiversiti yang tinggi. Malaysia umpamanya ialah negara yang boleh dikatakan 12 mega biodiversiti dunia. Maknanya, 12 buah negara dunia yang terbesar, termasuk Malaysia mempunyai biodiversiti yang tinggi. Sama ada kita mempunyai kepakaran, kebolehan, buat *research and development*, akhirnya meng*commercialized* produk yang dikeluarkan daripada biodiversiti kita. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, maka konvensyen itu berfikiran jauh lebih ke hadapan daripada banyak negara-negara yang mungkin tidak berkemampuan.

Jadi dengan itu, apabila konvensyen itu diwujudkan bahawa ia mesti ada mekanisme untuk menginterpretasikan. Itulah diwujudkan Protokol Nagoya selepas mesyuarat enam tahun, wujudnya, timbulnya Protokol Nagoya di bawah *Convention CBD* itu. *Nagoya Protocol* sudah menggarispandukan macam mana *access sharing benefit* ini supaya macam mana kita akses masuk. Kedua, untuk kita buat *research and development* dan sebagainya. Selepas itu, kita dapati bahawa boleh di*commercialized*. Apabila boleh di*commercialized*, siapa yang untung? Tentulah *researcher* tetapi negara itu sendiri macam mana? Dapat tak? Orang yang punya ilmu ini, dapat tak? Ia belum lagi ada garis panduan di bawah *Convention CBD*.

#### ■1710

Jadi di bawah *Nagoya Protocol* menggariskan panduan macam ini. Itu protokol antarabangsa, dia bukan undang-undang tempatan. Itu disyaratkan di bawah *Nagoya Protocol*. Tiap-tiap negara yang menjadi ahli CBD, kalau hendak *ratified Nagoya Protocol*, mesti mewujudkan undang-undang dahulu. Jadi itulah kenapa sekarang kita ada 70 negara di dunia yang telah *meratify*. Maknanya 70 negara telah mempunyai undang-undang tempatan itu sendiri. Hanya Malaysia belum, itulah Malaysia belum dapat *ratify*. Kenapa kita makan masa yang begitu panjang mewujudkan undang-undang ini? Itu persoalan lain iaitu bahawa kita kena konsultasi.

Negara kita negara Persekutuan. Maknanya kuasa negeri dan kuasa Pusat di*determine* oleh Perlembagaan kita. Semua *resource* macam hutan dan sebagainya, biodiversiti ini, kebanyakannya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Tiap-tiap negeri itu tidak mahu hak ini diambil oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pusat juga tidak hendak ambil hak kerajaan negeri. Itulah kenapa undang-undang ini memakan masa yang panjang.

Itulah kenapa konsultasi kita mempunyai jurang yang begitu lama daripada tahun 2012 hingga 2016 kita membuat konsultasi di semua peringkat termasuk apa yang disoal tadi iaitu *indigenous local communities* (ILC). Dia punya konsultasi itu telah dibuat bersama. Bukan dengan agensi kerajaan sahaja, bukan dengan pihak kerajaan negeri sahaja tetapi kepada *local community* pun ada konsultasi sendiri.

Kenapa? Sebabnya, satu, pihak *indigenous local communities* ini mempunyai ilmu-ilmu sendiri macam mana hendak buat ubat-ubatan daripada pokok bunga dan daun-daun dalam hutan. Pokok dan daun ini mungkin terletak daripada, khusus kalau saya bagi contoh, dalam rizab *NCR land* orang Iban, orang Dayak, orang bumiputera di Sarawak ataupun dalam tanah rizab Orang Asli

di sini. Ataupun mungkin, saya tidak tahulah, yang ini *Malay reserve land*, mungkin ada biodiversiti di situ. Ini juga kena ambil kira. Ini dia orang punya. Jadi tidak sewenang-wenangnya kerajaan hendak ambil hak ini untuk dijadikan benda itu. Akan tetapi dalam masa yang sama, hutan simpan kekal di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat bersama dengan kerajaan negeri. Kerajaan negeri, hutan-hutannya sendiri pun ada. Jadi di sini tiap-tiap kelompok ini ada mempunyai harta-harta kekayaan biodiversiti.

Jadi dalam keadaan sedemikian, undang-undang ini dibuat begitu rupa, digubal begitu rupa supaya tiap-tiap orang, Orang Asli mempunyai rizabnya, orang Melayu mempunyai rizabnya, Dayak, Iban dan sebagainya di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak mempunyai hak-hak tanah sendiri yang mempunyai biodiversiti, kekayaan yang boleh memberi sumber *herbal, medicinal* ataupun *drug*.

Jadi dalam keadaan sedemikian, maka kuasa ini tidak diambil alih oleh Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat hanya menubuhkan *Competent Authority* untuk menjadi penyelar. Dalam undang-undang ini, jelas sekali penubuhan pihak *National Competent Authority* itu adalah sebagai penyelar sahaja. Dia mengawal selia dan menyelar. Penyelarasan ialah oleh sebab- saya hendak jelaskan di sini kenapa. Sarawak dan Sabah mempunyai biodiversiti undang-undang dia sendiri tetapi Sarawak and Sabah bukan badan ataupun entiti yang ada *sign Protocol Nagoya* ataupun *sign Convention CBD because they are not competent to sign*. Dia badan sahaja, *state*. *Federal* ini *is a Federal Government* yang *sign* protokol itu yang jadi *party* itu daripada konvensyen dan baru boleh jadi *party* kepada *Nagoya Protocol*. Dia *sign*.

Jadi keselamatan Sarawak dan Sabah itu nanti bergantung pada undang-undang ini juga kerana kita yang menjadi *conduit* ataupun saluran untuk mempertahankan kekayaan Sabah dan Sarawak di samping mempertahankan kekayaan biodiversiti di seluruh Malaysia, di Semenanjung.

Jadi dalam keadaan demikian, walau bagaimanapun, undang-undang ini sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi tadi bahawa undang-undang ini tidak akan dibawa ke Sarawak dan di Sabah melainkan Sarawak and Sabah bersetuju undang-undang ini dipanjangkan di Sarawak dan Sabah. Akan tetapi, kita tidak boleh lari memasukkan negeri Sarawak dan Sabah dalam undang-undang ini kerana undang-undang ini adalah untuk Malaysia. Kalau tidak, jadi undang-undang ini Semenanjung sahaja. Itulah sebabnya *Protocol Nagoya* ataupun *Convention on Biological Diversity* (CBD) itu untuk Malaysia. Jadi itulah kenapa undang-undang ini ada *potentialnya* dimajukan di Sarawak dan di Sabah. Kalau tidak, akan dilihat masyarakat antarabangsa bahawa undang-undang ini hanya untuk Semenanjung sahaja. Jadi, potensinya ada diperkenalkan di Sarawak dan Sabah dan di samping di Semenanjung Malaysia. Itu yang pertama.

Kedua ialah hak itu walaupun dipanjangkan kepada negeri mana, ke Perlis kah, ke Johor kah, Pahang kah, Kedah, Perak, Melaka dan sebagainya, hak negeri-negeri ini tidak langsung diambil. *Negotiation* untuk orang masuk bincang dengan Orang Asli umpamanya. Kalau di Kelantan, orang Kelantan akan bincang. *The Competent Authority* Kelantan akan bincang dengan Orang Asli. Jadi Orang Asli kata, "*Ini hak kami. Saya memang tahu ini daun boleh diguna untuk ubat sakit perut*

dan tok nenek saya memang sudah guna daun ini.” Jadi dengan itu, *prior informed consent* ialah untuk Orang Asli itu bersetuju ini kita hendak buat satu *research*.

Bila sudah bersetuju, lepas itu *agreement* dibuat dan di bawah kawal seliaan pihak negeri punya *Competent Authority*, bukan pusat. *Competent Authority* negeri dan berapa *share* dia, sama ada dia dapat berapa peratusan dia, *proportion* yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan tadi adalah dipersetujui di antara orang punya ini dengan pihak *Competent Authority* negeri dan juga dengan pihak yang hendak buat *research* dan *development* ini. Bila sudah dipersetujui semua tiga pihak ini, barulah *agreement* itu dibuat sebagai standard dokumen, memang kita wujudkan tetapi *proportion* kita tidak boleh masuk dalam undang-undang.

Sebabnya satu, penjelasan. Kalau hendak buat teh daripada pokok apakah daun dia, hendak buat teh, kalau buat teh daripada pokok tongkat ali lah kononnya, pokok tongkat ali hendak buat teh ataupun hendak buat kopi, *proportion* nya mungkin mudah sahaja, boleh buat 30:70 dengan orang pemaju ini. Akan tetapi kalau dia *drug*, mungkin pendapat daripada ini nanti jauh lebih besar dan *research*nya lebih mendalam dan lebih panjang masa, banyak kos yang terlibat, mungkin *proportion*nya lebih kecil tetapi pulangnya lebih besar.

Jadi *proportion* ini tidak boleh dimasukkan dalam undang-undang. Dia kena di bawah *Competent Authority* punya *agreement*. Jadi itulah, *proportion*nya tidak boleh ditetapkan dalam undang-undang. Takut tiap-tiap kali hendak buat, pinda undang-undang. Tidak boleh. Jadi kita kena-kalau dia punya *drug*, kalau dia jadi racun, dia jadi *herbal*, dia menjadi *medicinal*, *proportion* nya mengikut kebolehan dan kemampuan dan kos terlibat untuk mendapat hasil daripada situ. Dia disetujui oleh pihak tiga ini tadi.

Jadi, kerja *National Competent Authority* ialah untuk melihat supaya syarat undang-undang itu dipatuhi oleh semua pihak dan diwujudkan satu data maklumat supaya dimasukkan dalam sana supaya bila dimasukkan di situ, semua pihak boleh akses, pihak yang ketiga-tiga ini boleh akses dan lihat sudah tidak benda ini *agreement*, apa benda yang dia buat *research*. Jadi, tidak boleh lagi dia bila dia ikut kita *research*, dia pergi ke negara lain- saya hendak menjawab hal lain, buat daftar *pattern*. Tidak boleh sebab kita adakan *agreement*. Kalau dia hendak paten pun, dia kena balik kepada negeri ini, apa *Competent Authority* kata. Kalau dia di Perlis, dia kena balik ke *Competent Authority* Perlis. Kalau di Pahang, dia kena balik ke sana.

#### ■1720

Jadi semua hak itu terjaga di bawah tu. Kalau tidak patuh dengan itu, *then* kita boleh jadi *condued* pihak kerajaan negeri, boleh ambil tindakan kepada pihak yang terlibat dalam *agreement* itu di bawah undang-undang sebagai saluran. Mengambil tindakan orang antarabangsa ini, orang di luar negara sendiri. Sebab daripada sudut itu makna dia, undang-undang ini, kalau seorang peguam mengatakan *extraterritorial law* yang boleh dikuatkuasakan di luar negara kita kepada parti terlibat dalam konvensyen CBD itu yang telah *ratify Nagoya Protocol*. Ini berhubung dengan *Nagoya Protocol* itu sendiri ya. Kalau ada yang belum jelas boleh berdiri tanya saya.

Itu tadi saya sudah jawablah Yang Berhormat Senator Zaiedi punya soalan, tidak payah ulang lagi panjang lebar. Bolehkah ditanya oleh Yang Berhormat Dr. Zaiedi lagi, ABS ini kekalkan

sumber biologi, itu memang tetap. Sumber biologi negeri Sarawak, Sabah, Perlis, Kedah, Perak, Johor, semua kekal negeri itu yang punya, Pusat memang tidak ambil satu pun. Saya pun hendak tanya di mana Pusat dapat duit nanti? Kita urus, kita bagi pegawai, kita lantik *advisor* tapi tidak ada duit, dari mana dapat? Nanti kena bincanglah. Jadi dalam keadaan sedemikian okey, *advisor* ini satu sahaja sebenarnya. Di peringkat nasional dia terdiri daripada orang pakar.

Pakar berhubung dengan pakar macam ini ialah, kalau saya hendak perkenalkan kat belakang, pakar macam Doktor Latif tu. Dia Ketua Pengarah FRIM, saintis, orang pakar macam tu boleh duduk situ, tetapi saya tidak boleh duduk situ. Dia saintis, dia boleh tahu, dia tahu dengan pokok. Di sini baru dia maklum dengan saya tadi, memang tiga jenis sahaja tongkat ali ini Yang Berhormat. Tongkat ali kuning, tongkat ali merah, tongkat ali hitam. Akan tetapi nama Latin dia ada di sinilah, macam-macam tidak payah sebut tu, Latin ini pandai-pandai orang buat. Dia ada sebut pun memang paling bisa digunakan iaitu warna kuning, yang paling kuat, *energy booster* ialah yang hitam, jadi kena tahu tu... [Dewan ketawa]

Jadi, *he is a Head of Scientist* dalam FRIM. Jadi faedah kewangan deposit dalam tabung amanah kumpulan fasal 50, adakah sumber keterangan kepada diguna oleh pihak tertentu sebahagian geran penyelidikan. Di bawah undang-undang ini telah diperuntukkan agar faedah kewangan didepositkan dalam tabung amanah kumpulan negeri atau Persekutuan, itu berlandaskan di mana letaknya biodiversiti itu tadilah. Sebagaimana yang saya sebut tadi, biodiversiti terletak di bawah bidang kuasa negeri, ada yang terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat, yang ada negeri tu dipunyai syer bersama, yang Pusat tu pun ada di syer bersama oleh pihak-pihak *indigenous local communities*.

Jadi, di situ wang itu masuk kepada *restrictive* la, sama da *Federal* ataupun di Pusat. Jadi akhirnya, tidak ada orang ambil siapa punya hak ya. Yang Berhormat Senator Tuan Chandra, *got* sendirilah yang ditanya, kenapa *it takes too long* untuk undang-undang ini dibawa dekat Parlimen. Tadi saya sudah perjelaskan juga bahawa proses *negotiation* untuk *Nagoya Protocol* itu sendiri kena di peringkat negeri, di peringkat antarabangsa.

*Negotiating Protocol* ini bukan main panjang masa, macam *climate change* tu *masya-Allah* kita punya *negotiator* kena kadang-kadang 24 jam tidak tidur. Jadi saya hendak sebutlah, *negotiator* saya bawa sini, cuba berdiri sekejap Datuk Profesor, mana dia? Tu dia, berdiri Datuk, *he's our Chief Negotiator*... [Dewan tepuk] Profesor Nod Gordian ini *well known, one of the best negotiator in the world* termasuk dengan kita punya Doktor Gary dalam kompeni.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** I cuma hendak jelaskan sikit Tuan Yang di-Pertua. Soalan mengenai kenapa lambat ini, sebenarnya bukan sebelum *Nagoya Protocol*. Saya tahu 1992 punya CBD tu kita...

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Okey, saya faham dah, saya faham.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tahun 2010 sampai sekarang.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya *noted*. Selepas *Nagoya Protocol* *why it takes so long*, oleh kerana ini yang penting kena diketahui semua wakil rakyat. Sebabnya kita tidak boleh sewenang-wenangnyanya tubuh undang-undang yang *cross border*, dia satu *state* dengan satu



*state* dengan *Federal* dengan *state* yang mana sumber di bawah Perlembagaan ialah kepunyaan negeri. Di bawah Perlembagaan juga, *Federal* hanya *oversee* perkara ini, tetapi dalam masa yang sama kita *signatory* Malaysia iaitu *Federal*, *signatory* kepada Perlembagaan, kepada Nagoya CBD, *Convention of Biodiversity*, dan akhirnya kalau kita laksanakan undang-undang ini, kita bukan parti itu *Nagoya Protocol*, bukan negeri.

Akan tetapi dalam Perlembagaan kita, negeri. Jadi kita *engagement* dengan negeri ini banyak. Jadi satu, *engagement* dengan negeri dari semua peringkat. Kedua, *engagement* dengan yang terbanyak. Saya dimaklumkan oleh seorang profesor lagi, sekarang dah menjadi *Attorney General* negeri Sarawak. Di kata, "*Inilah undang-undang yang terbanyak sekali daripada sudut engagement*". Jadi itulah *engagement* ini tidak berhenti-henti, hingganya semua *concern group*, *stakeholders*, *satisfied*, bersetuju, puas hati, baru kita bawa ke Dewan.

Dalam masa yang sama apabila saya bantangkan undang-undang ini di Parlimen, di Kabinet, Jemaah Menteri, pun banyak Menteri-menteri mempersoalkan sebab dia satu, dia ada menyentuh sedikit soalan, apa itu kalau kita hendak bawa barang-barang *cross border* kat pokok dan...

**Seorang Ahli:** Kuarantin.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kuarantin, ada berhubung dengan kuarantin. Ketiga, dalam undang-undang ini juga, ada soalan fi, soalan apa tu, itu Kementerian Kewangan kena terlibat dan banyak kementerian terlibat dengan ini, jadi banyak persoalan semua orang kena di isi kehendak dia, supaya kita bila sampai ke sini, Yang Berhormat-yang Berhormat sekalian hanya melihat yang telah disetujui hingga Parlimen sahaja yang *the last one to agree*. Supaya secara teknikalnya, semua kita dah hubung, semua dah hubung. Kita punya badan macam, sekretariat dia macam Doktor Megat, saya kena sebut dia ini sebab dia menangis sebab tidak dapat hadir di Dewan Rakyat, sebab dia ada kerja di luar sana... [*Dewan tepuk*]

Jadi sekarang, kenapa sebab lambat kelambatan tu ialah proses ini makan masa *engagement*, *negotiation*, *consultation* dan perbincangan dengan semua pihak. Semua pihak tidak pernah pun kita mengatakan undang-undang lain yang pernah memberi faedah kepada orang-orang kampung, orang-orang pengamal ubat-ubat tradisi, tidak pernah, inilah undang-undang pertama. Jadi sebab itulah kenapanya, kita buat *engagement* ini secara menyeluruh, bukan sahaja macam Jabatan Orang Asli, tetapi Orang Asli itu sendiri kita jemput. Badan-badan dia kita jemput, untuk mengetahui bersama, supaya dia tidak ketinggalan dalam soalan penggubalan undang-undang ini.

Jadi itulah kenapa makanya makan masa yang begitu panjang. *Of course* Yang Berhormat, bukan hendak bawa bakul masuk sendiri, *it takes a champion to push it through*. *So, I was a champion...* [*Dewan tepuk*]

Jadi Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan juga bertanya, manakah rang undang-undang selepas ini mengambil, okey dah jawab tadi dah, ini dah semua lah siap. *Ratio benefit* tadi saya ingat dah sebut. Kena jelas di bawah seksyen 22 dan 23 tu disebut di situ bahawa yang *determine ratio* tadi berlandaskan apa benda, kalau herba mudah sahaja buat teh kah, buat kopi kah, itu mudah sahaja masuk dalam tu, *check* dan orang FRIM nanti satu ketika kena cap benda itu.

Bila dia cap oleh FRIM, memang *research done properly* dia tidak mendatang apa-apa benda lain lagi tidak ada *side effect* dan sebagainya. Memang kita dah kata okey benda tu dan benda tu pun dah jadi kopi teh kita, tapi kalau hendak buat benda ini untuk ubat-ubatan yang jauh, dia kena dipatenkan, dia kena diterima oleh pihak-pihak antarabangsa dan kita sendiri SIRIM dan sebagainya, mungkin dia lebih remeh lagi sikit *research* dia, mendalam lagi.

*It must be scientific proven effective* dan tidak ada *side effect* dan sebagainya baru boleh dipakai, itu mendalam lagi dan makna *proportion*, mungkin dia kecil sikit dan pulangnya mungkin lebih besar lagi daripada sudut kepada pihak-pihak orang-orang tempatan dan Orang-orang Asli.

#### ■1730

Kenapa negara dunia terlewat? Itu negara protokol itu tadi, masalahnya sama macam kita Yang Berhormat. Sebab apabila dia terlibat dengan *indigenous races*, terlibat dengan *federal and state arrangement*, jadi dia punya biodiversiti itu siapa yang punya di bawah perlembagaan dia. Jadi *engagement* dia makan masa yang panjang.

Itulah kenapa *Nagoya Protocol* ini hingga sini *Insyah-Allah* bila-bila lulus nanti, di *signed* oleh *given a signed by Yang Di-Pertuan Agong*, *insyiah-Allah* kita akan *ratify Nagoya Protocol* apabila kerajaan bersetuju. Sebabnya selepas ini satu lagi kertas di Kabinet akan dibentangkan untuk meminta kebenaran kita *ratify Nagoya Protocol*. Ini kerja Datuk Azimuddin lah. Kerja Datuk Azimuddin, dia akan melaksanakan benda itu. Lepas itu *Nagoya Protocol* boleh *diratify* dan kita menjadi negara yang ke-71 yang *ratify Nagoya Protocol*.

Maknanya selagi-lagi tumbuh-tumbuhan, bunga-bunga, kayu kita dalam hutan kita sudah meningkat dia punya *value*. Itu yang dikata oleh Datuk Ketua Pengarah FRIM, hutan kita yang dijaga oleh Datuk Akhirudin, orang Ketua Pengarah Hutan, *has got value, million worth* dia, *billion worth* dia. Inilah kekayaan atas pokok kita saja, bukan bawah tanah saja. Jadi penasihat itu tadi sudah saya sebut di peringkat negeri. Ini Yang Berhormat saya hendak jelaskan peringkat negeri ini. Di peringkat negeri dia tidak *detail*. Siapa orang penasihat negeri. Tujuan dia satu saja saya hendak beri penjelasan, kita tidak *interfere* dengan *what* negeri hendak buat.

Kalau kita hendak *dictate* dengan negeri kata, negeri akan lihat, Yang Berhormat akan menilai, "Wah kementerian pun *dictate* kepada negeri", siap yang dilantik dalam Jawatankuasa. Jadi itulah sebabnya di dalam ini negeri boleh melantik Jawatankuasa difikirkan perlu oleh pihak negeri. Jadi *competent authority* negeri, kerajaan negeri boleh mewujudkan satu Jawatankuasa di bawah perundangan ini, tidak ada menjadi satu masalah tetapi siapa jadi dalam Jawatankuasa itu, berlandaskan kemahuan kerajaan negeri itu sendiri. Kita tidak hendak ganggu lagi kerajaan negeri.

Jadi itulah sebabnya makna dia kita tidak ambil hak, sikit pun tidak ambil hak negeri. Kita bagi itu. Apa yang di pusat kita *determine*. Apa yang di negeri, negeri itu sendiri putuskan. Itulah kenapa di pusat di sebut siapa yang jadi dalam Jawatankuasa Penasihat dia. Akan tetapi, di negeri itu kita tidak sebut sebab kita hendak biar kebebasan itu untuk negeri melantik siapa dia mahu.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya berlainan sedikit. Pasal kalau saya merujuk kepada 9(2), 9(2) dia merujuk Badan Penasihat kepada negeri, peringkat negeri- 9(2) dia mensyaratkan supaya dan ini saya baca dari 9(2)- 9(2) dia rujuk

Pihak Berkuasa Kompeten peringkat negeri, *of course* saya tahu kita kena tengok pada *Schedule 1* dan sebagainya. Dia cakap, "*Yang terdiri daripada wakil masyarakat peribumi*", disyaratkan di 9(2) untuk peringkat negeri.

Akan tetapi, kalau kita tengok 11 untuk Badan Penasihat kepada Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan, dia tidak syaratkan. Sebaliknya dia terbalik dia punya isu pada saya. Pada saya, *I'm okay* kalau dengan 9(2) itu, *I'm okay*. Bagus kalau kita ada wakil dari masyarakat peribumi. Cuma kalau boleh di peringkat kebangsaan pun, walaupun kalau kita tengok, *clause* fasal 11 dia cakap dari segi kepakaran dan sebagainya itu semua dia *cover*-lah. Mungkin dari segi kepakaran, kita boleh jemput wakil masyarakat peribumi dari segi kepakaranlah. Mungkin dari benda itu boleh diliputi juga masyarakat.

Akan tetapi, isu saya secara khusus dia tidak *mention*. Pasal kalau tengok 11 itu dia cakap *you know, expertise* dan sebagainya. Itu saja isu saya. Akan tetapi pada saya, saya rasa kementerian akan dapat pandangan dari masyarakat peribumi. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, terima kasih. Saya faham apa yang Yang Berhormat sebut tapi apabila di peringkat pusat itu kita tidak perlu mengetahui soalan peribumi sebab kita bukan buat *agreement* untuk pihak *share* dan sebagainya itu. Kita hanya mendapat nasihat saintifik, teknikal, perundangan. Sebabnya saintifik, orang yang hendak datang buat *research* itu *must be a scientific group* dan mengetahui benda yang kita hendak bawa. Sekarang Yang Berhormat untuk makluman Yang Berhormat di New York, ada mempunyai satu badan sekretariat yang mendaftar nama perubatan-perubatan ILC ataupun peribumi ataupun mereka *local community* ini ada didaftarkan.

Bahkan pada masa *Biodiversity Convention* di Cancun baru-baru ini, saya sudah minta Datuk Azimuddin untuk *compile* keseluruhannya pendapat-pendapat peribumi di seluruh Malaysia supaya kita hantar juga didaftarkan di sana. Jadi dalam keadaan sedemikian, dia tidak perlu input daripada pihak peribumi lagi di peringkat pusat. Akan tetapi, yang perlu ialah di peringkat negeri sebab di peringkat negeri itu dia penting untuk mengetahui daripada sudut apa sebenarnya yang dikatakan ilmu-ilmu ataupun perubatan-perubatan diketahui oleh pihak peribumi itu. Terima kasih Yang Berhormat.

Daripada Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab. Hamid tadi adakah kerajaan ada menubuhkan institusi untuk mengkaji secara saintifik *evidence base*. Jadi Yang Berhormat sebenarnya kalau kita lihat daripada sudut, kita hanya mengawal soalan biodiversiti sendiri dan dia punya orang hendak buat hendak *research*. Akan tetapi, kita sendiri sudah mempunyai, seperti mana saya sebut tadi FRIM iaitu *Forest Research Institute Malaysia* sendiri. *Forest Research Institute Malaysia* Yang Berhormat sekarang sudah mempunyai- jadi saya tidak ada jam. Tidak ada jam senang, sudah selepas masa pun boleh, *can to continue*. FRIM itu mempunyai *research* yang telah beratusan pendapat yang telah dibuat oleh FRIM berhubung dengan produk-produk hutan.

Yang Berhormat masih ingat pada tahun 2016, kita sudah lulus undang-undang baru FRIM dan dia punya *research* itu sudah sekarang boleh di-*commercialize*kan tetapi *the take of time* itu makan masa yang panjang kerana kelulusan daripada semua pihak, EPU, pihak MOF dan akhirnya

Jemaah Menteri untuk meluluskan macam mana hendak *commercialize* produk-produk yang ditemui oleh pihak FRIM.

Akan tetapi, pada masa sekarang banyak *research-research* individu yang dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu untuk kegunaan sebagai *herbal* dan sebagainya. Jadi kita pada masa sekarang kita mempunyai banyak. MARDI pun buat *research*. Kalau bukan daripada hutan, daripada hutan kita mempunyai FRIM yang menyeluruh, semua produk-produk hutan. Universiti juga mempunyai *research-research*nya sendiri. Jadi kita tidak perlu lagi buat masa sekarang untuk mewujudkan badan-badan lain untuk membuat *research* kerana universiti kita banyak. Semua universiti kita sekarang sudah sampai *to the stage*. Sebab itu kita ada universiti kita *soaring upwards* sekarang Yang Berhormat. Sebenarnya oleh kerana *research* dibuat di universiti sudah nampak menyerlah sangat pada pihak antarabangsa.

Apa yang tinggal macam mana kita hendak *commercialize* penemuan yang dibuat oleh pihak universiti. Jadi memang *ongoing process*. Apa yang tinggal untuk *commercialization* perkara-perkara yang ditemu oleh pihak buat *research* kita sekarang ini. Apa yang membimbangkan kita ialah takut sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi, orang yang buat *research* bersama dengan universiti, *research* bersama dengan itu, lepas dia dapat data dan maklumat yang boleh- jadi dia hendak patenkan data ini dan di luar negara nanti. Macam yang disebut Yang Berhormat Profesor Gary Strobel, dia buat *research* di sini dengan UKM dan setelah dapat *research* kulat itu, yang disebut Yang Berhormat tadi, dia lepas itu hendak patenkan benda itu di Amerika.

Akan tetapi, Yang Berhormat kita sebenarnya kita sudah protes sudah. Jadi tidak sempat pun dia hendak paten. Jadi tidak dapat.

#### ■1740

Saya cukup yakin, profesor ini tidak berkemampuan. Walaupun dia beri alasan dia kata *research* ini bukan berlandaskan produk kulat daripada Malaysia tetapi kulat daripada Kalimantan. Akan tetapi dia membuat satu kesilapan, semasa dia hendak hantar data kepada pejabat *pattern* yang menunjukkan bahawa *research* dia itu *based on* apa yang dia buat dengan UKM. Jadi dalam keadaan sedemikian, tidak mungkin dia boleh menang. Tidak akan boleh dia hendak *pattern*. Jadi Yang Berhormat, kejayaan itu memang atas pihak yang telah membuat protes daripada universiti itu sendiri. Jadi dalam keadaan sedemikian, orang macam ini Yang Berhormat pada satu ketika nanti kita tidak boleh lagilah, kita memang beri kawalan yang ketat kepada mereka yang membuat *research* di negara kita ini.

Yang Berhormat Tuan Isa bin Ab. Hamid juga, bagaimanakah masyarakat peribumi dan tempatan terutamanya Orang Asli dapat dilindungi? Perlindungan ini di bawah *agreement* yang kita sebut tadi. *Agreement* ini di-*determine* oleh pihak orang peribumi itu sendiri dengan pihak *competent authority* dan dia akan berbincang dengan pihak yang hendak membuat *research development* kepada apa-apa produk itu tadi. Jadi apabila dipersetujui berapa dia punya *proportion, share* dan sebagainya itu akan dikawal selia oleh pihak *Competent Authority* ini sebagai autoriti yang mengawal selia apa yang telah dibuat oleh pihak ini.

Jadi saya diberi maklum, tinggal 20 minit lagi masa ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang ingin saya sebutkan. Kalau ada hendak tanya, bolehlah berdiri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mendengar dengan penuh teliti dan seronok. Apabila saya dengar cara Yang Berhormat menceritakan hal kekayaan bumi kita ini, teringat saya membaca sebuah buku semasa saya muda remaja dulu. Buku itu dikarang oleh Abdullah Munshi. Dia ceritakan kekayaan negara kita ini, hutan rimba kita. Dia kata, "*Makin ku tebas dan terbang hutan itu, maka terasa oleh ku betapa kayanya khazanah negaraku ini*". Dia kata begitu.

Dia kata, "*Makin ku tebas hutan rimba itu terasa betapa banyaknya khazanahnya itu*". Ada benda-benda hutan ini diletakkan dalam masjid-masjid dia kata, kayu jatinya di istana-istana dia kata. Betapa indahnyanya. Dia cakap tentang kekayaan negara kita, khazanah negara Malaysia ini. Oleh sebab itu orang Arab datang ke sini dia cukup menggeleng kepala. "*Oh! Kaya sungguh negara kita ini*", dia kata. Jadi terima kasihlah kepada jeneral-jeneral kita yang menjaga khazanah ini. Terima kasih. Tepuk tangan sedikitlah... *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 63** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[**Jadual Pertama dan Kedua** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (Dato' Henry Sum Agong) dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PINDAAN) 2017

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.47 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu rang undang-undang untuk meminda Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*] bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Henry Sum Agong:** Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah membuat kajian terhadap isu pengiklanan dan paparan harga yang mengelirukan susulan daripada aduan yang diterima daripada pengguna. Berdasarkan kajian yang dijalankan itu, kementerian berhasrat untuk melaksanakan dasar harga terangkum yang mana pengiklanan dan pampameranan dan paparan harga akhir yang perlu dibayar oleh pengguna untuk memperoleh sesuatu barangan atau perkhidmatan hendaklah merangkumi semua harga termasuk cukai, duti atau caj kerajaan serta semua caj lain yang hendak dikenakan oleh mana-mana orang terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan.

Ketiga, kementerian berharap Dasar Harga Terangkum ini juga dapat memperkukuhkan aspek ketelusan harga barangan dan perkhidmatan yang dipaparkan serta persaingan yang lebih adil dan sihat di kalangan peniaga. Ia akan turut memberi manfaat kepada pengguna serta meningkatkan lagi hak kebajikan dan perlindungan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, susulan daripada kajian tersebut, Jemaah Menteri dalam mesyuarat bertarikh 11 November 2016 semasa menimbangkan memorandum daripada kementerian bertajuk Pelaksanaan Dasar Harga Terangkum (DHT) telah bersetuju supaya Akta Perihal Dagangan 2011 [*Akta 730*] dikaji dan diperincikan bagi memastikan Dasar Harga Terangkum ini dapat dilaksanakan.

#### ■1750

Kementerian selanjutnya telah mengkaji semula akta-akta dan peraturan di bawah seliaan kementerian termasuk perundangan berkenaan percukaian. Hasil daripada kajian tersebut, kementerian mendapati bahawa Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*] serta Akta Perihal Dagangan 2011 [*Akta 730*] wajar dipinda bagi memastikan peruntukan berhubung pampameranan, pengiklanan, penyiaran atau sebutan harga akhir yang perlu dibayar oleh pengguna hendaklah termasuk semua cukai, duti atau caj kerajaan dan semua caj lain yang hendak dikenakan oleh mana-mana orang terhadap apa-apa barangan atau perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*] digubal bagi tujuan mengadakan peruntukan bagi mengawal harga barangan dan caj bagi perkhidmatan serta melarang pencatutan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta 723 ini dipinda buat kali terakhir pada tahun 2014, bagi tujuan untuk membuat pindaan pada Seksyen 2, 3 dan 15 serta memasukkan seksyen baharu iaitu seksyen 10A, 53A dan 60A yang berkaitan dengan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk meminda Akta 723 bagi mengadakan peruntukan berhubung pelaksanaan dasar harga terangkum bagi membolehkan pelaksanaan dasar harga terangkum dapat dilaksanakan

supaya kekeliruan dan ketelusan mengenai harga barangan dan caj bagi perkhidmatan yang perlu dibayar oleh pengguna merangkumi pelbagai caj tambahan lain boleh ditangani. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan membenarkan pengawal memperoleh data harga daripada mana-mana orang demi membantu kerajaan dalam memantau harga barangan.

Merangka dasar dan tindakan yang perlu berkaitan dengan harga barangan dan perkhidmatan serta membolehkan pegawai penguat kuasa yang mempunyai akses kepada mana-mana tempat atau premis untuk memeriksa harga barangan atau caj bagi perkhidmatan di tempat atau premis tersebut. Dalam hal ini kementerian telah mengadakan konsultasi dengan Persatuan Pengguna dan industri-industri berkenaan mengenai cadangan untuk menambah baik Akta 730 dan Akta 723 serta peraturan di bawahnya bagi pelaksanaan dasar harga terangkum.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat rang undang-undang ini juga telah disemak dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) memasukkan seksyen baharu 10B bagi mengadakan peruntukan berhubung pelaksanaan dasar harga terangkum (pempameranan, pengiklanan, penyiaran atau sebutan harga) hendaklah termasuk semua cukai, duti atau caj kerajaan dan semua caj lain yang hendak dikenakan oleh mana-mana orang terhadap apa-apa barang atau perkhidmatan. Dalam sesuatu perniagaan yang telah ditetapkan melainkan jika kelulusan diperoleh di bawah seksyen 9(7) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762].
- (ii) memasukkan seksyen baharu 10C untuk memberi kuasa kepada pengawal bagi mendapatkan apa-apa maklumat seperti penyata, dokumen atau maklumat yang mengandungi harga atau apa-apa maklumat lain yang difikirkan perlu oleh pengawal bagi tujuan membantu pekerjaan, memantau harga barangan, merangka dasar dan tindakan yang perlu berkaitan dengan penstabilan harga barang dan caj bagi perkhidmatan; dan
- (iii) meminda subseksyen 28(1) bagi membolehkan penolong pengawal yang mempunyai akses kepada mana-mana tempat atau premis perniagaan memeriksa harga barang atau caj bagi perkhidmatan di tempat atau di premis perniagaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Timbalan Yang di-Pertua saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ada?

Saya minta dulu, silakan Tuan Chia Song Cheng.

**5.57 ptg.**

**Tuan Chia Song Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) Tahun 2017 di Dewan pada petang hari ini.

Pada dasarnya saya menyokong pindaan kepada akta ini kerana ia mempertahankan hak pengguna. Pada masa ini syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga akan membuat satu anggaran dan mengiklankan harga barang atau perkhidmatan dengan bubuh satu atau dua asterisk iaitu *plus* atau *plus* di situ. Contohnya, sesebuah restoran mengiklankan harga bufet mereka RM89++ dan meninggalkan caj lain-lain yang sering disembunyikan dalam *fine print* atau penafian mengiklankan harga sedemikian mengelirukan pengguna kerana secara sengaja menyamai kos sebenar dan mewujudkan persepsi atau ilusi harga murah untuk sesuatu barang dan perkhidmatan.

Dalam seksyen baru 10B yang akan dimasukkan ke dalam Akta 723 ini, semua harga barang dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh peniaga dan penjual akan diwajibkan untuk memaparkan harga terangkum yang merupakan jumlah kos akhir yang perlu dibayar oleh pengguna. Kos seperti jumlah harga semua aspek semua sesuatu produk atau perkhidmatan caj termasuk cukai kerajaan, cukai perkhidmatan dan sebagainya akan dinyatakan dengan telus dan ini akan membolehkan pengguna untuk mengenal pasti kos sebenar dengan lebih senang dan tepat.

Ringkasnya rang undang-undang ini akan menentukan sistem harga berganda yang kita kini ada kepada sistem harga tunggal ataupun *single pricing system*, dengan izin. Akan tetapi terdapat beberapa isu-isu yang saya hendak kemukakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat panjang lagi? Saya minta...

**Tuan Chia Song Cheng:** Panjang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta sambung esok pagi ya termasuk Yang Berhormat Tan Sri Ibrahim Shah pun esok pagi ya. Sebelum kita tangguhkan ini saya nak pesan sedikit iaitu ada pantun orang Melayu berbunyi,

*Nasi lemak berlauk sotong,  
Sotong dibeli berikat-ikat,  
Bulat air kerana pembetung,  
Bulat manusia kerana muafakat... [Dewan tepuk]*

Tahniah syabas Yang Berhormat semua yang telah memberi kerjasama dan berjasa pada petang ini iaitu jam dekat pukul 6. Dengan itu Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Mesyuarat hingga jam 10 pagi esok, Rabu, 16 Ogos 2017. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.01 petang]**